

LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA

2018

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI


SELANGOR

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

SELANGOR

SIRI 1



• KANDUNGAN

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	vii
INTI SARI LAPORAN	xi
<u>BAHAGIAN I</u> AKTIVITI AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Selangor	3
MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) Yayasan Warisan Anak Selangor	47
<u>BAHAGIAN II</u> PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI	
PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)	93
PENGAUDITAN MENGEJUT	127
PENUTUP	141
AKRONIM	145



• PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai kedudukan kewangan, amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti syarikat Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 1 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Aktiviti Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti di satu (1) Agensi Negeri dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 15 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 14 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Pihak pengurusan Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *exit conference* diadakan di samping surat pengesahan diterima daripada mereka sebelum Laporan dimuktamadkan. Dalam Laporan ini hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan 28 syor untuk diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan semasa pengurusan, pemantauan atau pelaksanaan program, projek dan aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Di samping meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam/pegawai/kakitangan/Syarikat Kerajaan Negeri, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

24 Jun 2019



INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

- a. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan pada 27 Mac 1969. Sehingga bulan Disember 2018, PPAS bertanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan sebanyak 104 perpustakaan awam di Negeri Selangor meliputi sembilan (9) daerah dan enam (6) jenis perpustakaan melibatkan perpustakaan negeri, daerah, cawangan, pekan, desa dan perkhidmatan perpustakaan bergerak. Sejumlah RM27.14 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2015 hingga 2018 untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan PPAS antara lain melibatkan projek menaik taraf perpustakaan awam sedia ada, membina perpustakaan awam baru, perkhidmatan perpustakaan bergerak dan pembangunan prasarana teknologi maklumat. Pengurusan dan pelaksanaan projek pembangunan PPAS adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling Kerajaan selepas pemakaiannya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PPAS.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Mac 2019 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Pencapaian Output Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan

Tahap pencapaian output pengurusan projek pembangunan perpustakaan PPAS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020. Merujuk kepada 28 projek pembangunan perpustakaan yang dirancang bagi tahun 2016 hingga 2018 didapati sebanyak 14 atau 50% projek pembangunan perpustakaan telah selesai dilaksanakan. Selain itu, lima (5) atau

17.9% projek masih di peringkat pelaksanaan dan mengalami kelewatan penyediaan berbanding jadual asal ditetapkan dengan kemajuan kerja sebenar projek di tapak antara 36% hingga 96%. Sehingga bulan Disember 2018, sembilan (9) atau 32.1% projek yang dirancang di bawah Pelan Strategik PPAS untuk dilaksanakan masih belum dimulakan dan status masih pada peringkat perancangan.

ii. Prestasi Pencapaian *Outcome* Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan

- Secara keseluruhannya, pencapaian *outcome* projek menunjukkan impak yang positif berikutan peningkatan ketara bilangan kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam selepas pelaksanaan projek pembangunan PPAS. Analisis Audit mendapati jumlah kedatangan pengunjung pada tahun 2017 dan 2018 bagi enam (6) perpustakaan terpilih meningkat setelah dinaik taraf pada kadar 61% hingga 81.4% berbanding sebelum projek menaik taraf perpustakaan dilaksanakan.
- Pencapaian *outcome* terhadap pelaksanaan penambahbaikan koleksi dan bahan perpustakaan mendapati wujud peningkatan antara 5.1% hingga 15.9% pada tahun 2016 hingga 2018 melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM9.13 juta. Manakala bilangan pinjaman buku dan bahan perpustakaan meningkat sebanyak 10.2% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 dan selanjutnya mengalami penurunan sebanyak 0.6% dan 4.0% pada tahun 2017 serta 2018 disebabkan penutupan sementara perpustakaan bagi pelaksanaan projek menaik taraf.
- Sehingga 31 Disember 2018, purata pencapaian pelaksanaan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PPAS adalah pada tahap 82.9% berbanding bilangan program dan aktiviti yang dirancang melibatkan sejumlah 4.16 juta pengunjung.
- Berdasarkan analisis Audit terhadap soal selidik yang telah dijalankan, aspek kepuasan pengunjung terhadap penyediaan kemudahan dan persekitaran perpustakaan yang telah dinaik taraf adalah sangat memuaskan pada tahap 49% manakala peratusan memuaskan adalah pada 47.2%. Secara keseluruhannya, seramai 257 atau 98.8% daripada 260 responden bersetuju dengan pencapaian keberkesanan pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan yang telah dilaksanakan oleh PPAS.

iii. Terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pelantikan perunding, pentadbiran kontrak, pelaksanaan dan pemantauan projek serta pengurusan bayaran yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang perlu diambil tindakan oleh pihak PPAS seperti berikut:

- Jawatankuasa Penilaian Perunding tidak ditubuhkan semasa proses pelantikan firma perunding perkhidmatan pengurusan projek pembangunan PPAS. Tempoh perkhidmatan perunding yang dilantik serta penetapan terma dan syarat lantikan juga tidak diperincikan. Selain itu, tiada perjanjian ditandatangani berhubung pelantikan firma perunding yang telah dilantik pada bulan Jun 2013;
- Bon Pelaksanaan sejumlah RM12,783 bagi satu (1) atau 20% daripada lima (5) projek pembangunan perpustakaan tidak dikenakan. Selain itu, tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bernilai RM20,827 bagi dua (2) projek pembangunan perpustakaan tidak meliputi tempoh pelaksanaan projek seperti ditetapkan;
- kelulusan bagi pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi satu (1) atau 14.3% daripada tujuh (7) projek pembangunan yang mempunyai APK telah dibuat 22 hari selepas tarikh siap kerja;
- tempoh tanggungan insurans bagi lapan (8) atau 66.7% daripada 12 projek pembangunan PPAS tidak melindungi tempoh pelaksanaan projek antara 36 hingga 473 hari. Selain itu, polisi insurans bagi tujuh (7) projek pembangunan juga lewat diserahkan antara 11 hingga 110 hari selepas projek bermula;
- tiada lanjutan masa diluluskan bagi tiga (3) atau 25% daripada 12 projek pembangunan bernilai RM355,552 yang telah lewat siap berbanding jadual ditetapkan. Selain itu, sungguhpun lanjutan masa telah diluluskan bagi lima (5) projek pembangunan PPAS yang disemak, namun projek masih lewat siap tanpa kelulusan lanjutan masa tambahan;
- tiada klausa denda kelewatan penyiapan projek dinyatakan dalam dokumen tawaran Sebut Harga. Pihak Audit turut mendapati lanjutan masa bagi lima (5) atau 41.7% daripada 12 projek lewat diluluskan antara 16 hingga 42 hari selepas tarikh sepatut siap kerja;

- Perakuan Kerja Siap bagi sembilan (9) projek pembangunan perpustakaan berjumlah RM1.61 juta lewat disahkan antara 15 hingga 73 hari selepas tarikh siap kerja; dan
- berdasarkan pemeriksaan fizikal, terdapat 18 ketidakpatuhan spesifikasi kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan tiada potongan bayaran dibuat melibatkan nilai berjumlah RM4,263. Selain itu terdapat 22 butiran bekalan yang tidak disempurnakan dan perkhidmatan yang tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam BQ dengan nilai perbezaan berjumlah RM27,708.

c. Rumusan Keseluruhan Audit

Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Selangor telah dilaksanakan dengan kurang cekap sehingga tidak mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020. Sehingga bulan Disember 2018, sebanyak lima (5) atau 17.9% daripada 28 projek yang dirancang sedang dilaksanakan dan mengalami kelewatan penyiapan. Manakala, sembilan (9) atau 32.1% projek belum dimulakan dan masih pada peringkat perancangan. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* hasil pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan oleh PPAS telah menunjukkan impak yang positif berikutan peningkatan ketara bilangan kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam.

- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan projek pembangunan perpustakaan:
- memastikan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan awam di bawah Pelan Strategik PPAS dirancang dengan teliti dan mengambil kira risiko tempoh pelaksanaan serta mewujudkan satu mekanisme yang efektif untuk dilaksanakan dan dipantau dengan cekap;
 - mengambil perhatian berhubung pengurusan pelantikan perunding dan pentadbiran kontrak serta meningkatkan pemantauan yang lebih secara berterusan bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan;

- latihan berterusan dan bersesuaian diberikan kepada pegawai bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran selaras dengan peraturan dan pekeliling terkini berhubung pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan;
- melantik kakitangan teknikal yang berkelayakan bagi mengurus dan melaksanakan projek pembangunan perpustakaan PPAS; dan
- mengadaptasi pekeliling Kerajaan mengenai perolehan perkhidmatan perunding dan menambah baik SOP.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

2. Yayasan Warisan Anak Selangor

- a. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah diperbadankan pada 5 Februari 2009 dan merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Penubuhan YAWAS adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 13 Tahun 2008 supaya ditubuhkan sebuah Yayasan Pemegang Amanah bagi menguruskan program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS). Aktiviti utama YAWAS adalah menguruskan program TAWAS iaitu antara program yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Di bawah program ini, anak kelahiran Selangor yang layak akan mendapat manfaat berjumlah RM1,500 apabila usia mereka mencapai 18 tahun serta manfaat lain iaitu Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) dan Skim Khairat Kematian (SKK). Selain itu, YAWAS juga diberi tanggungjawab menguruskan program Insentif Perkahwinan Belia (IPB).
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Mac 2019 terhadap YAWAS merumuskan perkara seperti berikut:

i. Tadbir Urus Korporat

Secara umumnya, amalan tadbir urus korporat YAWAS adalah kurang memuaskan. Penambahbaikan perlu dibuat terhadap aspek Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah (LPA), Prosedur Operasi Standard (SOP), Petunjuk Prestasi

Utama, peranan Setiausaha Syarikat dan kawalan dalaman Pengurusan Kewangan.

ii. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan YAWAS menunjukkan syarikat ini adalah stabil dengan merekodkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM16,229 pada tahun 2015, RM46,188 pada tahun 2016 dan RM140,640 pada tahun 2017. Bagaimanapun, YAWAS bergantung sepenuhnya kepada geran Kerajaan dalam melaksanakan aktiviti serta perbelanjaan operasinya. Pada akhir tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai YAWAS berjumlah RM31.83 juta.

iii. Pengurusan Aktiviti

- **Prestasi Aktiviti TAWAS dan IPB**

YAWAS telah mencapai output yang ditetapkan untuk tahun 2016 hingga 2018 - berdasarkan pencapaian yang melebihi sasaran bagi bilangan pendaftaran baru ahli TAWAS dan IPB. Bagaimanapun, keberkesanan keseluruhan program YAWAS masih belum dapat diukur kerana YAWAS belum mewujudkan mekanisma yang mencukupi bagi menilai keberkesanan program TAWAS dan IPB.

- **Pelaksanaan Aktiviti TAWAS dan IPB**

Secara umumnya, kecekapan serta keberkesanan YAWAS dalam menguruskan program YAWAS dan IPB boleh ditambah baik khususnya berkaitan penyediaan proses kerja yang jelas berkenaan tempoh pemprosesan dokumen, mekanisma pemantauan agihan bantuan dan mekanisma pembayaran SKK dan IPB. Ini bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif yang disasarkan iaitu memberi faedah dan kebajikan rakyat Negeri Selangor.

iv. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- tempoh memproses permohonan ahli TAWAS yang lama hingga mencapai 2,395 hari kerana tiada penetapan mengenai tempoh memproses permohonan ahli TAWAS;
- sebanyak 2,638 daripada 15,492 beg sekolah yang diperoleh bagi PBMS Tahun Kelahiran 2011 dengan kos berjumlah RM118,710 masih belum diagihkan kepada ahli TAWAS;
- sebanyak 125 unit beg sekolah dengan kos berjumlah RM5,625 untuk PBMS Tahun Kelahiran 2011 tidak dapat dikesan;
- pihak pembekal beg sekolah bagi PBMS Tahun Kelahiran 2012 gagal membuat pembekalan ke kesemua 56 PKM DUN dengan tempoh kelewatan selama empat (4) hingga 19 hari dari tarikh terakhir pembekalan sepatutnya disempurnakan;
- pengagihan bantuan beg sekolah kepada ahli TAWAS lewat dibuat di mana sehingga 31 Disember 2018, hanya sebanyak 6,635 (33.2%) daripada 20,000 beg sekolah sahaja telah diagihkan kepada ahli TAWAS;
- peruntukan bantuan beg sekolah untuk PBMS Tahun Kelahiran 2012 adalah sebanyak 20,000 daripada keseluruhan 34,050 ahli TAWAS. Bagaimanapun, pemakluman dibuat kepada seramai 24,619 ibu bapa ahli TAWAS Kelahiran Tahun 2012 melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar secara rawak tanpa sebarang asas penetapan;
- tiada kontrak perjanjian dibuat antara pihak YAWAS dengan pihak pembekal bagi perolehan beg sekolah. Selain itu, pembayaran deposit sebanyak 50% telah dibuat kepada pembekal sebelum sebarang pembekalan diterima;
- tempoh memproses permohonan khairat kematian tidak konsisten dengan mengambil masa antara satu (1) hingga 44 hari;
- proses permohonan 17 IPB mengambil masa yang panjang iaitu antara 160 hingga 332 hari dari tarikh penerimaan borang IPB hingga tarikh kelulusan. Selain itu, sebanyak 30 permohonan yang telah diluluskan dalam tempoh satu (1) hingga 332 hari masih belum dibayar; dan

- pembayaran berjumlah RM4.68 juta kepada seramai 9,371 orang penerima IPB yang disahkan pada bulan April hingga September 2018 mengambil masa antara tiga (3) hingga lapan (8) bulan.

c. Rumusan Keseluruhan Audit

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan aktiviti utama yang telah diaudit, objektif penubuhan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah dicapai. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat YAWAS adalah kurang memuaskan dan beberapa penambahbaikan diperlukan selaras dengan amalan terbaik korporat. Kedudukan kewangan YAWAS pula berada pada tahap stabil dengan merekodkan lebih sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut. Berdasarkan aktiviti utama yang dipilih pula, pencapaian output dari segi bilangan pendaftaran baru ahli TAWAS dan Insentif Perkahwinan Belia (IPB) telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam Keberhasilan Utama YAWAS. Pencapaian *outcome* bagi PBMS di bawah TAWAS didapati masih belum tercapai memandangkan agihan bantuan PBMS tidak diagihkan keseluruhannya sebelum sesi persekolahan bermula. Selain itu, bagi program IPB terdapat kelemahan dalam pengurusan IPB melibatkan tempoh bayaran insentif kepada pemohon yang berjaya.

- d. Bagi membolehkan objektif penubuhan YAWAS dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah YAWAS perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dengan mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. menambah baik amalan tadbir urus korporat antaranya menjelaskan tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Lembaga Pemegang Amanah melalui piagam Lembaga Pemegang Amanah, mengadakan mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah mengikut ketetapan Artikel Penubuhan Syarikat, menyediakan SOP syarikat yang menyeluruh dan plan strategik yang berkesan bagi membolehkan operasi syarikat berjalan lancar;
 - ii. agihan bantuan PBMS hendaklah dilaksanakan sepertimana perancangan agar pengagihan dapat dibuat dengan segera sebelum sesi persekolahan bermula;
 - iii. memastikan kontrak perjanjian perolehan PBMS disediakan bagi memastikan kepentingan YAWAS terpelihara sekiranya bayaran pendahuluan dibuat sebelum pembekalan diterima;

- iv. mewujudkan mekanisma pemantauan berterusan terhadap stok beg sekolah yang masih belum diagihkan bagi memastikan tidak berlaku kehilangan;
- v. menambah baik prosedur SOP Tuntutan Khairat Kematian Ahli TAWAS dengan menetapkan secara jelas tempoh memproses permohonan; dan
- vi. memastikan pembayaran insentif IPB kepada pemohon yang berkelayakan dan telah diluluskan dibuat dengan segera.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 15 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan ini telah ditambah baik menggunakan pendekatan baharu iaitu berasaskan risiko dan impak. Pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2018 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan lima (5) Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap Cemerlang, sembilan (9) Jabatan/Agensi Negeri tahap Baik dan satu (1) Jabatan tahap Memuaskan.
- b. Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
 - ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

- iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dikenal pasti melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian dan menjejaskan imej Kerajaan;
- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands-on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

2. Pengauditan Mengejut

- a. Pengauditan mengejut yang telah dijalankan terhadap 20 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri mendapati prestasi pematuhan terhadap pengurusan kewangan berkaitan pengauditan mengejut adalah baik. Dua (2) Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan kewangan manakala 18 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri lain mempunyai kelemahan yang memerlukan penambahbaikan. Penglibatan dan penyeliaan oleh Ketua Jabatan/Agensi Negeri perlu dipertingkatkan terutamanya mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan berkaitan dengan membuat pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa.
- b. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. memastikan semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

- ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- iii. Surat Penurunan Kuasa disediakan kepada semua pegawai kewangan yang terlibat dalam kawalan terimaan;
- iv. mempertingkatkan penyeliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- v. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- vi. mempertingkatkan kawalan dan penyeliaan terhadap barang berharga, aset dan wang awam;
- vii. Surat Penurunan Kuasa diberikan kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125;
- viii. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan selaras dengan AP 309;
- ix. kenderaan perlu dikawal selia sepenuhnya oleh Pegawai Kenderaan selaras dengan Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP) WP 4.1; dan
- x. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.



BAHAGIAN I

AKTIVITI AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

1 PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan pada 27 Mac 1969.

1.2. Matlamat dan objektif penubuhan PPAS yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. menubuh, mengurus dan menyelenggarakan Perpustakaan Awam Negeri dan semua perpustakaan di daerah;
- ii. menyediakan prasarana bagi memudahkan masyarakat mendapat ilmu dan maklumat terkini;
- iii. mengurangkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar;
- iv. membudayakan masyarakat dengan budaya membaca; dan
- v. membantu merealisasikan agenda dan wawasan Kerajaan Negeri.

1.3. Pelaksanaan projek pembangunan PPAS adalah berteraskan kepada Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020 yang dirancang bagi penjenamaan semula (*re-branding*) perpustakaan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan akses ilmu dan maklumat kepada masyarakat. Antara misi yang ditetapkan di bawah Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020 adalah seperti berikut:

- i. memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah dicapai dan berkualiti tinggi;
- ii. membangun prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat; dan
- iii. merealisasikan sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.

1.4. Bagi tujuan penjenamaan semula perpustakaan awam di negeri Selangor, PPAS telah menetapkan empat (4) elemen utama pelaksanaan untuk merealisasikan misi serta objektif yang ditetapkan melibatkan aspek pengurusan sumber manusia, transformasi dan penambahbaikan infrastruktur bangunan perpustakaan,

peningkatan juga penambahbaikan koleksi buku termasuk bahan yang dapat menambah nilai minda, tingkah laku pengunjung serta pelaksanaan program yang kreatif, relevan dan berkesan bagi menarik dan meningkatkan kehadiran pengunjung ke perpustakaan. Antara program pelaksanaan yang dirancang bagi tujuan penjenamaan semula perpustakaan di bawah Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020 adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
BUTIRAN PROGRAM PELAKSANAAN
PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR

BIL.	ELEMEN UTAMA PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN	ANTARA PROGRAM PELAKSANAAN YANG DIRANCANG
1.	Pengurusan Sumber Manusia	Latihan dan kursus yang dianjurkan secara dalaman oleh PPAS dan oleh pihak luar untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, disiplin, cara bekerja dan motivasi dalam diri setiap kakitangan
2.	Transformasi Penambahbaikan Infrastruktur Bangunan Perpustakaan	Membina baru perpustakaan di lokasi terpilih, menaik taraf perpustakaan sedia ada dan penyediaan perpustakaan di pusat membeli belah melalui konsep <i>smart partnership</i> bersama pihak swasta.
3.	Peningkatan Dan Penambahbaikan Koleksi dan Bahan	Pembelian koleksi buku dan bahan baru, sumbangan koleksi daripada orang awam dan pihak swasta serta pengagihan koleksi buku dan bahan kepada semua perpustakaan awam negeri Selangor
4.	Pelaksanaan Program Yang Kreatif, Relevan Dan Berkesan	Pelaksanaan program dan aktiviti galakan membaca secara berterusan, penyediaan program dan perkhidmatan <i>edutainment</i> seperti teater XD/6D, permainan <i>virtual reality (VR) life sketch book</i> , gimnasium, auditorium, dewan serba guna, bilik seminar dan bilik perbincangan untuk kemudahan pengunjung.

Sumber: Pelan Strategik PPAS

1.5. Sehingga bulan Disember 2018, PPAS bertanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan sebanyak 104 perpustakaan awam di negeri Selangor meliputi sembilan (9) daerah dan enam (6) jenis perpustakaan melibatkan perpustakaan negeri, daerah, cawangan, pekan, desa dan perkhidmatan perpustakaan bergerak. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN DAN JENIS PERPUSTAKAAN
DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PPAS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	DAERAH	JENIS PERPUSTAKAAN (BILANGAN)						JUMLAH
		NEGERI	DAERAH	CAWANGAN	PEKAN	DESA	BERGERAK	
1.	Hulu Selangor	-	1	-	1	7	1	10
2.	Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
3.	Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
4.	Kuala Selangor	-	1	1	1	11	1	15
5.	Klang	-	1	1	1	4	1	8
6.	Hulu Langat	-	1	1	3	7	1	13
7.	Petaling	1	-	-	3	3	1	8
8.	Sepang	-	-	-	1	6	1	8
9.	Gombak	-	1	1	-	2	1	5
JUMLAH		1	7	4	12	71	9	104

Sumber: Senarai Perpustakaan Awam Negeri Selangor

1.6. Berdasarkan belanjawan Kerajaan Negeri Selangor yang disalurkan kepada PPAS, sejumlah RM27.14 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2015 hingga 2018 untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan PPAS antara lain melibatkan projek menaik taraf perpustakaan awam sedia ada, membina perpustakaan awam baru, perkhidmatan perpustakaan bergerak dan pembangunan prasarana teknologi maklumat. Pengurusan dan pelaksanaan projek pembangunan PPAS adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling Kerajaan selepas pemakaiannya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PPAS. Selain itu, PPAS turut mengguna pakai Prosedur Operasi (SOP) untuk Pengendalian Projek-projek Kecil Pembangunan. Sehingga bulan Disember 2018, sejumlah RM9.29 juta atau 34.2% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada PPAS. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PROJEK PEMBANGUNAN PPAS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

TAHUN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN * (RM Juta)	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
2015	1.12	0.91	81.3
2016	11.90	6.09	51.2
2017	5.47	2.29	41.9
2018	8.65	0.00	0.0
JUMLAH	27.14	9.29	34.2

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan PPAS

Nota: * - Merujuk Kepada Peruntukan Yang Diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Peruntukan Hanya Akan Disalurkan Apabila Tuntutan Perbelanjaan Sebenar Dibuat

1.7. Pengurusan PPAS diketuai oleh seorang Pengarah serta dibantu oleh seramai 260 kakitangan yang dibahagikan kepada 17 Bahagian dan Unit. Bahagian Perancangan dan Pembangunan PPAS bertanggungjawab terhadap perancangan, belanjawan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan perpustakaan awam di bawah nilai RM500,000. Manakala pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang bernilai melebihi RM500,000 adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembangunan perpustakaan awam dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi meningkatkan tahap kemudahan dan perkhidmatan kepada pengunjung perpustakaan bagi mencapai matlamat PPAS yang ditetapkan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi pencapaian projek pembangunan dan pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam bagi tempoh 2015 hingga bulan Disember 2018. Prestasi pencapaian projek pembangunan perpustakaan awam dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu prestasi pencapaian output dan pencapaian *outcome* berhubung projek pembangunan perpustakaan, penambahbaikan koleksi dan bahan perpustakaan juga program serta aktiviti yang dilaksanakan. Manakala pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam pula dinilai meliputi lima (5) perkara utama iaitu perancangan projek, pelantikan perunding, pentadbiran kontrak, pelaksanaan dan pemantauan projek serta pengurusan bayaran bagi menilai aspek kecekapan pelaksanaan projek pembangunan PPAS. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat PPAS dan 17 perpustakaan awam terpilih.

3.2. Peratus pensampelan yang dijalankan oleh pihak Audit berbanding populasi bilangan projek pembangunan perpustakaan awam yang disemak adalah sebanyak 17 atau 60.7% daripada 28 projek pembangunan yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020 melibatkan kos projek pembangunan perpustakaan berjumlah RM12.91 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.**

JADUAL 4
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

BUTIRAN JENIS PROJEK PEMBANGUNAN	BIL. SAMPEL	BIL. POPULASI	PERATUS SAMPEL (%)	NILAI SAMPEL PROJEK PEMBANGUNAN (RM Juta)
Menaik Taraf Perpustakaan Daerah	1	5	20.0	2.53
Membangun Semula Perpustakaan Daerah *	-	2	-	-
Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan	1	1	100.0	6.71
Menaik Taraf Perpustakaan Pekan	1	3	33.3	0.26
Menaik Taraf Perpustakaan Desa	12	12	100.0	2.04
Membina Baru Perpustakaan Desa	2	3	66.7	1.37
Perpustakaan Komuniti Melalui <i>Smart Partnership</i> **	-	2	-	-
JUMLAH	17	28	60.7	12.91

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * - Projek Belum Mula dan Masih di Peringkat Perancangan

** - Projek Tidak Melibatkan Peruntukan Pembangunan PPAS

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan dengan pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam yang dilaksanakan oleh PPAS. Analisis terhadap penemuan Audit, temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal turut dijalankan di Ibu Pejabat PPAS dan perpustakaan awam terpilih. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada pengunjung perpustakaan awam yang terpilih.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Mac 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Pencapaian Output Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan

Tahap pencapaian output pengurusan projek pembangunan perpustakaan PPAS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020. Merujuk kepada 28 projek pembangunan perpustakaan yang dirancang bagi tahun 2016 hingga 2018 didapati sebanyak 14 atau 50% projek pembangunan perpustakaan telah selesai dilaksanakan. Selain itu, lima (5) atau 17.9% projek masih di peringkat pelaksanaan dan mengalami kelewatan penyediaan berbanding jadual asal ditetapkan dengan kemajuan kerja sebenar projek di tapak antara 36% hingga 96%. Sehingga bulan Disember 2018,

sembilan (9) atau 32.1% projek yang dirancang di bawah Pelan Strategik PPAS untuk dilaksanakan masih belum dimulakan dan status masih pada peringkat perancangan.

b. Prestasi Pencapaian *Outcome* Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan

- i. Secara keseluruhannya, pencapaian *outcome* projek menunjukkan impak yang positif berikutan peningkatan ketara bilangan kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam selepas pelaksanaan projek pembangunan PPAS. Analisis Audit mendapati jumlah kedatangan pengunjung pada tahun 2017 dan 2018 bagi enam (6) perpustakaan terpilih meningkat setelah dinaik taraf pada kadar 61% hingga 81.4% berbanding sebelum projek menaik taraf perpustakaan dilaksanakan.
- ii. Pencapaian *outcome* terhadap pelaksanaan penambahbaikan koleksi dan bahan perpustakaan mendapati wujud peningkatan antara 5.1% hingga 15.9% pada tahun 2016 hingga 2018 melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM9.13 juta. Manakala bilangan pinjaman buku dan bahan perpustakaan meningkat sebanyak 10.2% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 dan selanjutnya mengalami penurunan sebanyak 0.6% dan 4.0% pada tahun 2017 serta 2018 disebabkan penutupan sementara perpustakaan bagi pelaksanaan projek menaik taraf.
- iii. Sehingga 31 Disember 2018, purata pencapaian pelaksanaan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PPAS adalah pada tahap 82.9% berbanding bilangan program dan aktiviti yang dirancang melibatkan sejumlah 4.16 juta pengunjung.
- iv. Berdasarkan analisis Audit terhadap soal selidik yang telah dijalankan, aspek kepuasan pengunjung terhadap penyediaan kemudahan dan persekitaran perpustakaan yang telah dinaik taraf adalah sangat memuaskan pada tahap 49% manakala peratusan memuaskan adalah pada 47.2%. Secara keseluruhannya, seramai 257 atau 98.8% daripada 260 responden bersetuju dengan pencapaian keberkesanan pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan yang telah dilaksanakan oleh PPAS.

5.2. Terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pelantikan perunding, pentadbiran kontrak, pelaksanaan dan pemantauan projek serta pengurusan bayaran yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek pembangunan

perpustakaan awam. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang perlu diambil tindakan oleh pihak PPAS seperti berikut:

- a. Jawatankuasa Penilaian Perunding tidak ditubuhkan semasa proses pelantikan firma perunding perkhidmatan pengurusan projek pembangunan PPAS. Tempoh perkhidmatan perunding yang dilantik serta penetapan terma dan syarat lantikan juga tidak diperincikan. Selain itu, tiada perjanjian ditandatangani berhubung pelantikan firma perunding yang telah dilantik pada bulan Jun 2013;
- b. Bon Pelaksanaan sejumlah RM12,783 bagi satu (1) atau 20% daripada lima (5) projek pembangunan perpustakaan tidak dikenakan. Selain itu, tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bernilai RM20,827 bagi dua (2) projek pembangunan perpustakaan tidak meliputi tempoh pelaksanaan projek seperti ditetapkan;
- c. kelulusan bagi pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi satu (1) atau 14.3% daripada tujuh (7) projek pembangunan yang mempunyai APK telah dibuat 22 hari selepas tarikh siap kerja;
- d. tempoh tanggungan insurans bagi lapan (8) atau 66.7% daripada 12 projek pembangunan PPAS tidak melindungi tempoh pelaksanaan projek antara 36 hingga 473 hari. Selain itu, polisi insurans bagi tujuh (7) projek pembangunan juga lewat diserahkan antara 11 hingga 110 hari selepas projek bermula;
- e. tiada lanjutan masa diluluskan bagi tiga (3) atau 25% daripada 12 projek pembangunan bernilai RM355,552 yang telah lewat siap berbanding jadual ditetapkan. Selain itu, sungguhpun lanjutan masa telah diluluskan bagi lima (5) projek pembangunan PPAS yang disemak, namun projek masih lewat siap tanpa kelulusan lanjutan masa tambahan;
- f. tiada klausa denda kelewatan penyediaan projek dinyatakan dalam dokumen tawaran Sebut Harga. Pihak Audit turut mendapati lanjutan masa bagi lima (5) atau 41.7% daripada 12 projek lewat diluluskan antara 16 hingga 42 hari selepas tarikh sepatut siap kerja;
- g. Perakuan Kerja Siap bagi sembilan (9) projek pembangunan perpustakaan berjumlah RM1.61 juta lewat disahkan antara 15 hingga 73 hari selepas tarikh siap kerja; dan

- h. berdasarkan pemeriksaan fizikal, terdapat 18 ketidakpatuhan spesifikasi kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan tiada potongan bayaran dibuat melibatkan nilai berjumlah RM4,263. Selain itu terdapat 22 butiran bekalan yang tidak disempurnakan dan perkhidmatan yang tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam BQ dengan nilai perbezaan berjumlah RM27,708.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas PPAS telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 20 Mac 2019 manakala maklum balas diterima pada 19 Mac 2019 dan 21 Jun 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Projek Pembangunan Perpustakaan

6.1.1. Pencapaian Output Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan

- a. Pelan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi tahun 2016 - 2020 merupakan *blue print* yang menjadi panduan dan hala tuju warga kerja PPAS dalam memperkasakan sistem penyampaian perpustakaan melalui tiga (3) teras strategik utama. Pengukuran output pengurusan projek pembangunan perpustakaan dibuat melalui perbandingan terhadap pelaksanaan sebenar projek pembangunan berbanding sasaran ditetapkan mengikut perancangan di bawah Pelan Strategik PPAS Tahun 2016 – 2020. Mengikut Pelan Strategik 2016 – 2020, sebanyak 29 projek pembangunan telah disenaraikan di bawah teras strategik pertama untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun.
- b. Berdasarkan Pelan Strategik PPAS dan Laporan Cadangan Projek Pembangunan Perpustakaan, sebanyak 28 projek pembangunan perpustakaan awam telah dirancang untuk dilaksanakan sehingga tahun 2018 meliputi projek menaik taraf atau membangun semula perpustakaan awam sedia ada, membina perpustakaan baru dan pelaksanaan perkongsian bijak (*smart partnership*) bagi mewujudkan perpustakaan komuniti yang terletak di dalam kompleks membeli belah di lokasi terpilih.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2018, sebanyak 14 atau 50% daripada 28 projek pembangunan perpustakaan awam telah

selesai dilaksanakan manakala lima atau 17.9% projek masih di peringkat pelaksanaan. Selain itu, sebanyak sembilan atau 32.1% projek yang dijadual dilaksanakan sehingga tahun 2018 di bawah Pelan Strategik PPAS masih belum bermula. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PENCAPIAN OUTPUT PROJEK PEMBANGUNAN
PERPUSTAKAAN PELAN STRATEGIK PPAS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018**

JENIS PROJEK	JUMLAH PROJEK DIRANCANG SEHINGGA 2018	STATUS PROJEK PEMBANGUNAN PPAS 2016 – 2020					
		SELESAI		DALAM PROSES		BELUM MULA	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Menaik Taraf Perpustakaan Daerah	5	-	-	2	40.0	3	60.0
Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan	1	-	-	1	100.0	-	-
Menaik Taraf Perpustakaan Pekan	3	2	66.7	-	-	1	33.3
Menaik Taraf Perpustakaan Desa	12*	10	83.3	2	16.7	-	-
Membangun Semula Perpustakaan Daerah	2	-	-	-	-	2	100.0
Membina Baru Perpustakaan Desa	3	1	33.3	-	-	2	66.7
Perpustakaan Komuniti Melalui <i>Smart Partnership</i>	2	1	50.0	-	-	1	50.0
JUMLAH	28	14	50.0	5	17.9	9	32.1

Sumber: Pelan Strategik dan Laporan Status Pelaksanaan Projek PPAS

Nota: * - Terdapat Penjimatan Daripada Projek Pembangunan yang Diluluskan, Membolehkan Ianya Digunakan Untuk Membiayai Satu Projek Baru Iaitu Projek Menaik Taraf Perpustakaan Desa.

d. Projek Pembangunan Perpustakaan di Bawah Pelan Strategik PPAS yang Sedang Dilaksanakan

- i. Semakan Audit mendapati lima (5) daripada 28 projek pembangunan perpustakaan di bawah Pelan Strategik PPAS masih di peringkat pelaksanaan dan mengalami kelewatan penyiapan berbanding jadual asal yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2018, status kemajuan sebenar di tapak bagi lima (5) projek dengan nilai keseluruhan berjumlah RM12.07 juta adalah antara 36% hingga 96%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6**.

**JADUAL 6
STATUS PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN YANG SEDANG
DILAKSANAKAN DI BAWAH PELAN STRATEGIK PPAS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018**

BIL	BUTIRAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (MINGGU)	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUT SIAP	STATUS KEMAJUAN PROJEK DI TAPAK (%)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Gombak	2.51	48	27.11.2017	29.10.2018	96.0
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Sabak Bernam	2.53	52	24.11.2017	23.11.2018	36.0
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bukit Kapar, Klang	0.13	12	10.10.2018	07.01.2019	85.0
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 19, Jeram	0.19	12	10.10.2018	07.01.2019	50.0

BIL	BUTIRAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	TEMPOH PROJEK (MINGGU)	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUT SIAP	STATUS KEMAJUAN PROJEK DI TAPAK (%)
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan Tanjong Karang, Kuala Selangor	6.71	72	21.11.2017	08.04.2019	40.0
JUMLAH		12.07				

Sumber: Laporan Status Pelaksanaan Projek PPAS

- ii. Berdasarkan jadual di atas, semakan Audit mendapati pelaksanaan tiga (3) daripada lima (5) projek pembangunan perpustakaan iaitu Projek Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Gombak dan Sabak Bernam serta Projek Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan Tanjong Karang adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor yang dilantik bagi menguruskan projek pembangunan dan PPAS bertindak sebagai pelanggan. Ketiga-tiga projek tersebut telah diberi kelulusan lanjutan masa antara 85 hingga 142 hari.
- iii. Selain itu, pelaksanaan dua (2) Projek Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 19, Jeram dan Bukit Kapar, Klang di bawah PPAS turut diberi kelulusan lanjutan masa masing-masing 21 dan 31 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELULUSAN LANJUTAN MASA TERHADAP
PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN YANG SEDANG
DILAKSANAKAN DI BAWAH PELAN STRATEGIK PPAS SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	BUTIRAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	TARIKH SEPATUT SIAP ASAL	LANJUTAN MASA (Hari)	TARIKH SEPATUT SIAP BARU	ANTARA JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA
AGENSI PELAKSANA: JABATAN KERJA RAYA						
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Gombak	2.51	29.10.2018	85	22.01.2019	Kelewatan pelantikan <i>nominated sub-contractor</i> elektrik disebabkan proses memuktamadkan susun atur reka bentuk dalaman dan spesifikasi perabot
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Sabak Bernam	2.53	23.11.2018	140	12.04.2019	Kerja tambahan pembaikan tandas berikutan mendapan tanah dan membuka <i>ducting air-conditioner</i> lama
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan Tanjong Karang, Kuala Selangor	6.71	08.04.2019	142	28.08.2019	Masalah <i>water level micro pile</i> dan kelewatan kelulusan permit sementara

BIL.	BUTIRAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)	TARIKH SEPATUT SIAP ASAL	LANJUTAN MASA (Hari)	TARIKH SEPATUT SIAP BARU	ANTARA JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA
AGENCI PELAKSANA: PPAS						
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 19, Jeram	0.19	07.01.2019	21	28.01.2019	Masalah cuaca dan perubahan teknikal
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bukit Kapar, Klang	0.13	07.01.2019	31	07.02.2019	Kerja-kerja struktur bumbung

Sumber: Surat Setuju Terima (SST) dan Kelulusan Lanjutan Masa

- iv. Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati justifikasi kelulusan lanjutan masa oleh JKR bagi Projek Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Gombak kepada kontraktor yang dilantik adalah berikutan kelewatan pelantikan *nominated sub-contractor* elektrik disebabkan proses memuktamadkan susun atur reka bentuk dalaman dan spesifikasi perabot yang mengambil masa lebih lama daripada jangkaan asal. Manakala Projek Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Sabak Bernam dan Cawangan Tanjung Karang, Kuala Selangor telah dilanjutkan tempoh projek masing-masing selama 140 dan 142 hari. Lanjutan ini disebabkan oleh kerja tambahan pembaikan tandas berikutan mendapan tanah dan membuka *ducting air-conditioner* lama serta masalah *water level micro pile* dan kelewatan kelulusan permit sementara.

e. Projek Pembangunan Perpustakaan di Bawah Pelan Strategik PPAS yang Belum Dilaksanakan

- i. Semakan Audit mendapati sebanyak sembilan (9) atau 32.1% daripada 28 projek pembangunan perpustakaan yang sepatutnya dilaksanakan masih belum bermula dan tidak menepati perancangan asal seperti ditetapkan di bawah Pelan Strategik PPAS. Projek yang belum mula dilaksanakan ini melibatkan satu (1) projek yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2016, dua (2) projek tahun 2017 dan enam (6) projek tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH
PELAN STRATEGIK PPAS YANG BELUM DIMULAKAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	BUTIRAN PROJEK	TAHUN JANGKAAN PELAKSANAAN MENGIKUT PELAN STRATEGIK	STATUS PROJEK
1.	Membangun Semula Perpustakaan Daerah Sepang	2016	Pencarian tapak tanah baru bagi pelaksanaan projek susulan cadangan tapak asal tidak bersesuaian.
2.	Membangun Semula Perpustakaan Daerah Klang	2017	Masih di peringkat pencarian tapak yang sesuai.
3.	Membina Baru Perpustakaan Desa Taman Sri Medan, Kuala Langat	2017	Masalah tanah mendap di lokasi tapak cadangan perpustakaan.
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Kuala Langat	2018	Dokumen tender telah mula dijual pada 19 November 2018 dan tender projek akan tutup pada 12 Disember 2018.
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Hulu Selangor	2018	Dokumen tender telah mula dijual pada 13 Disember 2018 dan tender projek akan tutup pada 8 Januari 2019.
6.	Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Hulu Langat	2018	Peruntukan telah diluluskan pada tahun 2018. Bagaimanapun, projek di tangguh dan dibawa ke tahun 2019 berikutan peruntukan yang diterima tidak mencukupi.
7.	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Dataran Sabak, Sabak Bernam	2018	Projek di tangguh dan dibawa ke tahun 2019 susulan permohonan peruntukan yang dibuat pada tahun 2018 tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri.
8.	Membina Baru Perpustakaan Desa Dataran Prima, Ampang	2018	Cadangan projek asal telah di batal berikutan cadangan keluasan tanah bagi tapak projek tidak bersesuaian dengan cadangan pembinaan. Projek telah digantikan melalui pelaksanaan Projek Membina Perpustakaan Komuniti Puchong Indah.
9.	Pelaksanaan Perpustakaan Komuniti Melalui <i>Smart Partnership</i> di Centrus Mall, Cyberjaya	2018	Perbincangan bersama pihak penaja.

Sumber: Pelan Strategik PPAS

- ii. Semakan lanjut mendapati dokumen tender bagi pelaksanaan dua (2) daripada sembilan (9) projek yang belum mula telah dijual kepada syarikat yang berminat pada bulan November dan Disember 2018. Selain itu, dua (2) cadangan projek telah ditangguhkan dan dibawa ke tahun 2019 berikutan peruntukan yang tidak mencukupi. Manakala lima (5) projek yang dirancang telah tertangguh berikutan masalah tapak tanah dan lokasi cadangan projek yang tidak bersesuaian.

- f. Kelewatan menyiapkan projek yang sedang dilaksanakan dan kelewatan memulakan projek menyebabkan tempoh menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang lebih berkualiti tertangguh. Selain itu, pelaksanaan projek yang lewat dan belum mula mengikut perancangan asal turut menyebabkan peratusan perbelanjaan peruntukan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri rendah.

Maklum Balas PPAS dan JKR Negeri Selangor yang Diterima pada 19 Mac dan 21 Mac 2019

Pemantauan berhubung tahap kemajuan dan status pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan di bawah Pelan Strategik akan dilaksanakan secara berkala melalui Sistem Pemantauan Projek yang akan dibangunkan oleh PPAS secara *in-house*. Selain itu, Mesyuarat Kajian Semula Pelaksanaan Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020 turut segera dilaksanakan.

Pihak JKR Negeri Selangor turut memaklumkan sehingga bulan Mac 2019, status kemajuan di tapak bagi Projek Menaik Taraf Perpustakaan Daerah Sabak Bernam adalah pada tahap 51% manakala Projek Menaik Taraf Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang adalah pada tahap 69% siap. PPAS turut memaklumkan Projek Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 19, Jeram dan Bukit Kapar, Klang telah siap pada bulan Februari 2019.

Pada pendapat Audit berdasarkan pencapaian output projek pembangunan perpustakaan sehingga bulan Disember 2018 di bawah Pelan Strategik 2016 – 2020, PPAS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini berikutan lima (5) atau 17.9% daripada 28 projek yang dirancang sedang dalam pelaksanaan dan lewat berbanding jadual penyiapan asal projek manakala sembilan (9) atau 32.1% projek masih belum mula.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pencapaian Objektif Pelaksanaan Projek Pembangunan Perpustakaan

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya jabatan/agensi membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Merujuk kepada Pelan Strategik PPAS 2016 - 2020, antara misi yang ditetapkan berhubung pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang dirancang adalah untuk membangunkan prasarana

perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.

- ii. Bagi tujuan penilaian pencapaian *outcome* pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan, pihak Audit membuat perbandingan terhadap statistik kehadiran pengunjung harian di setiap perpustakaan terlibat bagi tempoh sebelum dan selepas projek pembangunan dilaksanakan. Ini untuk memastikan projek pembangunan perpustakaan yang dilaksanakan telah berjaya menarik minat pengunjung ke perpustakaan. Selain itu, pihak Audit turut menilai aspek penambahbaikan koleksi dan bahan perpustakaan serta pelaksanaan program dan aktiviti yang dianjurkan oleh PPAS bagi menentukan pencapaian *outcome* projek pembangunan PPAS secara menyeluruh.
- iii. Data statistik kehadiran pengunjung yang diperoleh melalui Laporan Bulanan Kehadiran Pengunjung yang diselenggarakan oleh Pegawai Pustakawan di setiap perpustakaan pekan/desa terlibat telah digunakan dalam penilaian ini. Penilaian *outcome* terhadap pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan awam PPAS telah dibuat terhadap enam (6) atau 42.9% projek menaik taraf perpustakaan yang siap pada tahun 2016 daripada keseluruhan 14 projek yang siap dalam tempoh 2016 hingga 2018. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.


JADUAL 9
PENILAIAN *OUTCOME* TERHADAP PERBANDINGAN KEHADIRAN PENGUNJUNG SEBELUM DAN SELEPAS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

BIL.	PERPUSTAKAAN YANG TELAH DINAIK TARAF	TARIKH PROJEK SIAP	BILANGAN PENGUNJUNG			
			SEBELUM	TAHUN PELAKSANAAN PROJEK	SELEPAS	
			2015	2016	2017	2018
1.	Perpustakaan Desa Sungai Selisik, Hulu Selangor	08.09.2016	3,987	956	4,293	7,990
2.	Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	08.11.2016	5,694	2,273	9,331	11,218
3.	Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	24.11.2016	6,025	2,610	5,811	5,234
4.	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	10.10.2016	3,245	1,762	5,279	5,387
5.	Perpustakaan Desa Dato Ahmad Razali, Sepang	10.10.2016	2,840	1,773	8,435	8,520
6.	Perpustakaan Pekan Sekinchan, Sabak Bernam	20.10.2016	3,946	2,624	8,297	8,349
JUMLAH			25,737	11,998	41,446	46,698
PERATUS PENINGKATAN BERBANDING TAHUN 2015 (%)					61.0%	81.4%

Sumber: Data Statistik Kehadiran Pengunjung PPAS

iv. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya terdapat peningkatan ketara bilangan kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam selepas pelaksanaan projek menaik taraf pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing pada 61% dan 81.4% berbanding tahun 2015. Bagaimanapun, bilangan kehadiran pengunjung di Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat mengalami penurunan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 berikutan kemudahan internet yang tidak memuaskan untuk kegunaan pengunjung di perpustakaan. **Carta 1** menunjukkan trend peningkatan kehadiran pengunjung manakala **Gambar 1** hingga **Gambar 6** menunjukkan keadaan perpustakaan sebelum dan selepas projek menaik taraf dilaksanakan.

CARTA 1
PENILAIAN *OUTCOME* TERHADAP BILANGAN KEHADIRAN PENGUNJUNG KE PERPUSTAKAAN SEBELUM DAN SELEPAS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN



Sumber: Jabatan Audit Negara



Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat - Bangunan Sebelum Dinaik Taraf (2015)
(Sumber: PPAS)



Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat - Bangunan Selepas Dinaik Taraf (29.1.2019)

GAMBAR 3



Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat
- Bahagian Dalam Perpustakaan Sebelum Dinaik
Taraf
(2015)
(Sumber: PPAS)

GAMBAR 4




Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat
- Bahagian Dalam Perpustakaan Selepas Dinaik
Taraf
(29.1.2019)

GAMBAR 5



Perpustakaan Desa Dato' Ahmad Razali, Sepang
- Bahagian Dalam Perpustakaan Sebelum Dinaik
Taraf
(2015)
(Sumber: PPAS)

GAMBAR 6



Perpustakaan Desa Dato' Ahmad Razali, Sepang
- Bahagian Dalam Perpustakaan Selepas Dinaik
Taraf
(8.1.2019)

b. Pencapaian Pelaksanaan Penambahbaikan Koleksi dan Bahan Perpustakaan

- i. Berdasarkan Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020, pembangunan koleksi buku dan bahan perpustakaan adalah untuk mengukuhkan koleksi serta bahan perpustakaan yang komprehensif melalui perolehan bahan terbitan dalam dan luar negara. PPAS menetapkan sasaran bagi pelaksanaan penambahbaikan koleksi buku dan bahan sebanyak 100,000 hingga 150,000 naskhah setahun.
- ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2015 hingga 2018, PPAS menerima peruntukan bagi pelaksanaan penambahbaikan koleksi buku dan bahan di perpustakaan awam sebanyak 461,089 naskhah dengan nilai perbelanjaan berjumlah RM11.94 juta seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENCAPAIAN PRESTASI PENAMBAHBAIKAN
KOLEKSI DAN BAHAN PERPUSTAKAAN AWAM DI NEGERI SELANGOR

TAHUN	BILANGAN KOLEKSI (Naskah)		PENCAPAIAN (%)	PERBELANJAAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
	SASARAN	SEBENAR			
2015	100,000 hingga 150,000	103,714	-	2,804,855	-
2016		108,999	5.1	2,797,751	(0.3)
2017		115,031	5.5	2,928,978	4.7
2018		133,345	15.9	3,402,435	16.2
JUMLAH		461,089		11,934,019	

Sumber: Pelan Strategik dan Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan PPAS

- iii. Berdasarkan jadual di atas, analisis audit mendapati peningkatan antara 5.1% hingga 15.9% bagi bilangan koleksi buku dan bahan pada tahun 2016 hingga 2018. Manakala jumlah perbelanjaan yang digunakan bagi koleksi buku dan bahan meningkat pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing pada 4.7% dan 16.2% berbanding tahun 2016. Bagaimanapun pada tahun 2016 perbelanjaan bagi koleksi buku dan bahan menurun sebanyak 0.3% berbanding 2015 disebabkan kekurangan peruntukan yang diterima.
- iv. Pihak Audit juga turut meneliti hasil penambahbaikan aspek koleksi dan bahan di perpustakaan awam melalui penilaian keberkesanan terhadap jumlah pinjaman yang dibuat oleh pengunjung perpustakaan bagi tahun 2015 hingga 2018. Analisis Audit terhadap statistik keahlian, pinjaman dan pengunjung mendapati bilangan pinjaman buku dan bahan pada tahun berkenaan adalah sebanyak 2.73 juta naskhah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
BILANGAN PINJAMAN BUKU DAN BAHAN
DI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR

TAHUN	BILANGAN PINJAMAN (Naskah)	KADAR PENINGKATAN/(PENURUNAN) PINJAMAN BUKU/BAHAN (%)
2015	642,230	-
2016	707,793	10.2
2017	703,385	(0.6)
2018	675,108	(4.0)
JUMLAH	2,728,516	

Sumber: Ringkasan Statistik Keahlian, Pinjaman dan Pengunjung PPAS

Nota: Data Statistik Keahlian, Pinjaman dan Pengunjung PPAS Ini Tidak Melibatkan Pustaka Raja Tun Uda

- v. Berdasarkan jadual di atas, analisis audit mendapati peningkatan bilangan pinjaman buku dan bahan sebanyak 10.2% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Manakala pada tahun 2017 dan 2018 bilangan pinjaman buku dan bahan mengalami penurunan sebanyak 0.6% dan 4.0% disebabkan penutupan sementara perpustakaan bagi tujuan pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan.

c. Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Anjuran PPAS

- i. Berdasarkan Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020, gerakan menjejaki pelanggan dan pembaca serta pembangunan program literasi melalui pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan perpustakaan bagi memenuhi keperluan pelanggan, PPAS telah merancang untuk melaksanakan program bagi penambahan kreativiti dan menggalakkan kehadiran pengunjung ke perpustakaan.
- ii. PPAS menyasarkan 15 program dan aktiviti yang akan dilaksanakan di seluruh Perpustakaan Awam Negeri Selangor sepanjang tahun 2016 hingga 2018. Semakan Audit terhadap senarai pelaksanaan program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh PPAS setakat bulan Disember 2018 mendapati, pencapaian pelaksanaan adalah antara 33.3% hingga 100% bagi setiap program dan aktiviti manakala pencapaian keseluruhan pelaksanaan adalah pada tahap 82.9% seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12

PENCAPAIAN PRESTASI PROGRAM DAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN AWAM DI NEGERI SELANGOR

BIL.	BUTIRAN PROGRAM DAN AKTIVITI	SASARAN (2016-2018)	PENCAPAIAN SEBENAR			PENCAPAIAN (%)
			2016	2017	2018	
1.	Jom Baca Bersama untuk 10 Minit	24 April Setiap Tahun	25 April	25 April	24 April	100
2.	Malaysia/ World Quran Hour		29 Jun	19 Jun	7 Jun	100
3.	Festival Buku dan Kanak-kanak (FESBUK)	4 kali Sepanjang Tempoh	22 Hingga 24 April	3 hingga 5 Februari	2 hingga 4 Februari	100
4.	Pesta Buku Selangor		28 Julai hingga 7 Ogos	30 Mac hingga 9 April	29 Mac hingga 8 April	100
5.	Gerakan membaca ke seluruh daerah	Mac – Julai Setiap Tahun	Tidak Dilaksanakan	April hingga September	April hingga September	66.7
6.	Karnival Pengajian Tinggi Selangor	1 - 4 Mac Setiap Tahun	Tidak Dilaksanakan		1 hingga 4 Mac	33.3
7.	Karnival Ilmu @ Selayang	24 Februari Setiap Tahun	Tidak Dilaksanakan		24 Februari	33.3
8.	Karnival Pendidikan <i>Smart</i> Selangor	1 – 3 November Setiap Tahun	25 hingga 27 November	7 hingga 8 November	10 hingga 12 November	100
9.	Jom Masuk Aliran Sains	13 Januari 2018	Tidak Berkenaan		13 Januari	100
10.	Hari Sains Sedunia	10 November 2018	Tidak Berkenaan	10 November	10 November	100
11.	Promosi Stem	10 November 2018	Tidak Berkenaan	10 November	10 November	100

BIL.	BUTIRAN PROGRAM DAN AKTIVITI	SASARAN (2016-2018)	PENCAPAIAN SEBENAR			PENCAPAIAN (%)
			2016	2017	2018	
12.	Memori Kemerdekaan	16 Ogos Setiap Tahun	16 Ogos	16 Ogos	16 Ogos	100
13.	Merdeka Quran Hour	21 Ogos Setiap Tahun	Tidak Dilaksanakan	31 Ogos	30 Ogos	66.7
14.	Pengkisahan Sejarah	21 Ogos Setiap Tahun	2 Jun dan 8 September	7 Mac dan 21 Jun	Tidak Dilaksanakan	66.7
15.	Tilawah Al-Quran Braille	Syaaban/Ramadhan Setiap Tahun	21 Syaaban/28 Mei	24 Ramadhan/19 Jun	22 Ramadhan/9 Jun	100
PENCAPAIAN KESELURUHAN (%)						82.9

Sumber: Pelan Strategik dan Senarai Pelaksanaan Program dan Aktiviti PPAS

- iii. Antara program dan aktiviti utama yang telah dilaksanakan oleh PPAS bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti Pesta Buku Selangor, Jom Baca Bersama untuk 10 minit, Festival Buku dan Kanak-kanak melibatkan jumlah penglibatan peserta program dan aktiviti seramai 4.16 juta peserta seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
JUMLAH PESERTA BAGI PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN PPAS

BUTIRAN PROGRAM DAN AKTIVITI	BILANGAN PESERTA MENGIKUT TAHUN			BILANGAN (Peserta)
	2016	2017	2018	
Pesta Buku Selangor	168,645	365,658	515,801	1,050,104
Jom Baca Bersama untuk 10 Minit	850,481	837,992	973,923	2,662,396
Festival Buku dan Kanak-kanak	39,453	32,315	46,548	118,316
Malaysia/World Quran Hour	6,495	89,753	98,321	194,569
Tilawah Al-Quran Braille	1,500	650	326	2,476
Karnival Pendidikan Smart Selangor	5,015	5,034	34,596	44,645
Lain-lain Program dan Aktiviti	-	72,939	15,474	88,413
JUMLAH	1,071,589	1,404,341	1,684,989	4,160,919

Sumber: Statistik Peserta Program dan Aktiviti

- iv. Berdasarkan jadual di atas, analisis Audit terhadap statistik peserta program dan aktiviti mendapati bilangan peserta yang menyertai program dan aktiviti yang paling tinggi bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit melibatkan seramai 2.67 juta peserta. Manakala program Tilawah Al-Quran Braille yang dianjurkan oleh pihak PPAS adalah yang paling rendah dan hanya melibatkan seramai 2,476 penyertaan pada tahun 2016 hingga 2018.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada pencapaian outcome terhadap pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam Selangor, PPAS telah mencapai maksud pelaksanaan projek susulan pertambahan bilangan penganjur pada tahun 2017 dan 2018 antara

61% hingga 81.4% ke perpustakaan selepas projek pembangunan selesai dilaksanakan berbanding kehadiran pengunjung pada tahun 2015. Selain itu, pencapaian *outcome* terhadap penambahbaikan koleksi dan bahan perpustakaan meningkat antara 5.1% hingga 15.9% dengan jumlah pinjaman buku dan bahan sebanyak 2.09 juta naskhah pada tahun 2016 hingga 2018. Manakala pencapaian *outcome* prestasi program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PPAS telah mencapai 82.9% berbanding sasaran yang ditetapkan dalam pelan strategik PPAS pada tahun 2016 hingga 2018 melibatkan seramai 4.16 juta pengunjung.

d. Penilaian Keberkesanan oleh Pengunjung Perpustakaan Awam

- i. Soal selidik dibuat bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pengunjung serta keberkesanan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan awam oleh PPAS. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 260 pengunjung perpustakaan yang terpilih secara rawak bagi 13 projek pembangunan pekan dan desa yang telah selesai dinaik taraf/dibangunkan sehingga tahun 2018.
- ii. Penilaian dibuat terhadap tiga (3) perkara utama iaitu menilai kekerapan kehadiran pengunjung, tahap kepuasan pengunjung terhadap aspek kemudahan yang telah disediakan dan penilaian menyeluruh pengunjung terhadap keberkesanan pencapaian projek menaik taraf perpustakaan oleh PPAS. Kesemua borang soal selidik yang di edar kepada pengunjung perpustakaan telah dijawab. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENGEDARAN SOAL SELIDIK KEPADA PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN AWAM

BIL.	PERPUSTAKAAN YANG TELAH DIBANGUN/DINAIK TARAF	TARIKH PROJEK SIAP	NILAI POJEK (RM)	BILANGAN SOAL SELIDIK DIEDAR DAN DIJAWAB
1.	Perpustakaan Desa Sungai Selisik, Hulu Selangor	08.09.2016	124,977	20
2.	Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	08.11.2016	93,664	20
3.	Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	24.11.2016	73,445	20
4.	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	10.10.2016	151,621	20
5.	Perpustakaan Desa Dato Ahmad Razali, Sepang	10.10.2016	188,443	20
6.	Perpustakaan Pekan Sekinchan, Sabak Bernam	20.10.2016	104,016	20
7.	Perpustakaan Desa Kampung Lindungan, Petaling Jaya	16.02.2018	657,200	20
8.	Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	30.01.2018	254,467	20
9.	Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	22.03.2018	270,988	20
10.	Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam	12.03.2018	185,432	20
11.	Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	12.03.2018	183,195	20
12.	Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	16.03.2018	255,666	20
13.	Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	24.04.2018	193,666	20
JUMLAH			2,736,780	260

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada 260 responden, analisis Audit mendapati tahap kekerapan tertinggi pengunjung hadir ke perpustakaan awam adalah sekurang-kurangnya satu kali seminggu. Tahap kekerapan kehadiran terendah pula adalah diwakili oleh pengunjung yang hadir apabila terdapat kelapangan masa. Ringkasan penilaian kekerapan pengunjung ke perpustakaan awam yang telah dinaik taraf adalah seperti **Jadual 15** dan **Carta 2**.


JADUAL 15
ANALISIS TAHAP KEKERAPAN PENGUNJUNG KE PERPUSTAKAAN

TAHAP KEKERAPAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Setiap hari	45	17.3
Tiga (3) kali seminggu	54	20.8
Dua (2) kali seminggu	59	22.7
Satu (1) kali seminggu	65	25.0
Lain-lain*	37	14.2
JUMLAH	260	100.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * - Lain-lain Merujuk Kepada Tahap Kekerapan Pengunjung ke Perpustakaan yang Kurang daripada Satu (1) Kali Seminggu dan Hanya Berkunjung Apabila Mempunyai Masa Lapang

CARTA 2
TAHAP KEKERAPAN PENGUNJUNG KE PERPUSTAKAAN AWAM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Lain-lain Merujuk Kepada Tahap Kekerapan Pengunjung ke Perpustakaan yang Kurang daripada Satu (1) Kali Seminggu dan Hanya Berkunjung Apabila Mempunyai Masa Lapang


- iv. Selain itu, berdasarkan 260 maklum balas soal selidik yang diperoleh juga mendapati 49% responden berpendapat tahap kepuasan pengunjung adalah sangat memuaskan. Manakala 47.2% responden berpendapat penyediaan kemudahan dan persekitaran perpustakaan telah dinaik taraf adalah memuaskan. Seramai 49 atau 3.8% responden berpendapat tahap kepuasan pengunjung perpustakaan adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan terutamanya berhubung aspek kemudahan komputer dan capaian internet di perpustakaan yang telah dinaik taraf. Ringkasan penilaian kepuasan pengunjung perpustakaan adalah seperti **Jadual 16** dan **Carta 3**.

JADUAL 16
ANALISIS PENILAIAN KEPUASAN PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN

BIL.	INDIKATOR PENILAIAN	SANGAT MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	JUMLAH
		BILANGAN			
1.	Kemudahan tempat meletak kenderaan mencukupi kepada pengunjung	90	160	10	260
2.	Kemudahan perabot adalah mencukupi	142	115	3	260
3.	Kemudahan komputer dan capaian internet	99	130	31	260
4.	Tahap persekitaran perpustakaan bersih dan selesa	155	103	2	260
5.	Suasana dalaman perpustakaan (suhu dan pencahayaan)	151	106	3	260
JUMLAH		637	614	49	1,300
PURATA PERATUSAN (%)		49	47.2	3.8	100.0

Sumber: Jabatan Audit Negara


**CARTA 3
TAHAP KEPUASAN PENGUNJUNG**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Analisis soal selidik juga turut mendapati secara keseluruhannya, seramai 257 atau 98.8% daripada 260 responden bersetuju dengan pencapaian keberkesanan pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan yang telah dilaksanakan oleh PPAS. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 4**.

**CARTA 4
ANALISIS PENILAIAN KEBERKESANAN
PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019

Penyediaan kemudahan internet bagi kegunaan pengunjung di perpustakaan awam adalah bergantung kepada prasarana dan tahap kelajuan capaian internet yang disediakan oleh pihak *Internet Service Provider* (ISP). Bagaimanapun, PPAS mengambil tanggungjawab untuk berusaha mencari ISP yang boleh menawarkan kemudahan internet terbaik terutamanya kepada pengunjung perpustakaan desa di luar bandar.

Pada pendapat Audit berdasarkan maklum balas soal selidik yang dijalankan, tahap kekerapan tertinggi pengunjung hadir ke perpustakaan adalah baik dengan kehadiran kunjungan ke perpustakaan sekurang-kurangnya satu kali seminggu. Manakala tahap kepuasan pengunjung berhubung kemudahan dan persekitaran perpustakaan yang telah dinaik taraf oleh PPAS adalah sangat memuaskan dengan peratusan 49%. Selain itu, seramai 257 atau 98.8% daripada 260 responden bersetuju dengan pencapaian keberkesanan pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan yang telah dilaksanakan oleh PPAS.

6.2. Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam

6.2.1. Proses Pelantikan Perunding

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 2 Tahun 2011 serta perkara 7 dalam PPP, PK 3.1 berkenaan Perolehan Perkhidmatan Perunding menetapkan bahawa bagi urusan pelantikan perunding, agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis sama ada oleh Pegawai Pengawal atau Ketua Agensi. Selain itu, Perkara 2.1 dalam PPP, PK 3.5 berkenaan Kaedah Lantikan Terus Perolehan Perunding menetapkan bahawa JPP hendaklah menyenarai pendek sekurang-kurangnya tiga (3) firma perunding yang berkelayakan, berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan berserta anggaran kos siling perunding dan seterusnya memperakukan satu (1) perunding untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

- b. Semakan Audit mendapati PPAS belum menerima pakai tatacara pelantikan perunding mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 2 Tahun 2011 serta perkara 7 dalam PPP, PK 3.1 berkenaan Perolehan Perkhidmatan Perunding bagi pelantikan satu (1) firma perunding arkitek yang diluluskan pada bulan Jun 2013. Selain itu, semakan Audit turut mendapati tiada garis panduan/SOP dalaman ditetapkan oleh PPAS semasa pelantikan perunding tersebut dibuat.
- c. Semakan lanjut mendapati, JPP tidak ditubuhkan bagi melantik perunding arkitek yang bertanggungjawab dalam memastikan semua projek pembangunan perpustakaan memenuhi keperluan teknikal dan reka bentuk yang diperlukan PPAS. Pelantikan perunding telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAS pada 27 Jun 2013. Bagaimanapun, pelantikan perunding tersebut telah dibuat tanpa penetapan tempoh perkhidmatan serta butiran terma dan syarat pelantikan.
- d. Selain itu, semakan Audit turut mendapati tiada penilaian cadangan teknikal dan kos dibuat terhadap sekurang-kurangnya tiga (3) firma perunding oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan PPAS sebelum dibawa untuk pertimbangan serta kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.
- e. JPP yang tidak ditubuhkan menyebabkan penetapan skop kerja dan butiran terperinci anggaran kos bagi perkhidmatan perunding arkitek tidak dapat dinilai berasaskan kepada kepakaran, prestasi perkhidmatan dan pengalaman firma bagi memastikan projek pembangunan perpustakaan diuruskan dengan cekap dan teratur mengikut tempoh ditetapkan.
- f. Kegagalan PPAS untuk menerima pakai pekeliling yang berkuat kuasa serta tidak menetapkan garis panduan/SOP dalaman bagi peraturan kaedah pelantikan panel perunding projek pembangunan telah menjejaskan aspek kawalan dalaman perolehan bagi mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan penjimatan yang sepatutnya.

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Penyediaan garis panduan/SOP berhubung proses pelantikan perunding sedang diteliti dan akan dimuktamadkan bagi tujuan pelantikan perunding pada masa hadapan. PPAS turut memaklumkan terma rujukan bagi pelantikan perunding yang akan dimuktamadkan

akan mengambil kira pandangan jabatan teknikal iaitu pihak Jabatan Kerja Raya. Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAS Bil. 2/2019 pada bulan April 2019 telah meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan PK 3.1 hingga PK 3.10 berhubung perolehan perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan PPAS pada masa hadapan. Selain itu pada bulan Jun 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding PPAS yang turut dihadiri pegawai teknikal daripada JKR Selangor telah diadakan bagi pemilihan perunding baru.

Pada pendapat Audit, pelantikan perunding arkitek bagi pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan PPAS adalah tidak teratur berikutan tiada penetapan tatacara pelantikan perunding dan tidak selari dengan peraturan yang berkuat kuasa.

6.2.2. Perjanjian Pelantikan Perunding

- a. Perkara 1.1 dalam PPP, PK 3.10 berkenaan Pentadbiran Kontrak Perunding menyatakan bahawa Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan bagi semua perolehan perunding tanpa mengira had nilai dan dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan. Selain itu, pekeliling yang sama turut menetapkan agensi dibenarkan menuntut remedi daripada kecacatan, kesilapan dan kekurangan yang disebabkan oleh reka bentuk perunding ketika perkara tersebut disahkan berlaku.
- b. Semakan Audit mendapati SST tidak dikeluarkan selepas kelulusan lantikan satu (1) firma perunding yang diputuskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAS pada 27 Jun 2013. PPAS hanya mengeluarkan Surat Lantikan Perunding mengikut projek berserta arahan agar perunding dapat menyediakan plan dan reka bentuk dalaman bagi projek terlibat sebelum tawaran Sebut Harga dibuka. Selain itu, tiada perjanjian dimeterai antara PPAS dan firma perunding.
- c. Semakan lanjut turut mendapati firma perunding yang dilantik telah melaksanakan perkhidmatan perundingan bagi 15 projek pembangunan PPAS melibatkan yuran khidmat perunding berjumlah RM202,700 dengan anggaran yuran perunding antara 6% (sekiranya projek tidak melibatkan kerja ubah suai struktur bumbung) hingga 10% (sekiranya projek melibatkan kerja ubah suai struktur bumbung) bagi setiap projek. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 17**.

JADUAL 17
YURAN PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI PROJEK
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	KOS PROJEK (RM)	YURAN PERUNDING (RM)	PERATUSAN YURAN PERUNDING (%)
TARIKH SURAT LANTIKAN PERUNDING: 1 FEBRUARI 2016				
1.	Perpustakaan Pekan Sekinchan, Sabak Bernam	104,016	10,402	10
2.	Perpustakaan Desa Sungai Selisek, Hulu Selangor	124,977	12,498	
3.	Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	93,664	9,366	
4.	Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	73,445	5,876	8
5.	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	151,621	15,162	10
6.	Perpustakaan Desa Dato' Ahmad Razali, Sepang	188,443	18,844	10
TARIKH SURAT LANTIKAN PERUNDING: 1 SEPTEMBER 2016				
7.	Perpustakaan Desa Kampung Lindungan, Petaling Jaya	657,200	39,432	6
TARIKH SURAT LANTIKAN PERUNDING: 20 FEBRUARI 2017				
8.	Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	254,467	15,268	6
9.	Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	270,988	21,679	8
10.	Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam	185,432	11,109	6
11.	Perpustakaan Desa Gulang-Gulang, Kuala Selangor	183,195	10,992	6
12.	Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	255,666	20,452	8
TARIKH SURAT LANTIKAN PERUNDING: 16 OKTOBER 2017				
13.	Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	193,666	11,620	6
TARIKH SURAT LANTIKAN PERUNDING: 1 MAC 2018				
14.	Perpustakaan Desa Bukit Kapar, Klang	126,893	Belum dimuktamadkan	
15.	Perpustakaan Desa Jeram, Kuala Selangor	191,200		
JUMLAH		3,054,873	202,700	

Sumber: Surat Lantikan Perunding dan Surat Tawaran Kepada Kontraktor

- d. SST dan perjanjian yang tidak dimeterai di antara PPAS dengan firma perunding menyebabkan segala syarat, obligasi, skop kerja serta kadar bayaran tidak diperincikan bagi tujuan melindungi kepentingan Kerajaan. Selain itu, ketiadaan SST dan perjanjian menyebabkan denda atau remedi tidak dapat dituntut oleh PPAS sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat dilakukan oleh firma perunding.

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Perjanjian pelantikan perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan akan disediakan dan ditandatangani segera. Pada bulan Jun 2019, PPAS telah memuktamadkan terma rujukan yang akan diguna pakai berhubung pelantikan perunding baru selepas semakan dan pengesahan Jawatankuasa Penilaian Perunding.

Pada pendapat Audit, SST dan perjanjian yang tidak dimeterai di antara PPAS dengan firma perunding adalah tidak teratur dan boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan berikutan syarat, obligasi, skop kerja serta kadar bayaran tidak diperincikan bagi tujuan melindungi kepentingan Kerajaan.

6.2.3. Pentadbiran Kontrak

a. Bon Pelaksanaan

- i. Berdasarkan Perenggan 9.19.8(g), PPP PK 4.2 berkaitan SST, Pesanan dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan menetapkan, bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai. Bagi projek kerja bernilai sehingga RM10 juta, tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah daripada tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). Selain itu, jika berlaku kelewatan dalam penyediaan projek, tindakan serta merta hendaklah diambil oleh agensi untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa diluluskan.
- ii. Semakan Audit mendapati PPAS tidak mengenakan Bon Pelaksanaan ke atas kontraktor sejumlah RM12,783 terhadap satu (1) atau 20% daripada lima (5) projek pembangunan perpustakaan awam yang sepatutnya dikenakan Bon Pelaksanaan. Bon Pelaksanaan yang tidak dikenakan adalah melibatkan Projek Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar dengan nilai projek RM255,666.
- iii. Selain itu, semakan lanjut turut mendapati tempoh sah laku Bon Pelaksanaan berjumlah RM20,827 bagi dua (2) projek pembangunan perpustakaan awam tidak meliputi tempoh pelaksanaan projek (sehingga tamat tempoh DLP) selain lewat dikemukakan dari tempoh yang ditetapkan iaitu selepas tarikh milik tapak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 18.**

JADUAL 18
BON PELAKSANAAN YANG TIDAK MENGIKUT
TEMPOH SAH LAKU YANG DITETAPKAN SEHINGGA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI BON PELAKSANAAN (RM)	TEMPOH PROJEK	TEMPOH SAH LAKU BON PELAKSANAAN		TARIKH BON PELAKSANAAN DIKEMUKAKAN
				SEPATUT	SEBENAR	
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor (Kos Projek: RM270,988)	13,549	17.07.2017 - 22.03.2018	20 Bulan 17.07.2017 - 22.03.2019	5 Bulan 19.10.2017 - 19.03.2018	25.10.2017
2.	Kerja membekal, menghantar, memasang rak buku, kaunter dan menambah baik meja di lapan (8) perpustakaan bagi tahun 2016 (Kos Projek: RM291,100)	7,278	22.09.2016 - 12.01.2017	16 Bulan 22.09.2016 - 12.01.2018	11 Bulan 10.02.2017 - 12.01.2018	10.02.2017
JUMLAH		20,827				

Sumber: Bon Pelaksanaan

- iv. Ketiadaan Bon Pelaksanaan boleh memberi kesan kepada projek sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak berkaitan bon pelaksanaan adalah tidak teratur berikutan bon pelaksanaan tidak dikenakan dan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan yang tidak meliputi tempoh pelaksanaan projek. Selain itu, Bon Pelaksanaan juga lewat dikemukakan dari tempoh yang ditetapkan iaitu selepas tarikh milik tapak.

b. Kelulusan Arahan Perubahan Kerja

- i. Mengikut AP 202.1(a) dan (b) serta AP 202.2, Arahan Perubahan Kerja (APK) antara lain melibatkan penyimpangan daripada perjanjian berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan, yang perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Selain itu, APK juga hendaklah dikeluarkan dalam tempoh kontrak masih berjalan.
- ii. Semakan Audit mendapati APK bernilai RM12,430 bagi satu (1) atau 14.3% daripada tujuh (7) projek pembangunan yang mempunyai APK telah dibuat selepas tarikh siap kerja pada 24 April 2018. Pihak Audit mendapati, kelulusan APK melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 5-1/2018 yang dipengerusikan oleh Pengarah PPAS bagi Projek

Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam hanya dibuat pada 16 Mei 2018 iaitu 22 hari selepas kerja siap.

- iii. Semakan lanjut terhadap Projek Membina Perpustakaan Desa Kampung Lindungan, Petaling Jaya bernilai RM657,200 mendapati berlaku perubahan kerja berbanding spesifikasi kerja asal. Pihak Audit mendapati tiada kelulusan APK dikeluarkan susulan perubahan kerja tersebut.

Pada pendapat Audit, kelewatan bagi kelulusan APK menyebabkan Perakuan Kerja Siap tidak dapat diperakukan sebagaimana spesifikasi yang telah diluluskan.

c. Liputan Tempoh dan Penyerahan Polisi Insurans Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan

- i. Merujuk kepada Perenggan 2.1 dan 2.2 berhubung Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja dalam dokumen Sebut Harga, PPAS menetapkan kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja sepanjang tempoh pelaksanaan kerja. Kontraktor juga hendaklah mengemukakan semua polisi insurans sebelum memulakan kerja.
- ii. Semakan Audit mendapati tempoh tanggungan insurans yang diserahkan oleh kontraktor bagi lapan (8) atau 66.7% daripada 12 projek pembangunan perpustakaan PPAS tidak meliputi tempoh kontrak yang ditetapkan antara 36 hingga 473 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 19**.

JADUAL 19
SENARAI PROJEK YANG MANA POLISI
INSURANS TIDAK MELIPUTI TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI POLISI INSURANS (RM)	TEMPOH POLISI INSURANS		TEMPOH PROJEK TIDAK DILINDUNGI INSURANS (Hari)
			SEPATUT	SEBENAR	
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	391.00	01.08.2016 – 03.06.2017	01.08.2016 – 26.11.2016	189
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	391.00	01.08.2016 – 03.06.2017	01.08.2016 – 26.11.2016	189
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	734.51	11.09.2017 – 16.03.2019	11.09.2017 – 23.07.2018	236
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	758.87	17.07.2017 – 22.03.2019	17.07.2017 – 13.09.2018	190
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	655.78	17.07.2017 – 12.03.2019	17.07.2017 – 23.07.2018	232
6.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam	659.34	17.07.2017 – 12.03.2019	17.07.2017 – 23.07.2018	232
7.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	391.00	18.12.2017 – 24.04.2019	18.12.2017 – 19.03.2019	36
8.	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	516.15	21.08.2017 – 01.02.2019	21.08.2017 – 16.10.2017	473

Sumber: Polisi Insurans

- iii. Selain itu, tiada dokumen yang menunjukkan polisi insurans telah diserahkan kepada PPAS sebelum memulakan kerja bagi tiga (3) atau 25% daripada 12 projek pembangunan perpustakaan yang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 20**.

JADUAL 20
SENARAI PROJEK YANG MANA POLISI INSURANS TIDAK DIKEMUKAKAN

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	TEMPOH POLISI INSURANS	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	23.05.2016 – 08.11.2016	500
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	22.08.2016 – 24.11.2016	1,100
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sg. Selisik, Hulu Selangor	22.06.2016 – 08.09.2016	2,000
JUMLAH			3,600

Sumber: *Bill of Quantity (BQ)*

- iv. Pihak Audit turut mendapati polisi insurans bagi tujuh (7) atau 58.3% daripada 12 projek pembangunan yang disemak telah lewat diserahkan antara 11 hingga 110 hari selepas tarikh mula projek. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 21**.

JADUAL 21
SENARAI PROJEK YANG MANA POLISI INSURANS LEWAT DISERAHKAN

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI POLISI INSURANS (RM)	TARIKH MULA PROJEK	TARIKH POLISI INSURANS DIKEMUKAKAN	KELEWATAN (Hari)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	391.00	01.08.2016	16.08.2016	15
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	391.00	01.08.2016	16.08.2016	15
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	734.51	11.09.2017	16.10.2017	35
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	758.87	17.07.2017	17.10.2017	92
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	655.78	17.07.2017	28.07.2017	11
6.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam	659.34	17.07.2017	28.07.2017	11
7.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	391.00	18.12.2017	07.04.2018	110

Sumber: Polisi Insurans

- v. Kelemahan mematuhi aspek pentadbiran kontrak mengenai insurans boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak atau kemalangan di tapak projek.

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019

Penambahbaikan aspek pentadbiran kontrak berhubung pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan awam akan dilaksanakan melalui penyediaan garis panduan dan senarai semak pengurusan projek PPAS yang lebih lengkap dan terperinci.

Pada pendapat Audit, aspek pengurusan kontrak berhubung pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan adalah tidak teratur melibatkan urusan penyerahan Bon Pelaksanaan, Arahan Perubahan Kerja dan perlindungan insurans ke atas projek yang dijalankan oleh PPAS.

6.2.4. Pemantauan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan Perpustakaan

Agensi hendaklah meneliti dan menyemak program kerja kontraktor secara munasabah dan realistik untuk memastikan keseluruhan kerja disiapkan pada atau sebelum tarikh siap.

a. Kelewatan Penyiapan Projek dan Kelulusan Lanjutan Masa

- i. Berdasarkan PPP, PK 4 Lampiran 7 Bab V berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan agensi hendaklah memantau pelaksanaan dan kemajuan kerja oleh kontraktor dilantik berdasarkan program kerja dan memastikan langkah dan tindakan diambil untuk mengelakkan berlakunya kelewatan penyiapan projek. Sebarang kelulusan lanjutan masa bagi pelaksanaan projek pembangunan PPAS hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga yang dipengerusikan oleh Pengarah PPAS.
- ii. Semakan Audit mendapati tiga (3) atau 25% daripada 12 projek pembangunan perpustakaan awam berjumlah RM355,552 telah lewat disiapkan berbanding tarikh yang ditetapkan melibatkan tempoh kelewatan antara 14 hingga 113 hari. Selain itu, tiada EOT diluluskan berhubung kelewatan yang berlaku.
- iii. Pihak Audit juga mendapati, tiada klausa berhubung denda kelewatan penyiapan projek diperuntukkan dalam dokumen tawaran Sebut Harga berhubung pelaksanaan projek pembangunan awam PPAS. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 22**.

JADUAL 22
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN
YANG LEWAT DISIAPKAN TANPA KELULUSAN LANJUTAN MASA

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	73,445	03.10.2016	24.11.2016	52
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	93,664	18.07.2016	08.11.2016	113
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	188,443	26.09.2016	10.10.2016	14
JUMLAH		355,552			

Sumber: Surat Setuju Terima (SST) dan Sijil Siap Kerja

- iv. Semakan lanjut turut mendapati, lima (5) atau 41.7% daripada 12 projek pembangunan perpustakaan berjumlah RM1.15 juta telah diberikan kelulusan EOT, namun projek masih lewat disiapkan antara 46 hingga 132 hari dan tanpa kelulusan EOT tambahan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 23**.

JADUAL 23
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN
YANG MASIH LEWAT SIAP SELEPAS KELULUSAN LANJUTAN MASA

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH TAMAT EOT	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	255,666	11.09.2017	10.11.2017	16.03.2018	126
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	270,988	11.09.2017	10.11.2017	22.03.2018	132
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	183,195	09.10.2017	13.11.2017	12.03.2018	119
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sabak Bernam	185,432	09.10.2017	13.11.2017	12.03.2018	119
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	254,467	16.10.2017	15.12.2017	30.01.2018	46
JUMLAH		1,149,748				

Sumber: Surat Setuju Terima (SST), Surat Kelulusan Lanjutan Masa dan Sijil Siap Kerja

b. Kelewatan Kelulusan Lanjutan Masa

- i. Berdasarkan PPP, PK 4 Lampiran 7 Bab V berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan agensi boleh mempertimbangkan lanjutan masa (EOT) untuk diberikan kepada kontraktor. Bagaimanapun, EOT tidak boleh diberikan kepada kontraktor sekiranya kelewatan adalah disebabkan kemungkiran di pihak kontraktor sendiri.
- ii. Semakan Audit mendapati EOT bagi lima (5) atau 41.7% daripada 12 projek pembangunan perpustakaan berjumlah RM1.03 juta lewat diluluskan antara 16 hingga 42 hari selepas tarikh sepatut siap. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 24**.

JADUAL 24
SENARAI PROJEK YANG MELIBATKAN
KELEWATAN KELULUSAN LANJUTAN MASA SETAKAT 31 DISEMBER 2018

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH PERMOHONAN EOT	TARIKH KELULUSAN EOT	KELEWATAN (Hari)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sg. Selisik, Hulu Selangor	124,977	17.08.2016	12.09.2016	14.09.2016	28
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	255,666	11.09.2017	19.07.2017	TM	TM
				TM	23.10.2017	42
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	270,988	11.09.2017	19.07.2017	TM	TM
				29.10.2017		
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	183,195	09.10.2017	10.10.2017	25.10.2017	16
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	193,666	19.03.2018	30.03.2018	04.04.2018	16
JUMLAH		1,028,492				

Sumber: Surat Setuju Terima (SST), Surat Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa

Nota: TM – Tiada Maklumat

- iii. Pihak Audit turut menjalankan analisis lanjut terhadap permohonan EOT yang dibuat kontraktor. Semakan Audit mendapati kelulusan EOT yang diberikan oleh PPAS telah dibuat tanpa penilaian yang munasabah melibatkan empat (4) daripada lapan (8) projek pembangunan perpustakaan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK DENGAN ALASAN EOT YANG TIDAK MUNASABAH

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	ANTARA ALASAN PERMOHONAN EOT	SEMAKAN AUDIT
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	Kehabisan stok bumbung.	Pihak kontraktor sepatutnya telah merancang pembekalan bahan dan peralatan yang diperlukan selepas pelantikan dibuat oleh PPAS.
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	Kelewatan pembekalan bahan iaitu bumbung <i>Double Deck</i> Warna Kabus yang ditempah dari kilang dan bahan yang ditempah tidak mempunyai stok.	
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	Kelewatan pemasangan rak buku yang memerlukan ukuran <i>custom made</i> mengikut keperluan sebenar di tapak.	Pihak kontraktor sepatutnya telah merancang pembekalan rak buku yang diperlukan selepas pelantikan dibuat oleh PPAS.
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	Pertukaran rak buku yang tidak mengikut ukuran saiz ditetapkan.	Pihak kontraktor sepatutnya telah merancang pembekalan rak buku yang diperlukan mengikut ukuran dan saiz di tapak.

Sumber: Surat Permohonan Lanjutan Masa

- iv. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati, kelulusan EOT yang diberikan berhubung masalah kelewatan pembekalan bahan dan perabot yang dihadapi oleh kontraktor bagi pelaksanaan empat (4) projek pembangunan PPAS seperti jadual di atas adalah tidak wajar. Ini adalah kerana tempoh kontrak yang ditetapkan telah merangkumi tempoh pembekalan dan pelaksanaan yang diperlukan oleh kontraktor semasa mengemukakan tawaran Sebut Harga kepada PPAS.
- v. Kelewatan penyiapan projek adalah disebabkan kelemahan dari segi pemantauan oleh pegawai yang menyelia projek berikutan pegawai yang memantau (Pegawai Pustakawan) tidak mempunyai kemahiran teknikal yang sepatutnya. Kelewatan sesebuah projek siap menyebabkan perpustakaan lewat dibuka untuk kegunaan awam. Selain itu, ketiadaan klausa denda kelewatan penyiapan projek dalam dokumen Sebut Harga turut menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat diambil ke atas kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Kelewatan Perakuan Kerja Siap

- i. Berdasarkan dokumen tawaran sebut harga bagi pelaksanaan projek menaik taraf perpustakaan awam oleh PPAS, Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Siap sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan.
- ii. Semakan Audit mendapati perakuan dan pengesahan kerja siap bagi sembilan (9) projek pembangunan perpustakaan yang disemak melibatkan nilai projek berjumlah RM1.61 juta lewat disahkan antara 15 hingga 73 hari selepas tarikh siap kerja. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 26**.

JADUAL 26
SENARAI PROJEK YANG MANA PERAKUAN
DAN PENGESAHAN SIJIL SIAP KERJA LEWAT DIBUAT

BIL.	BUTIRAN PROJEK PEMBANGUNAN	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SIAP KERJA	TARIKH PENGESAHAN	KELEWATAN (Hari)
1.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	151,621	10.10.2016	03.11.2016	24
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	188,443	10.10.2016	03.11.2016	24
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	93,664	08.11.2016	23.11.2016	15
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sijangkang, Kuala Langat	73,445	24.11.2016	22.12.2016	28
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sg. Selisik, Hulu Selangor	124,977	08.09.2016	26.09.2016	18
6.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	255,666	16.03.2018	28.05.2018	73
7.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	270,988	22.03.2018	27.04.2018	36
8.	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	193,666	24.04.2018	01.06.2018	38
9.	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	254,467	30.01.2018	26.02.2018	27
JUMLAH		1,606,937			

Sumber: Sijil Siap Kerja

- iii. Kelewatan Perakuan Kerja Siap disahkan adalah disebabkan kelemahan pemantauan pegawai bagi memastikan projek siap dan disahkan mengikut tempoh sewajarnya.

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019

PPAS mengambil maklum perkara berbangkit dan akan memastikan aspek pemantauan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan dipertingkatkan serta dijalankan secara berterusan oleh pegawai

berkemahiran teknikal yang dilantik. Selain itu, kaedah pemantauan sistematik melalui pembangunan Sistem Pemantauan Projek secara *in-house* akan turut diguna pakai. PPAS juga akan memastikan klausa denda kelewatan penyiapan projek dimasukkan dalam dokumen tawaran Sebut Harga dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung kelewatan pelaksanaan projek pembangunan oleh kontraktor yang dilantik.

Pada pendapat Audit, aspek pemantauan dan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan kurang cekap berikutan kelewatan penyiapan projek tanpa kelulusan lanjutan masa dan tiada denda kelewatan penyiapan projek dikenakan ke atas kontraktor terlibat.

6.2.5. Pengurusan Pembayaran

a. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

- i. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.
- ii. Pemeriksaan fizikal di lokasi mendapati kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam *Bill of Quantity* (BQ) melibatkan 18 ketidakpatuhan spesifikasi dan tiada potongan bayaran dibuat dengan nilai butiran ketidakpatuhan berjumlah RM4,263 seperti **Jadual 27**. Manakala **Gambar 7** hingga **Gambar 10** menunjukkan sebahagian daripada ketidakpatuhan spesifikasi tersebut.

JADUAL 27
SENARAI BUTIRAN KERJA YANG TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI

BIL.	SPESIFIKASI KERJA		BUTIRAN PROJEK	AMAUN (RM)
	SEPATUT	SEBENAR		
1.	Membekal tandas cangkung jenis Econax C330/T740P <i>Aura Integral Squatting</i> - 1 unit	Membekal tandas cangkung jenis INNO	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat	25
2.	Membekal <i>basin pillar tap</i> Jenama Johnson Suisse Messina	Membekal <i>basin pillar tap</i> Jenama ADAMAS		60
3.	Rak <i>Magazine</i> Saiz 36" w x 6" d x 36" h - 1 unit	Rak <i>Magazine</i> Saiz 32" w x 6" d x 66" h - 1 unit		62
4.	Kerja memecahkan jubin lantai sedia ada dan memasang simen render baru dan dikemasi dengan kepingan <i>Vinly</i> jenis <i>klick-lock</i>	Tiada kerja memecah jubin lantai sedia ada	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	397
5.	Kerja memecahkan jubin lantai sedia ada dan memasang simen render baru dan dikemasi dengan kepingan <i>Vinly</i> jenis <i>klick-lock</i>	Tiada kerja memecah jubin lantai sedia ada	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sg. Selisik, Hulu Selangor	594
6.	Kerja memasang pintu gelongsor jenis kayu <i>flush</i> satu daun dengan ketebalan 42mm di stor	Kerja memasang pintu gelongsor jenis kayu <i>flush</i> satu daun dengan ketebalan 35mm di stor		240
7.	Rak Buku (Ruang Kanak-kanak) Saiz 30" w x 14" d x 36" h - 3 unit Rak <i>Magazine</i> Saiz 36" w x 6" d x 66" h - 3 unit	Rak Buku (Ruang Kanak-kanak) Saiz 30" w x 14" d x 36" h - 2 unit Rak <i>Magazine</i> Saiz 36" w x 6" d x 36" h - 1 unit Saiz 36" w x 6" d x 51" h - 2 unit		520 273
8.	Kerja membekal dan memasang dinding jenis <i>gypsum partition</i> setinggi paras siling	Kerja membekal dan memasang dinding jenis <i>gypsum partition</i> tidak dibuat setinggi paras siling	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat	306
9.	Membekal tandas cangkung jenis Econax C330/T740P <i>Aura Integral Squatting</i> - 2 unit	Membekal tandas cangkung jenis INNO - 2 unit		83
10.	Membekal Johnson Suisse Trezzo 480 Kod WBVC970005WW <i>Semi-Recessed Basin</i> 4 unit	Membekal sinki jenama INNO		117
11.	Membekal Johnson Suisse <i>Messina Basin Pillar Tap</i> Kod: 4 unit	Membekal <i>Basin Pillar Tap</i> Jenama INNO		55
12.	Membekal tandas cangkung jenis Econax C330/T740P <i>Aura Integral squatting</i> - 2 unit	Membekal tandas cangkung jenis Inno - 2 unit	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor	83
13.	Membekal Johnson Suisse trezzo 480 Kod: WBVC970005WW <i>Semi-recessed Basin</i>	Membekal sinki jenis INNO	146	
14.	Kerja membuang tingkap jenis <i>Naco</i> sedia ada serta membekal dan memasang tingkap baru jenis <i>Naco</i> baru - 13 unit saiz 1800mm x 1200mm	Kerja membuang tingkap jenis <i>Naco</i> sedia ada serta membekal dan memasang tingkap baru jenis <i>Naco</i> baru - 11 unit saiz 1800mm x 1200mm - 2 unit saiz 1200mm x 1200mm	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	253
15.	Membekal dan memasang <i>grill</i> tingkap jenis <i>mild steel</i> di bahagian dalam bangunan - 13 unit saiz 1800mm x 1200mm	Membekal dan memasang <i>grill</i> tingkap jenis <i>mild steel</i> di bahagian dalam bangunan - 11 unit saiz 1800mm x 1200mm - 2 unit saiz 1200mm x 1200mm		267
16.	Tempat wudhu' baru - Kerja memecahkan jubin <i>mozek</i> sedia ada dan memasang jubin dinding baru jenis <i>ceramic</i> saiz 300mm x 600mm x 6mm sehingga paras siling	Tempat wudhu' baru - Kerja memecahkan jubin <i>mozek</i> sedia ada dan memasang jubin dinding baru jenis <i>ceramic</i> saiz 300mm x 600mm x 6mm sehingga ketinggian 900mm sahaja	Menaik Taraf Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam	162
17.	Membekal Johnson Suisse trezzo 480 Kod: WBVC970005WW <i>Semi-recessed Basin</i>	Membekal sinki jenis INNO		20
18.	Kerja memecahkan jubin <i>mozek</i> dinding sedia ada dan memasang jubin dinding baru jenis <i>ceramic</i> saiz 300mm x 600mm x 6mm sehingga paras siling	Kerja memecahkan jubin <i>mozek</i> dinding sedia ada dan memasang jubin dinding baru jenis <i>ceramic</i> saiz 300mm x 600mm x 6mm tidak dibekalkan sehingga paras siling	Menaik Taraf Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, Hulu Selangor	600
JUMLAH				4,263


Sumber: *Bill of Quantity (BQ)*

GAMBAR 7



Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat
- Tandas Cangkung Jenis ECONAX C330/T740P
Berharga RM250 Ditukar Kepada Jenama INNO
(7.1.2019)

GAMBAR 8



Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat
- Dinding Jenis Gypsum Dengan Nilai Kerja
RM1,419
di Stor Tidak Dipasang Sehingga Aras Siling
(7.1.2019)

GAMBAR 9



Perpustakaan Desa Taman Mawar, Hulu Langat
- Sinki Jenis Johnson Suisse Trezzo Berharga
RM292 Seunit Ditukar Kepada Jenama INNO
(7.1.2019)

GAMBAR 10



Perpustakaan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam
- Jubin Dinding Tempat Wudhu Berharga RM1,560
Tidak Dibekalkan Sehingga Aras Siling
(23.1.2019)

b. Bayaran Dibuat Bagi Kerja/Bekalan yang Tidak Dilaksanakan/ Dibekalkan

- i. Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii) menetapkan sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan yang sebenarnya dibekalkan.
- ii. Pemeriksaan fizikal di lokasi turut mendapati 22 butiran kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan oleh pihak kontraktor seperti yang ditetapkan dalam BQ namun tiada potongan bayaran dibuat dengan nilai perbezaan berjumlah RM27,708 seperti **Jadual 28**. Manakala **Gambar 11** hingga **Gambar 16** menunjukkan sebahagian daripada item kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan oleh kontraktor yang dilantik.

JADUAL 28
SENARAI BUTIRAN KERJA/BEKALAN YANG TIDAK DILAKSANA/DIBEKAL

BIL.	BUTIRAN KERJA/BEKALAN	BUTIRAN PROJEK MENAIK TARAF	SEPATUT (Unit/m2)	SEBENAR (Unit/m2)	PERBEZAAN (Unit/m2)	AMAUN KERUGIAN (RM)
1.	Membekal bekas <i>dispenser</i> sabun cecair jenis <i>stainless steel</i>	PD Batu 14, Hulu Langat	1	-	1	250
		PD Jenderam Hilir, Sepang	2	1	1	120
		PD Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	2	1	1	120
		PD Sg. Selisik, Hulu Selangor	1	-	1	150
		PD Taman Mawar, Hulu Langat	4	-	4	554
		PD Ijok, Kuala Selangor	5	-	5	689
		PD Bagan Terap, Sabak Bernam	3	1	2	120
JUMLAH			18	3	15	2,003
2.	Membekal cermin dengan ketebalan 6mm dan saiz 450mm x 600mm tinggi dengan frame jenis aluminium	PD Batu 14, Hulu Langat	1	-	1	150
		PD Jenderam Hilir, Sepang	2	1	1	600
		PD Taman Mawar, Hulu Langat	1	-	1	341
		PD Ijok, Kuala Selangor	5	2	3	1,018
JUMLAH			9	3	6	2,109
3.	Membekal <i>wash hand basin</i> dan <i>pillar tap</i>	PD Jenderam Hilir, Sepang	2	1	1	280
		PD Ijok, Kuala Selangor	5	3	2	582
JUMLAH			7	4	3	862
4.	Membekal <i>shower rose</i>	PD Jenderam Hilir, Sepang	1	-	1	230
		PD Kg. Dato' Ahmad Razali, Sepang	1	-	1	230
JUMLAH			2	-	2	460
5.	Kerja memasang <i>grill kompresor</i> penghawa dingin	PD Sijangkang, Kuala Langat	5	4	1	370
		PD Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	4	3	1	450
JUMLAH			9	7	2	820
6.	Kabel Elektrik – membekal dan memasang 13A punca kuasa	PD Sijangkang, Kuala Langat	11	6	5	310
		PD Ijok, Kuala Selangor	22	12	10	1,164
		PD Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor	18	6	12	1,320
		PD Binjai Jaya, Sabak Bernam	14	6	8	880
JUMLAH			65	30	35	3,674
7.	Kerja membekal dan memasang <i>roller blind</i>	PD Sg. Selisik, Hulu Selangor	28.5	21.75	6.75	1,850
		PD Bagan Terap, Sabak Bernam	34	-	34	6,800
		PP Hulu Bernam, Hulu Selangor	90	66.19	23.81	595
JUMLAH			152.50	87.94	64.56	9,245
8.	Penyangkut beg/seluar di belakang pintu atau pada dinding	PD Sijangkang, Kuala Langat	1	-	1	200
		PD Sg. Selisik, Hulu Selangor	2	-	2	300
JUMLAH			3	-	3	500
9.	Membekal penutup <i>floor trap</i> saiz 150mm x 150mm jenis <i>stainless steel</i>	PD Bagan Terap, Sabak Bernam	4	3	1	30
		PP Hulu Bernam, Hulu Selangor	8	7	1	45

BIL.	BUTIRAN KERJA/BEKALAN	BUTIRAN PROJEK MENAIK TARAF	SEPATUT (Unit/m2)	SEBENAR (Unit/m2)	PERBEZAAN (Unit/m2)	AMAUN KERUGIAN (RM)
JUMLAH			12	10	2	75
10.	Memasang lampu <i>fluorescent</i>	PD Ijok, Kuala Selangor	1	-	1	49
		PD Binjai Jaya, Sabak Bernam	12	11	1	200
		PP Hulu Bernam, Hulu Selangor	14	9	5	625
JUMLAH			27	20	7	874
11.	<i>Wood clothes rack</i>	PD Sijangkang, Kuala Langat	1	-	1	270
12.	Cermin surau		1	-	1	130
13.	Kerja memasang jubin dinding baru jenis <i>ceramic</i> sehingga ke paras 4' (1200mm)		1.8	-	1.8	100
14.	Membekal <i>hand shower</i>	PD Sg. Selisik, Hulu Selangor	2	-	2	1,200
15.	Membekal dan memasang <i>grill</i> pintu saiz 2220mm x 920mm		2	1	1	600
16.	Membekal dan memasang 15A <i>wall mounted</i> punca kuasa untuk penghawa dingin		5	4	1	145
17.	Membekal dan memasang pintu kaca 1 daun jenis <i>Tempered Glass</i> bagi pintu masuk ke-2, pintu masuk ke kawasan tandas dan pintu masuk ke bilik kanak-kanak	PD Taman Mawar, Hulu Langat	3	2	1	1,755
18.	Kerja membekal dan memasang tingkap baru jenis tingkap berdaun <i>Casement Window</i> - Size 720mm x 1200mm (W1) - Size 600mm x 600mm (W2)		1 2	-	1 2	585 390
19.	Membekal rak buku pelbagai jenis		44	39	5	Tidak Dapat Ditetapkan
20.	Membekal <i>soft toy</i> jenis Hemmahos	PD Bagan Terap, Sabak Bernam	3	-	3	270
21.	Membekal rak buku <i>special size/ special shape corner</i>		1	-	1	1,161
22.	Membekal Johnson Suisse <i>Hand Spray Bidet</i> dengan set kod WBFA300643CP or <i>approved equivalent type</i>	PP Hulu Bernam, Hulu Selangor	4	-	4	480
JUMLAH						27,708

Sumber: *Bill of Quantity (BQ)*

Nota: PD- Perpustakaan Daerah

PP- Perpustakaan Pekan

GAMBAR 11



- Antara Contoh 15 Daripada 18 Unit Bekas *Dispenser* Sabun Cecair Jenis *Stainless Steel* (Berharga Antara RM60 Hingga RM250 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (8.1.2019)

GAMBAR 12



- Antara Contoh Enam (6) Daripada Sembilan (9) Unit Cermin Muka (Berharga Antara RM150 Hingga RM600 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (8.1.2019)

GAMBAR 13



- Antara Contoh Tiga (3) Daripada Tujuh (7) Unit *Wash Hand Basin* dan *Pillar Tap* (Berharga Antara RM280 Hingga RM291 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (10.1.2019)

GAMBAR 14



- Antara Contoh Dua (2) Daripada Sembilan (9) Unit Gril Kompresor (Berharga Antara RM370 Hingga RM450 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (10.1.2019)

GAMBAR 15



- Antara Contoh 35 Daripada 65 Unit Punca Kuasa 13A (Berharga Antara RM62 Hingga RM170 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (10.1.2019)

GAMBAR 16



- Antara Satu (1) Daripada Dua (2) Unit *Shower Rose* (Berharga RM230 Seunit) Tidak Dibekalkan Dengan Mencukupi (10.1.2019)

- c. Perkara ini berlaku berikutan pegawai yang melaksanakan perakuan kerja siap tidak memastikan status dan kesempurnaan kerja sebenar sebelum membuat perakuan bayaran yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan

di samping menjejaskan impak yang diharapkan daripada pelaksanaan projek tersebut.

Maklum Balas PPAS yang Diterima pada 19 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Tindakan menuntut semula bayaran terhadap pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang tidak mengikut spesifikasi berjumlah RM4,263 dan kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan berjumlah RM19,445 telah diambil tindakan oleh PPAS. Sehingga bulan Jun 2019, tuntutan semula bayaran berjumlah RM8,904 telah diterima oleh PPAS manakala baki bayaran akan dijelaskan secara ansuran oleh kontraktor terlibat. Selain itu, butiran kerja/bekalan melibatkan nilai berjumlah RM8,263 telah dilaksana/dibekalkan di lokasi projek yang terlibat selepas teguran Audit.

Pada pendapat Audit, pembayaran bagi bekalan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan disempurnakan adalah tidak teratur.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Selangor telah dilaksanakan dengan kurang cekap sehingga tidak mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut Pelan Strategik PPAS 2016 – 2020. Sehingga bulan Disember 2018, sebanyak lima (5) atau 17.9% daripada 28 projek yang dirancang sedang dilaksanakan dan mengalami kelewatan penyiapan. Manakala, sembilan (9) atau 32.1% projek belum dimulakan dan masih pada peringkat perancangan. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* hasil pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan oleh PPAS telah menunjukkan impak yang positif berikutan peningkatan ketara bilangan kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan projek pembangunan perpustakaan awam pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan projek pembangunan perpustakaan:

- 8.1. memastikan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan awam di bawah Pelan Strategik PPAS dirancang dengan teliti dan mengambil kira risiko tempoh pelaksanaan serta mewujudkan satu mekanisme yang efektif untuk dilaksanakan dan dipantau dengan cekap;
- 8.2. mengambil perhatian berhubung pengurusan pelantikan perunding dan pentadbiran kontrak serta meningkatkan pemantauan yang lebih secara berterusan bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan;
- 8.3. latihan berterusan dan bersesuaian diberikan kepada pegawai bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran selaras dengan peraturan dan pekeliling terkini berhubung pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan;
- 8.4. melantik kakitangan teknikal yang berkelayakan bagi mengurus dan melaksanakan projek pembangunan perpustakaan PPAS; dan
- 8.5. mengadaptasi pekeliling Kerajaan mengenai perolehan perkhidmatan perunding dan menambah baik SOP.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

2 | YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah diperbadankan pada 5 Februari 2009 dan merupakan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Penubuhan YAWAS adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 13 Tahun 2008 supaya ditubuhkan sebuah Yayasan Pemegang Amanah bagi menguruskan program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).

1.2. Objektif penubuhan syarikat YAWAS adalah untuk menyelenggarakan suatu dana bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir serta didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008. YAWAS adalah syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan dan menjalankan operasi menggunakan geran tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

1.3. Aktiviti utama YAWAS adalah menguruskan program TAWAS yang merupakan antara program yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Program ini memberi perkhidmatan pendaftaran kepada anak kelahiran Selangor untuk mendapatkan manfaat berjumlah RM1,500 apabila usia mereka mencapai 18 tahun serta manfaat lain iaitu Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) dan Skim Khairat Kematian (SKK). Selain itu pada tahun 2017, YAWAS diberi tanggungjawab menguruskan program Insentif Perkahwinan Belia (IPB). YAWAS juga menyediakan pangkalan data serta membangunkan sistem *Jom Shopping Perayaan*, *Back to School*, Skim Mesra Usia Emas, Ibu Tunggal dan *I-workfare*.

1.4. Bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2018, geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk program TAWAS, program IPB dan perbelanjaan operasi YAWAS termasuk peruntukan untuk PBMS adalah seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1
GERAN YANG DITERIMA DARIPADA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BUTIRAN	GERAN			
	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Operasi YAWAS	1.65	1.91	2.14	5.70
Program TAWAS	4.96	6.58	5.75	17.29
Program IPB	-	6.00	9.37	15.37

Sumber: YAWAS

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pencapaian objektif YAWAS dari aspek:

- 2.1. tadbir urus korporat adalah baik selaras dengan amalan terbaik;
- 2.2. kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh dan faktor yang menyumbang kepada prestasi kewangan YAWAS; dan
- 2.3. pengurusan program TAWAS dan IPB telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif penubuhan YAWAS iaitu untuk menyelenggarakan suatu dana bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir serta didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2016 hingga bulan Mac 2019. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit YAWAS tahun 2015, 2016 dan 2017. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap program TAWAS bagi tahun 2016 hingga bulan Januari 2019 dan program IPB bagi tahun 2017 hingga bulan Disember 2018. Berdasarkan penilaian risiko, program TAWAS dan IPB dipilih kerana merupakan aktiviti utama YAWAS yang memberi impak kepada kebajikan rakyat Negeri Selangor serta menggunakan geran daripada Kerajaan Negeri Selangor sepenuhnya.

3.2. Pengurusan program dinilai melalui pengauditan terhadap dua (2) bidang utama iaitu prestasi dan pelaksanaan program. Penilaian terhadap prestasi program,

merangkumi dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala perkara yang dinilai dalam pelaksanaan program adalah pengurusan keahlian serta manfaat utama TAWAS, manfaat TAWAS yang lain iaitu PBMS dan SKK serta manfaat IPB.

3.3. Pengauditan dijalankan di Pejabat YAWAS, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor dan tujuh (7) Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam negeri Selangor.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan YAWAS serta menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan YAWAS tahun 2015, 2016 dan 2017 yang telah diaudit oleh Tetuan Azman, Wong, Salleh & Co.. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap program PBMS juga telah dijalankan antara bulan Disember 2018 hingga Januari 2019 untuk menentukan PBMS dilaksanakan sepertimana perancangan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Mac 2019 terhadap YAWAS merumuskan perkara seperti berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara umumnya, amalan tadbir urus korporat YAWAS adalah kurang memuaskan. Penambahbaikan perlu dibuat terhadap aspek Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah (LPA), Prosedur Operasi Standard (SOP), Petunjuk Prestasi Utama, peranan Setiausaha Syarikat dan kawalan dalaman Pengurusan Kewangan.

b. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan YAWAS menunjukkan syarikat ini adalah stabil dengan merekodkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM16,229 pada tahun 2015, RM46,188 pada tahun 2016 dan RM140,640 pada tahun 2017. Bagaimanapun, YAWAS bergantung sepenuhnya kepada geran Kerajaan dalam melaksanakan aktiviti serta perbelanjaan operasinya. Pada akhir tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai YAWAS berjumlah RM31.83 juta.

c. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti TAWAS dan IPB

YAWAS telah mencapai output yang ditetapkan untuk tahun 2016 hingga 2018 berdasarkan pencapaian yang melebihi sasaran bagi bilangan pendaftaran baru ahli TAWAS dan IPB. Bagaimanapun, keberkesanan keseluruhan program YAWAS masih belum dapat diukur kerana YAWAS belum mewujudkan mekanisma yang mencukupi bagi menilai keberkesanan program TAWAS dan IPB.

ii. Pelaksanaan Aktiviti TAWAS dan IPB

Secara umumnya, kecekapan serta keberkesanan YAWAS dalam menguruskan program YAWAS dan IPB boleh ditambah baik khususnya berkaitan penyediaan proses kerja yang jelas berkenaan tempoh pemprosesan dokumen, mekanisma pemantauan agihan bantuan dan mekanisma pembayaran SKK dan IPB. Ini bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif yang disasarkan iaitu memberi faedah dan kebajikan rakyat Negeri Selangor.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- i. tempoh memproses permohonan ahli TAWAS yang lama hingga mencapai 2,395 hari kerana tiada penetapan mengenai tempoh memproses permohonan ahli TAWAS;

- ii. sebanyak 2,638 daripada 15,492 beg sekolah yang diperoleh bagi PBMS Tahun Kelahiran 2011 dengan kos berjumlah RM118,710 masih belum diagihkan kepada ahli TAWAS;
- iii. sebanyak 125 unit beg sekolah dengan kos berjumlah RM5,625 untuk PBMS Tahun Kelahiran 2011 tidak dapat dikesan;
- iv. pihak pembekal beg sekolah bagi PBMS Tahun Kelahiran 2012 gagal membuat pembekalan ke kesemua 56 PKM DUN dengan tempoh kelewatan selama empat (4) hingga 19 hari dari tarikh terakhir pembekalan sepatutnya disempurnakan;
- v. pengagihan bantuan beg sekolah kepada ahli TAWAS lewat dibuat di mana sehingga 31 Disember 2018, hanya sebanyak 6,635 (33.2%) daripada 20,000 beg sekolah sahaja telah diagihkan kepada ahli TAWAS;
- vi. peruntukan bantuan beg sekolah untuk PBMS Tahun Kelahiran 2012 adalah sebanyak 20,000 daripada keseluruhan 34,050 ahli TAWAS. Bagaimanapun, pemakluman dibuat kepada seramai 24,619 ibu bapa ahli TAWAS Kelahiran Tahun 2012 melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar secara rawak tanpa sebarang asas penetapan;
- vii. tiada kontrak perjanjian dibuat antara pihak YAWAS dengan pihak pembekal bagi perolehan beg sekolah. Selain itu, pembayaran deposit sebanyak 50% telah dibuat kepada pembekal sebelum sebarang pembekalan diterima;
- viii. tempoh memproses permohonan khairat kematian tidak konsisten dengan mengambil masa antara satu (1) hingga 44 hari;
- ix. proses permohonan 17 IPB mengambil masa yang panjang iaitu antara 160 hingga 332 hari dari tarikh penerimaan borang IPB hingga tarikh kelulusan. Selain itu, sebanyak 30 permohonan yang telah diluluskan dalam tempoh satu (1) hingga 332 hari masih belum dibayar; dan
- x. pembayaran berjumlah RM4.68 juta kepada seramai 9,371 orang penerima IPB yang disahkan pada bulan April hingga September 2018 mengambil masa antara tiga (3) hingga lapan (8) bulan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT


Penemuan Audit telah dibincangkan semasa *exit conference* pada 21 Mac 2019 dan maklum balas bertulis daripada YAWAS telah diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Amalan Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan di bawah seliaan MBI, pengurusan YAWAS perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A), SOP serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* April 2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*].

6.1.2. Sehingga 31 Januari 2019, pengurusan YAWAS diketuai oleh Pengurus Besar dengan seramai 40 orang kakitangan di mana dua (2) perjawatan masih belum diisi. Pengurusan YAWAS dibahagikan kepada enam (6) bahagian iaitu Bahagian Akaun, Pentadbiran dan Sumber Manusia, Pemasaran dan Promosi, Pendaftaran, Perhubungan Awam, Pengurusan Acara dan Multimedia, Khidmat Pelanggan serta Teknologi Maklumat. Bahagian yang terlibat secara langsung dalam menguruskan program TAWAS dan IPB adalah Bahagian Pendaftaran manakala bahagian lain terlibat secara tidak langsung. Struktur organisasi YAWAS pada 31 Januari 2019 adalah seperti **Carta 1** manakala peranan setiap bahagian adalah seperti **Jadual 2**.

**CARTA 1
CARTA ORGANISASI YAWAS PADA 31 JANUARI 2019**



Sumber: Carta Organisasi YAWAS

**JADUAL 2
PERANAN BAHAGIAN**

NAMA BAHAGIAN	PERANAN/FUNGSI
Akaun, Pentadbiran & Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> Menyedia dan mengurus akaun syarikat. Mengurus dana syarikat untuk memaksimumkan pendapatan. Mengurus pembayaran aset atau perkhidmatan syarikat, gaji dan tuntutan kakitangan. Menyediakan laporan bulanan, tahunan dan audit. Menyediakan rancangan belanjawan. Menyedia dan mengurus keperluan pejabat. Mendapatkan tawaran sebut harga untuk perolehan dan perkhidmatan. Mengatur prosedur perolehan dan perkhidmatan. Menyelia aset syarikat, kenderaan dan sebagainya. Bertanggungjawab dalam penyelenggaraan dan kebersihan pejabat. Mengurus temu duga dan lantikan baru. Merekodkan dan memantau prestasi kakitangan. Menyediakan kemudahan kepada kakitangan.
Pemasaran & Promosi	<ul style="list-style-type: none"> Merangka, mencadangkan strategi pemasaran yang berkesan kepada pengurusan dan seterusnya melaksanakan strategi tersebut. Memantau dan mengubahsuai strategi pemasaran. Menyediakan laporan bulanan/tahunan kepada pengurusan. Memastikan sasaran dicapai.
Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> Mengendali pangkalan data TAWAS/IPB. Bertanggungjawab terhadap proses penerimaan borang TAWAS/IPB. Membuat kerja data entri, semakan dan kelulusan dalam sistem TAWAS/IPB. Memproses senarai nama ahli TAWAS/IPB. Mengeluarkan, mengedar kad dan penyata ahli TAWAS. Mengimbas dan merekod data pendaftaran ahli TAWAS/IPB.
Perhubungan Awam, Pengurusan Acara Dan Multimedia	<ul style="list-style-type: none"> Sebagai penghubung antara YAWAS dan pelanggan. Merangka program/majlis TAWAS/IPB untuk kelulusan pengurusan. Melaksanakan program/majlis. Memantau keberkesanan program dan mengambil tindakan susulan.
Khidmat Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Menyampaikan maklumat dan syarat pendaftaran berkaitan program kepada orang awam. Membantu memenuhi pertanyaan orang awam. Memproses pendaftaran program di bawah YAWAS. Menyerah pengeluaran kad dan penyata TAWAS. Berurusan dengan petugas pejabat DUN yang hadir di pejabat. Mengunci masuk data borang permohonan program yang diterima daripada petugas DUN. Menerima dan menyelesaikan aduan awam. Memastikan KPI tercapai.
Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus hal berkaitan sistem. Menambah baik sistem sedia ada. Menyediakan keperluan sistem baru. Menyelenggarakan dan mengemas kini laman web TAWAS/IPB. Membantu dalam urusan rekaan borang, risalah dan lain-lain untuk tujuan promosi dan pemasaran. Menyenggara sistem komputer, perisian dan lain-lain berkaitan teknologi maklumat.

Sumber: Carta Fungsi YAWAS

6.1.3. Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YAWAS terdiri daripada enam (6) orang iaitu seorang Pengerusi dan lima (5) ahli yang kesemuanya berstatus bebas.

6.1.4. Semakan Audit mendapati YAWAS telah mengamalkan satu (1) daripada tujuh (7) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu aspek Pengurus Besar. Bagaimanapun, enam (6) amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Pengerusi, ALPA, SOP, Petunjuk Prestasi Utama, Setiausaha Syarikat dan Pengurusan Kewangan. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh YAWAS adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus yang baik, Pengerusi hendaklah disandang oleh individu yang berbeza dengan Pengurus Besar dan tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan. Perkara ini telah disarankan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [*Handbook*], MCCG 2017 dan *Green Book*. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus korporat berkaitan pelantikan dan peranan Pengerusi mendapati tiga (3) daripada empat (4) amalan terbaik tadbir urus telah dilaksanakan. Bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab Pengerusi yang dilantik pada 23 Oktober 2018 tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen kerana Lembaga Pemegang Amanah (LPA) YAWAS tidak menyediakan Piagam/Terma Rujukan LPA. Ketiadaan Piagam LPA boleh menyebabkan tadbir urus syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019. Pihak Pengurusan MBI telah memuktamadkan Piagam LPA dan akan dibentangkan

kepada Lembaga Pengarah MBI untuk kelulusan. Piagam LPA tersebut akan dilaksanakan di peringkat MBI dan anak-anak syarikat berdasarkan kesesuaian syarikat.

Pada pendapat Audit, tugas dan tanggungjawab Pengerusi yang tidak dinyatakan secara bertulis dalam Piagam Lembaga Pengarah boleh menyebabkan tadbir urus syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

b. Lembaga Pemegang Amanah

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus korporat yang berkesan. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pemegang Amanah YAWAS mendapati enam (6) amalan terbaik tidak dilaksanakan oleh YAWAS seperti berikut:

- i. MCG 2017 *practice* 3.1 menyarankan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, budaya korporat dan tata kelakuan beretika di kalangan Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan. Pihak Audit mendapati LPA YAWAS tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat yang menyeluruh kerana hanya kod etika rasmi berkenaan kakitangan sahaja disediakan. Pihak YAWAS juga didapati tidak maklum berkenaan keperluan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat yang menyeluruh termasuk untuk ALPA dan pihak pengurusan. Ketiadaan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat boleh menjejaskan ketelusan syarikat, menyebabkan berlakunya pelanggaran etika dan risiko penyelewengan.
- ii. MCG 2017 *practice* 2.1 *guidance* 2.1 menyarankan Piagam Lembaga Pengarah yang jelas disediakan bagi menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati YAWAS tidak menyediakan Piagam LPA yang jelas dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab LPA, Jawatankuasa LPA, ALPA secara individu dan pengurusan YAWAS serta isu dan

keputusan yang tertakluk kepada LPA kerana pihak YAWAS tidak maklum berkenaan keperluan tersebut. Ketiadaan Piagam tersebut menyukarkan LPA untuk mengenal pasti peranan dan tanggungjawab ALPA, Jawatankuasa LPA serta pengurusan YAWAS.

- iii. *The Green Book* perenggan 1.4.4 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. Semakan Audit mendapati YAWAS tidak menyediakan sebarang pelan latihan dan peruntukan bagi program pembelajaran yang berterusan kepada ALPA kerana tidak maklum berkenaan keperluan tersebut. Potensi ALPA untuk memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan secara dinamik dan kompleks adalah rendah tanpa program pembelajaran yang berterusan.
- iv. *Handbook* MKD perenggan 2.5d menetapkan semua keputusan yang material atau signifikan perlu dibuat melalui mesyuarat ALPA dan bukan secara Resolusi LPA (DCR). Semakan Audit mendapati keputusan yang material atau signifikan antaranya pelantikan Pengurus Besar, Pengerusi Pemegang Amanah YAWAS dan pelantikan ALPA YAWAS telah dibuat melalui DCR. Perkara ini berlaku kerana keputusan melalui DCR tersebut dibuat selepas mesyuarat ALPA kali terakhir diadakan pada 13 April 2015. Keputusan yang dibuat tanpa melalui mesyuarat ALPA merupakan keputusan yang dibuat tanpa perbincangan dan penghujahan yang mendalam.
- v. *The Green Book* perenggan 2.1 menetapkan mesyuarat ALPA hendaklah diadakan sebanyak enam (6) hingga lapan (8) kali dalam setahun. Perenggan 12 Artikel Penubuhan YAWAS pula menetapkan mesyuarat ALPA hendaklah diadakan tidak melebihi daripada 90 hari dari tarikh mesyuarat terakhir diadakan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 (3 tahun), mesyuarat ALPA YAWAS hanya diadakan sekali sahaja iaitu pada 13 April 2015 bagi Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2015. Menurut YAWAS, perkara ini adalah disebabkan oleh kesukaran mendapatkan tarikh mesyuarat kerana kekangan masa Pengerusi LPA. Ketiadaan mesyuarat ALPA secara berkala menyebabkan keputusan material atau signifikan tidak dapat dibuat antaranya pelantikan Pengurus Besar dan pelantikan Pengerusi LPA.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019. Pihak Pengurusan MBI telah memuktamadkan Kod Tatalaku Dan Etika Syarikat dan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah MBI untuk kelulusan. Kod Tatalaku Dan Etika Syarikat tersebut akan dilaksanakan di peringkat MBI dan anak-anak syarikat berdasarkan kesesuaian syarikat.

Pada pendapat Audit, LPA YAWAS tidak melaksanakan fungsi dengan berkesan dalam memenuhi matlamat dan tujuan syarikat ditubuhkan memandangkan mesyuarat ALPA YAWAS hanya diadakan sekali bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 manakala keputusan signifikan telah dibuat melalui DCR sahaja.

c. Prosedur Operasi Standard

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati YAWAS mengguna pakai Buku Panduan Peraturan Proses Pengurusan Pentadbiran dan Buku Panduan Tatacara Pengurusan Aset yang telah diluluskan dalam Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2013 yang diadakan pada 7 Mac 2013. Bagaimanapun, SOP berkaitan Proses Pengurusan IPB yang diletakkan di bawah tanggungjawab YAWAS mulai 1 Januari 2017 telah diguna pakai walaupun masih belum dibentangkan serta diluluskan dalam mesyuarat ALPA YAWAS. Ini adalah kerana bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, mesyuarat ALPA hanya diadakan sekali sahaja iaitu pada 13 April 2015. SOP yang diguna pakai tanpa perbincangan dan penghujahan yang mendalam dalam kalangan ALPA boleh memberi kesan kepada proses kerja yang tidak teratur.

- iii. Perenggan 3(ii), Buku Panduan Peraturan Proses Pengurusan Pentadbiran mengenai Proses Pengurusan Perolehan Bekalan (*procurement*) menetapkan sebarang permohonan perolehan bekalan/perkhidmatan perlu disemak dan diluluskan oleh Pengurus Besar. Beliau akan menentukan kaedah perolehan sama ada melalui Sebut Harga diperoleh daripada tiga (3) sumber (tender) atau pembelian terus dari panel sedia ada (*re-order*). Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam SOP sedia ada iaitu tiada ketetapan had amaun perolehan bekalan dan perkhidmatan dalam menentukan kaedah perolehan sama ada dibuat melalui tender atau *re-order*. Antara perolehan yang dibuat melalui kaedah perolehan tersebut adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PEROLEHAN YANG DIBUAT MELALUI KAEDAH PEROLEHAN TENDER DAN RE-ORDER

BIL.	TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAUCAR	KAEDAH PEROLEHAN	AMAUN (RM)
1.	25.04.2017	Baik pulih 3 unit penghawa dingin	<i>Re-order</i>	4,217
2.	16.10.2017	<i>Video recorder</i> untuk CCTV	<i>Re-order</i>	922
3.	08.02.2017	Pembelian 3 unit <i>desktop</i>	Tender	7,380
4.	14.04.2017	Pembelian 2 unit <i>printer</i>	Tender	620
5.	11.07.2017	Pembelian 2 unit <i>laptop</i> dan 2 unit komputer	Tender	12,934

Sumber: Baucar Bayaran YAWAS

- iv. Selain itu, SOP *Procurement* tidak menetapkan had jumlah dan jenis pembekalan yang memerlukan kontrak formal selain tiada elemen kaedah penilaian prestasi kontraktor atau pembekal. Ketiadaan dokumentasi yang jelas berkaitan kedua-dua elemen ini akan memberi kesan kepada kepentingan syarikat dan ketidakcapaian objektif pelantikan kontraktor atau pembekal.
- v. Perenggan 3, Buku Panduan Peraturan Proses Pengurusan Pentadbiran mengenai Proses Pengurusan Perolehan Bekalan (*procurement*) menetapkan sekiranya pembekal menghendaki bayaran pendahuluan, invois proforma perlu diperoleh terlebih dahulu. Berdasarkan amalan terbaik dan juga Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran yang dibuat sebelum bekalan dan perkhidmatan adalah dilarang dan di bawah kategori *Improper Payment*.
- vi. SOP Pengurusan Program TAWAS dan SOP Proses Pengurusan Program IPB tidak menetapkan tempoh proses permohonan hingga kelulusan bagi

pendaftaran menjadi ahli TAWAS, permohonan tuntutan Khairat Kematian Tabung TAWAS dan permohonan IPB.

- vii. Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2013 pada 7 Mac 2013 menetapkan sebahagian dana program TAWAS dilaburkan ke dalam Akaun Simpanan Tetap. Bagaimanapun, Jabatan Kewangan tidak menyediakan SOP berkaitan perkara tersebut.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019 dan berbincang untuk mengkaji semula serta menambah baik SOP sedia ada. Mesyuarat tersebut memutuskan agar cadangan penambahbaikan SOP dibentangkan di Mesyuarat ALPA akan datang.

Pada pendapat Audit, penyediaan SOP syarikat adalah tidak menyeluruh dan perlu dikaji semula untuk penambahbaikan terhadap pengurusan syarikat yang lebih cekap dan berkesan.

d. Petunjuk Prestasi Utama

- i. Merujuk kepada amalan terbaik *The Green Book* Bahagian 1 perenggan 3.2, Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).
- ii. Semakan Audit mendapati YAWAS telah mula menggunakan kaedah KPI secara *Balanced Scorecard* yang diluluskan dalam Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2013 pada 7 Mac 2013. YAWAS juga telah menyediakan Analisis Pencapaian KPI untuk pendaftaran baru ahli TAWAS bagi tahun 2016 hingga 2018 serta pendaftaran IPB bagi tahun 2017 hingga 2018. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti asas penetapan dibuat dalam menetapkan KPI bagi pendaftaran ahli baru TAWAS. Berdasarkan maklum balas daripada

YAWAS, asas penetapan KPI bagi pendaftaran ahli baru TAWAS dibuat berdasarkan statistik pendaftaran ahli TAWAS bagi tahun sebelumnya.

- iii. Semakan lanjut bagi KPI tahun 2016 hingga 2018 mendapati tiada pemantauan dibuat terhadap prestasi bagi sasaran yang ditetapkan oleh LPA memandangkan mesyuarat ALPA kali terakhir dilaksanakan pada 13 April 2015. Prestasi dan pencapaian syarikat tidak dapat diukur keberkesanannya sekiranya pemantauan secara berterusan daripada ALPA tidak dibuat.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Program TAWAS dan IPB telah ditangguhkan masing-masing mulai 31 Disember 2018 dan 1 September 2018 melalui keputusan MMKN Bilangan 29 Tahun 2018 kerana masih dalam proses penjajaran program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Pada pendapat Audit, pemantauan KPI yang tidak dibuat secara berkala untuk dipantau oleh Lembaga Pengarah menyebabkan prestasi dan pencapaian aktiviti syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

e. Setiausaha Syarikat

Menurut Akta Syarikat 2016 perenggan 236, Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha dan pelantikan hendaklah dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh syarikat diperbadankan. Selain itu, *MCCG Practice* 1.4 menetapkan antara peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat adalah menguruskan logistik semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa, menghadiri dan mencatat minit semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa serta memudah cara komunikasi Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati YAWAS telah melantik Setiausaha Syarikat melalui surat lantikan bertarikh 6 Jun 2010 berkuat kuasa pada bulan April 2010. Bagaimanapun, berdasarkan pengauditan yang dijalankan terhadap tadbir urus korporat syarikat mendapati peranan Setiausaha Syarikat tidak dijalankan dengan berkesan

kerana tidak menasihati ALPA untuk menyediakan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, Piagam ALPA, kelulusan SOP, pemantauan KPI serta kekerapan mesyuarat ALPA yang sepatutnya diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS telah mengemukakan sesalinan pemerhatian Audit kepada Setiausaha Syarikat berkaitan teguran ini supaya tindakan penambahbaikan dapat dibuat oleh Setiausaha Syarikat. Selain itu, pemerhatian Audit telah dibentangkan di Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019.

Pada pendapat Audit, Setiausaha Syarikat perlu menjalankan peranan dan tanggungjawab dengan sebaiknya bagi memastikan tadbir urus korporat syarikat dipatuhi sewajarnya.

f. Pengurusan Kewangan

i. Permohonan Perolehan dan Penetapan Kaedah Perolehan

- Perenggan 3(ii), Buku Panduan Peraturan Proses Pengurusan Pentadbiran mengenai Proses Pengurusan Perolehan Bekalan (*Procurement*) bernombor rujukan YWS/PP-SOP/04/2012 (SOP Pentadbiran) menetapkan:
 - Sebarang permohonan untuk mendapatkan perolehan bekalan/perkhidmatan hendaklah diserahkan kepada Pengurus Besar untuk semakan dan kelulusan.
 - Pengurus Besar bertanggungjawab menentukan kaedah perolehan sama ada melalui tender atau *re-order*.
- Menurut ketetapan Pekeliling Lembaga Pemegang Amanah YAWAS mengenai Cadangan Penubuhan Serta Peranan dan Tanggungjawab *Executive Committee* (EXCOM) YAWAS:

- Perkara 1.0 menetapkan EXCOM YAWAS ditubuhkan bagi memastikan perjalanan tadbir urus YAWAS dapat dilaksanakan mengikut tatacara, piawaian, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan sepanjang ketiadaan pengurusan utama syarikat.
- Perkara 5.2 menetapkan dengan adanya penurunan kuasa dan had budi bicara, sebarang keputusan atau pelaksanaan inisiatif operasi harian syarikat hendaklah melalui Pengurus Akaun, Pentadbiran dan Sumber Manusia dan sebelum ia diluluskan oleh pegawai dari EXCOM YAWAS yang terdiri daripada Ketua Pegawai Operasi, wakil MBI, Setiausaha syarikat dan YAWAS.
- Semakan Audit terhadap sampel permohonan perolehan dalam tahun 2017 dan 2018 mendapati permohonan perolehan tiga (3) unit komputer berjumlah RM7,380 telah dibuat tanpa kelulusan Pengurus Besar.
- Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel permohonan perolehan dalam tahun 2017 dan 2018 semasa jawatan Pengurus Besar tidak diisi mendapati:
 - Sejumlah tujuh (7) daripada lapan (8) permohonan perolehan melibatkan pembelian penghawa dingin, peralatan ICT, *video recorder* dan pemasangan telefon serta *firewall* berjumlah RM40,097 telah disahkan oleh Pengurus Akaun, Pentadbiran dan Sumber Manusia tetapi tiada bukti kelulusan daripada EXCOM YAWAS selain tidak menyatakan kaedah perolehan yang dibuat; dan
 - Permohonan perolehan bagi satu (1) unit kamera DSLR berjumlah RM6,902 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Pembelian tanpa bukti kelulusan daripada EXCOM YAWAS dan tidak menyatakan kaedah perolehan yang digunakan.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS akan memastikan semua perolehan dibuat dengan teratur pada masa akan datang dengan mengeluarkan memo peringatan kepada pegawai yang terlibat dengan perolehan.

ii. Pembekalan dan Pembayaran Bekalan

- Perenggan 3, Buku Panduan Peraturan Proses Pengurusan Pentadbiran mengenai Proses Pengurusan Perolehan Bekalan (*Procurement*) bernombor rujukan YWS/PP-SOP/04/2012 (SOP Pentadbiran) menetapkan:
 - Sekiranya pembekal menghendaki Bayaran Pendahuluan, invoice proforma hendaklah diperoleh.
 - Bekalan aset dan stok yang diterima hendaklah diperiksa sewaktu penghantaran serta dapatkan Nota Serahan (DO) dan bil untuk urusan pembayaran. Pastikan barangan yang diterima sama seperti di borang pesanan (PO). Selain itu, Perkara 2, Bab Penerimaan, Buku Panduan Tatacara Pengurusan Aset menyatakan antara langkah yang perlu dipatuhi semasa penerimaan aset adalah menyemak butiran di dokumen yang sah bagi memastikan aset yang diterima adalah betul.
- Semakan Audit terhadap sampel baucar pembelian aset mendapati:
 - bayaran pendahuluan sebanyak 50% dibuat kepada dua (2) pembekal masing-masing berjumlah RM3,074 dan RM450,000 dan satu (1) bayaran penuh sejumlah RM7,380 dibuat kepada seorang pembekal sebelum bekalan diterima. Bagaimanapun, SOP YAWAS tidak menyatakan mengenai kadar bayaran pendahuluan atau bayaran penuh yang dibenarkan sebelum bekalan diterima.
 - sebanyak tiga (3) baucar bayaran masing-masing berjumlah RM3,074, RM450,000 dan RM2,499 telah dibuat pembayaran tanpa invoice proforma atau invoice daripada pembekal.
 - sebanyak lima (5) baucar bayaran berjumlah RM30,089 telah dibuat pembayaran tanpa dikemukakan DO atau dokumen lain yang menunjukkan penerima aset telah membuat pengesahan bahawa bekalan yang diterima adalah betul seperti di PO.
 - Butiran adalah seperti **Jadual 4**.

JADUAL 4
SENARAI BAUCAR BAYARAN YANG DIBUAT
SEBELUM BEKALAN DITERIMA DAN TANPA DOKUMEN LENGKAP

BIL.	TARIKH BAUCAR	TARIKH TERIMA BEKALAN	AMAUN (RM)	CATATAN
1.	08.02.2017	13.02.2017	7,380	• Bayaran penuh sebelum bekalan diterima • Tiada pengesahan bekalan
2.	15.03.2017	28.03.2017	3,074	Bayaran 50% sebelum bekalan dan proforma <i>invois</i> diterima
3.	07.11.2018	30.11.2018 hingga 28.12.2018	450,000	Bayaran 50% sebelum bekalan dan proforma <i>invois</i> diterima
4.	26.07.2018	24.07.2018	2,499	• Bayaran sebelum <i>invois</i> diterima • Tiada pengesahan bekalan
5.	11.07.2017	23.07.2017	12,934	Tiada pengesahan bekalan
6.	10.10.2017	17.10.2017	6,656	Tiada pengesahan bekalan
7.	14.04.2017	30.03.2017	620	Tiada pengesahan bekalan

Sumber: Baucar Bayaran YAWAS

- Syarikat YAWAS membuat bayaran penuh dan bayaran pendahuluan berdasarkan terma dan syarat pembekal. Selain itu, bayaran dibuat tanpa *invois* proforma atau *invois* serta tanpa pengesahan bekalan merupakan amalan biasa di YAWAS. Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran yang dibuat sebelum perkhidmatan/pembekalan adalah dilarang dan di bawah kategori *Improper Payment*. Kepentingan YAWAS tidak terjamin sekiranya pembekal gagal melaksanakan pembekalan seperti yang ditetapkan.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019 untuk mengkaji semula dan menambah baik SOP sedia ada.

Pada pendapat Audit, tatacara perolehan yang tidak teratur menunjukkan kawalan dalaman syarikat yang longgar dan boleh merugikan syarikat.

6.2. Kedudukan Kewangan

6.2.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat YAWAS bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan

dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan	2.42	1.96	2.01
Pendapatan Lain	0.03	0.05	0.08
JUMLAH PENDAPATAN	2.45	2.01	2.09
Kos Belanja Promosi	(0.14)	(0.08)	(0.08)
Belanja Pentadbiran Dan Belanja Operasi	(2.30)	(1.88)	(1.87)
JUMLAH PERBELANJAAN	(2.44)	(1.96)	(1.95)
LEBIHAN SEBELUM CUKAI	0.01	0.05	0.14
Cukai	0.00	0.00	0.00
LEBIHAN SELEPAS CUKAI	0.01	0.05	0.14
LEBIHAN TERKUMPUL	0.51	0.56	0.70
JUMLAH ASET	18.51	24.98	32.60
JUMLAH LIABILITI	0.75	0.17	1.22
JUMLAH EKUITI	17.76	24.81	31.38
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	18.51	24.98	32.60
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	17.75	24.22	31.83

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017


6.2.2. Pendapatan utama YAWAS adalah geran daripada Kerajaan Negeri Selangor yang disalurkan melalui MBI. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, geran yang diterima dan diiktiraf sebagai pendapatan YAWAS menyumbang antara 96.2% hingga 98.8% daripada jumlah pendapatan syarikat. Selain itu, YAWAS juga menerima pendapatan lain seperti faedah dari deposit jangka pendek dan caj denda kehilangan kad ahli TAWAS. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan pada tahun 2015 menurun daripada RM2.45 juta kepada RM2.01 juta pada tahun 2016 dan seterusnya meningkat pada tahun 2017 kepada RM2.09 juta. Trend penurunan dan peningkatan yang berlaku pada tahun 2016 dan 2017 adalah disebabkan pengurangan dan penambahan geran yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor. Trend jumlah pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 5** dan **Carta 2**.

6.2.3. Perbelanjaan YAWAS pula terdiri daripada kos perbelanjaan promosi program, operasi dan pentadbiran iaitu gaji kakitangan. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan menunjukkan trend penurunan di mana jumlah perbelanjaan pada tahun 2016 menurun kepada RM1.96 juta berbanding RM2.44 juta pada tahun 2015. Jumlah perbelanjaan ini seterusnya menurun lagi kepada RM1.95 juta pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Komponen


perbelanjaan terbesar yang menyumbang kepada belanja pentadbiran dan operasi adalah gaji kakitangan di mana menyumbang antara 69.7% hingga 76.1% daripada jumlah belanja pentadbiran. Trend jumlah pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 5** dan **Carta 2**.

6.2.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah memberi kesan terhadap perekodan lebih syarikat. YAWAS merekodkan lebih sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut di mana pada tahun 2017, lebih selepas cukai adalah berjumlah RM140,640 dan memberi kesan kepada peningkatan dalam lebih terkumpul berjumlah RM0.70 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5** dan **Carta 3**.

**CARTA 2
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**



**CARTA 3
TREND LEBIH SEBELUM CUKAI SERTA
LEBIH TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

6.2.5. Berdasarkan jumlah aset, YAWAS mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya pada masa yang diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset bukan semasa ialah trend peningkatan baki daripada deposit di bank yang berjumlah RM17.71 juta, RM23.98 juta dan RM31.39 juta masing-masing bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Selain itu, tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 23.87:1 pada tahun 2015, 141.51:1 pada tahun 2016 dan 26.43:1 pada tahun 2017 menunjukkan syarikat berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman. Komponen aset semasa yang paling tinggi menyumbang kepada kecairan aset semasa adalah deposit jangka pendek. Aset YAWAS bagi tahun 2016 meningkat sejumlah RM6.47 juta berbanding tahun 2015 dan peningkatan sejumlah RM7.62 juta bagi tahun 2017 berbanding 2016 kerana peningkatan deposit jangka pendek dan tunai di bank. Bagaimanapun,

tiada sebarang penambahan aset bukan semasa dilakukan dalam tiga (3) tahun yang dinilai. Peningkatan ketara liabiliti semasa pada tahun 2017 iaitu RM1.22 juta berbanding pada tahun 2016 berjumlah RM172,904 adalah kerana terimaan terdahulu geran daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk PBMS dan IPB.

6.2.6. Analisis Audit turut dijalankan terhadap aliran tunai YAWAS bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan. Adalah didapati aliran tunai dan kesetaraan tunai YAWAS adalah berbaki positif dan aliran tunai daripada operasi meningkat bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut. Secara keseluruhannya, tunai dan kesetaraan tunai YAWAS meningkat pada tahun 2016 berjumlah RM24.22 juta berbanding RM17.75 juta pada akhir tahun 2015 dan seterusnya peningkatan yang ketara pada tahun 2017 yang berjumlah RM31.83 juta.

6.2.7. Pada akhir tahun kewangan 2017, YAWAS mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM31.83 juta dengan peningkatan sejumlah RM7.6 juta (31.4%) berbanding pada tahun 2016 di sumbang oleh peningkatan pelbagai penghutang. Baki tunai dan kesetaraan tunai dalam tempoh tiga (3) tahun adalah positif dan menunjukkan trend peningkatan sebanyak 36.5% dan 31.4% masing-masing pada tahun 2016 dan 2017. Peningkatan ini di sumbang oleh kenaikan *endowment fund* daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk program TAWAS berjumlah RM5.17 juta (tahun 2017) dan RM4.96 juta (tahun 2016) dan aliran tunai daripada aktiviti deposit jangka pendek yang menunjukkan faedah diterima berjumlah RM1.07 juta (tahun 2017) dan RM1.04 juta (tahun 2016).

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan YAWAS bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah stabil dengan menjalankan operasi syarikat menggunakan geran Kerajaan. YAWAS tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan utama daripada operasi syarikat sebaliknya menguruskan geran yang diterima daripada Kerajaan.

6.3. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama YAWAS adalah menguruskan Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) di mana enakmen penubuhan TAWAS telah diluluskan pada 17 Ogos 2015. Pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan agenda Merakyatkan Ekonomi

Selangor. Selain itu, YAWAS telah diberi tanggungjawab menguruskan program Insentif Perkahwinan Belia (IPB) mulai tahun 2017 di mana pasangan pengantin baru layak menerima insentif perkahwinan sebanyak RM500 sekiranya pasangan tersebut menepati syarat yang telah ditetapkan. Program IPB telah ditamatkan berkuat kuasa pada 1 September 2018 atas arahan Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Bagi melaksanakan kedua-dua program serta membiayai perbelanjaan operasi syarikat, YAWAS bergantung sepenuhnya kepada geran yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

6.3.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output Program TAWAS dan IPB

- i. Merujuk kepada Keberhasilan Utama (KRA) syarikat bagi tahun 2016 hingga 2018, YAWAS telah menetapkan sasaran bagi bilangan pendaftaran baru keahlian TAWAS dan permohonan IPB. Semakan Audit terhadap KRA tersebut mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pencapaian bagi bilangan pendaftaran ahli baru serta bilangan permohonan bagi program IPB adalah melebihi sasaran penuh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENDAFTARAN BARU AHLI TAWAS DAN IPB

PROGRAM	PERKARA	2016	2017	2018
TAWAS	Sasaran	40,000	45,000	45,000
	Sebenar	51,429	52,984	57,010
	Peratus (%)	128.6	117.7	126.7
IPB	Sasaran	-	10,000	10,000
	Sebenar	-	20,727	22,353
	Peratus (%)	-	207.3	223.5

Sumber: KPI YAWAS dan Sistem YAWAS serta Sistem IPB

Pada pendapat Audit, pendaftaran baru ahli TAWAS dan permohonan IPB telah diuruskan dengan cekap.

b. Pencapaian *Outcome*

i. Pencapaian *Outcome* Program TAWAS

- Program TAWAS yang diperkenalkan di bawah program IPR pada bulan Jun 2008 dalam Majlis Sambutan Pencapaian 100 Hari Kerajaan Negeri Selangor menyatakan ahli TAWAS akan menerima RM1,500 apabila mencapai usia 18 tahun kelak. Pencapaian *outcome* bagi program TAWAS berdasarkan agihan manfaat sejumlah RM1,500 seorang kepada ahli TAWAS yang lahir mulai 1 Januari 2008 hanya boleh dinilai apabila ahli mencapai usia 18 tahun iaitu mulai 1 Januari 2026. Bagaimanapun, pencapaian *outcome* bagi program TAWAS juga boleh dinilai berdasarkan keberkesanan manfaat aktiviti di bawah program TAWAS iaitu Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) dan Skim Khairat Kematian (SKK). Manfaat daripada program PBMS ialah membantu meringankan perbelanjaan persekolahan kepada ahli TAWAS yang memulakan Tahun 1 dan meringankan perbelanjaan pemegang amanah atas kematian ahli TAWAS bagi program SKK.
- Pihak Audit mendapati YAWAS tidak membuat penilaian keberkesanan terhadap manfaat PBMS dan SKK di bawah program TAWAS. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2018, hanya 6,635 (33.2%) daripada 20,000 beg sekolah telah diagihkan kepada ahli TAWAS bagi program PBMS manakala 13,365 (66.8%) beg sekolah sedang dalam proses agihan. Selain itu, semakan Audit mendapati sehingga 31 Januari 2019, seramai 430 pemegang amanah bagi SKK menerima bayaran sejumlah RM527,600 dalam tempoh antara satu (1) hingga 44 hari.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* bagi program TAWAS masih belum dapat dinilai sepenuhnya kerana YAWAS belum mewujudkan mekanisme yang mencukupi bagi menilai keberkesanan program PBMS dan SKK. Bagaimanapun, pelaksanaan awal telah menunjukkan perkembangan yang baik.

ii. Pencapaian *Outcome* Program IPB

- Berdasarkan Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), program Insentif Perkahwinan Belia (IPB) adalah bermatlamat untuk membantu belia di negeri Selangor yang berumur 35 tahun ke bawah yang pertama kali berkahwin melalui pemberian insentif berjumlah RM500. Program ini dimulakan pada tahun 2013 oleh UPEN. Bagaimanapun, YAWAS mula mengambil alih tanggungjawab tersebut bermula 1 Januari 2017 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 37 Tahun 2016. Program ini bagaimanapun ditamatkan mulai 1 September 2018 melalui keputusan MMKN Bilangan 29 Tahun 2018. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2017 hingga bulan Disember 2018, seramai 32,362 belia Selangor yang pertama kali berkahwin telah menerima manfaat IPB berjumlah RM16.18 juta. Bagaimanapun, tiada indikator pengukuran yang ditetapkan oleh YAWAS bagi menilai keberkesanan inisiatif Kerajaan negeri Selangor melalui program IPB. Selain itu, kajian kepuasan penerima belum pernah dibuat untuk mengetahui sejauh mana ia dapat membantu penerima. Secara umumnya pemberian sejumlah RM500 sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan belia yang baru mendirikan rumah tangga.

Pada pendapat Audit, YAWAS belum mewujudkan mekanisme yang mencukupi bagi menilai keberkesanan program IPB.

6.3.2. Pelaksanaan Aktiviti

YAWAS menerima geran mengurus tahunan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan aktiviti di bawah program TAWAS iaitu sumbangan sejumlah RM100 bagi setiap keahlian secara berperingkat mengikut bilangan ahli dari semasa ke semasa dan PBMS berjumlah RM35.97 juta. Selain itu, YAWAS juga menerima geran mengurus tahunan bagi pelaksanaan program IPB. Keseluruhan geran mengurus tahunan bagi program tersebut sehingga tahun 2018 adalah berjumlah RM51.34 juta. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2018, YAWAS telah membelanjakan sejumlah RM0.51 juta (1.54%) daripada RM33.15 juta geran sumbangan sejumlah RM100 yang diterima untuk TAWAS, membelanjakan sejumlah RM1.60 juta atau 56.74% daripada RM2.82 juta geran yang diterima untuk PBMS dan membelanjakan sejumlah

RM16.18 juta daripada RM15.37 juta geran yang diterima untuk IPB. Ini adalah kerana pihak YAWAS menggunakan sebahagian peruntukan geran TAWAS sementara menunggu peruntukan geran tambahan IPB daripada Kerajaan Negeri. Butiran peruntukan dan perbelanjaan geran adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
GERAN DAN PERBELANJAAN
PROGRAM TAWAS DAN IPB BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2018

GERAN	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
Program TAWAS (Sumbangan RM100)	33.15	0.51	32.64
Program TAWAS (PMBS)	2.82	1.60	1.22
JUMLAH	35.97	2.11	33.86
Program IPB	15.37	*16.18	(0.81)
JUMLAH KESELURUHAN	51.34	18.29	33.05

Sumber: YAWAS

Nota: * - Menggunakan Sebahagian Peruntukan Geran TAWAS Sementara Menunggu Peruntukan Geran Tambahan IPB Daripada Kerajaan Negeri

a. Pengurusan Pendaftaran TAWAS

i. Penetapan Tempoh Memproses Borang Pendaftaran Ahli TAWAS

- Buku Panduan Jabatan Pendaftaran (JP), Proses Pengurusan Program TAWAS antaranya menetapkan perkara berikut:
 - Penerimaan borang pendaftaran adalah daripada sumber seperti Kaunter Pejabat YAWAS, Jabatan Pemasaran YAWAS, Pejabat PKM DUN, pos dan e-mel; dan
 - Selepas borang pendaftaran disemak, permohonan akan ditentukan sama ada Lulus, Gagal atau Tidak Lengkap.
- Semakan Audit terhadap Buku Panduan tersebut mendapati tiada ketetapan dibuat mengenai tempoh memproses borang permohonan untuk menjadi ahli TAWAS. Tempoh memproses adalah dari tarikh borang diterima oleh YAWAS hingga ke tarikh status permohonan ditentukan Lulus, Gagal atau Tidak Lengkap. Selain itu, laman web YAWAS menetapkan permohonan untuk menjadi ahli TAWAS terbuka kepada anak yang dilahirkan di negeri Selangor yang memenuhi syarat dan permohonan perlu dibuat sebelum anak berusia tiga (3) tahun.

- Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS pada 23 Januari 2019 telah mengemukakan kepada pihak Audit sebanyak 85,691 data permohonan untuk menjadi ahli TAWAS secara *offline* yang telah ditentukan status sama ada sebagai Lulus, Gagal atau Tidak Lengkap dalam tahun 2016 hingga 2018. Analisis Audit terhadap data tersebut mendapati sebanyak 82,675 (96.5%) permohonan ditentukan Lulus, 1,157 (1.4%) ditentukan Gagal dan 1,859 (2.2%) Tidak Lengkap. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8**.
- Analisis Audit selanjutnya terhadap 83,832 permohonan yang telah ditentukan status sebagai Lulus atau Gagal mendapati sebanyak 14,074 (16.8%) permohonan ditentukan status pada hari yang sama borang permohonan diterima oleh YAWAS. Selain itu, sebanyak 541 (0.6%) daripada 83,832 permohonan ahli TAWAS telah ditentukan status Lulus atau Gagal selepas setahun iaitu antara 366 hingga 2,395 hari dari tarikh borang permohonan diterima oleh YAWAS. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH DITENTUKAN
STATUS LULUS ATAU GAGAL DALAM TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BIL.	TEMPOH PENENTUAN STATUS PERMOHONAN (Hari)	BILANGAN PERMOHONAN DITENTUKAN STATUS LULUS	BILANGAN PERMOHONAN DITENTUKAN STATUS GAGAL	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Pada hari yang sama (1)	14,023	51	14,074
2.	2 hingga 90	59,648	768	60,416
3.	91 hingga 365	8,674	127	8,801
4.	366 hingga 2,395	330	211	541
JUMLAH		82,675	1,157	83,832

Sumber: Data Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS

ii. Penentuan Tempoh Permohonan Lulus Atau Gagal Selepas Pemohon Mencapai Usia Melebihi Tiga (3) Tahun

- Semakan Audit terhadap 1,157 permohonan yang ditentukan Gagal mendapati sebanyak 170 permohonan dikategorikan sebagai Gagal disebabkan dokumen sokongan tidak diterima hingga pemohon mencapai usia tiga (3) tahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati 170 permohonan tersebut tidak ditentukan Gagal sebelum pemohon mencapai usia tiga (3) tahun. Penentuan Gagal hanya ditentukan selepas 345 hingga 743 hari dari tarikh pemohon mencapai usia tiga

(3) tahun iaitu semasa pemohon berusia tiga (3) tahun 11 bulan hingga lima (5) tahun satu (1) bulan.

- Selain itu, sebanyak 34 daripada 82,675 permohonan telah ditentukan Lulus selepas setahun iaitu antara 378 hingga 1,380 hari dari tarikh pemohon mencapai usia tiga (3) tahun iaitu semasa pemohon berusia tiga (3) tahun satu (1) bulan hingga lima (5) tahun 10 bulan.
- Tempoh memproses borang permohonan menjadi ahli TAWAS mengambil masa yang panjang kerana tempoh pemprosesan tidak ditetapkan seterusnya menyebabkan pengurusan TAWAS menjadi kurang cekap dan berkesan.

iii. Penentuan Gagal Atau Lulus Bagi Permohonan yang Berstatus Tidak Lengkap

- Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS pada 23 Januari 2019 telah mengemukakan sebanyak 1,859 permohonan yang telah ditentukan status Tidak Lengkap dalam tahun 2016 hingga tahun 2018. Semakan Audit mendapati sebanyak 492 daripada 1,859 permohonan tersebut masih belum ditentukan status Lulus atau Gagal antara 366 hingga 1,111 hari ditentukan status Tidak Lengkap. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENENTUAN GAGAL ATAU LULUS BAGI
PERMOHONAN YANG BERSTATUS TIDAK LENGKAP

BIL.	TEMPOH PERMOHONAN DITENTUKAN TIDAK LENGKAP HINGGA DATA DIKEMUKAKAN (Hari)	BILANGAN PERMOHONAN DITENTUKAN STATUS TIDAK LENGKAP
1.	1 hingga 90	141
2.	91 hingga 365	1,226
3.	366 hingga 1,111	492
JUMLAH		1,859

Sumber: Data Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS

- Tempoh memproses borang permohonan menjadi ahli TAWAS mengambil masa yang panjang kerana tempoh pemprosesan tidak ditetapkan seterusnya menyebabkan pengurusan TAWAS menjadi kurang cekap dan berkesan.

iv. Permohonan Dalam Proses Semakan

- Semakan Audit terhadap data permohonan diterima bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 yang dikemukakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS pada 23 Januari 2019 mendapati sebanyak 2,431 permohonan belum disemak. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 2,002 daripada 2,431 permohonan tersebut telah diterima oleh YAWAS melebihi tiga (3) bulan iaitu antara 91 hingga 1,034 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
BILANGAN PERMOHONAN YANG BELUM DISEMAK DARI
TARIKH PERMOHONAN DITERIMA HINGGA TARIKH DATA DIKEMUKAKAN

BIL.	TEMPOH PENENTUAN STATUS PERMOHONAN (Hari)	BILANGAN PERMOHONAN YANG BELUM DISEMAK
1.	1 hingga 90	429
2.	91 hingga 1,034	2,002
JUMLAH		2,431

Sumber: YAWAS

- Tempoh memproses borang permohonan menjadi ahli TAWAS mengambil masa yang panjang kerana tempoh pemprosesan tidak ditetapkan seterusnya menyebabkan pengurusan TAWAS menjadi kurang cekap dan berkesan.
- Secara keseluruhannya, YAWAS mengambil masa melebihi tiga (3) tahun untuk memproses permohonan kerana memberi peluang kepada pemohon untuk mengemukakan dokumen sokongan sehingga tahun keempat kelahiran pemohon. Tahun keempat kelahiran pemohon merujuk kepada tahun kelahiran pemohon dan bukan tarikh lahir pemohon. Sebagai contoh, ahli yang mencapai usia tiga (3) tahun pada 7 Februari 2016, tarikh akhir dokumen sokongan dikemukakan kepada pihak YAWAS adalah selewat-lewatnya pada 31 Disember 2017. Bagaimanapun, ketetapan tersebut tidak dapat disahkan kerana tidak didokumenkan oleh YAWAS. Tempoh memproses permohonan yang panjang mencapai hingga 2,395 hari atau enam (6) tahun tujuh (7) bulan akan memberi kesan kepada YAWAS di mana persepsi negatif mudah menular dalam kalangan masyarakat.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS mengesahkan bahawa Buku Panduan Jabatan Pendaftaran tidak menunjukkan ketetapan tempoh masa bagi setiap proses permohonan yang dibuat. YAWAS juga mengesahkan bahawa tambahan satu (1) tahun bagi penerimaan dokumen selepas ahli mencapai usia tiga (3) tahun turut dibuat tanpa mendokumenkan hasil keputusan perbincangan pihak pengurusan. Pihak YAWAS akan mengemas kini SOP dengan memastikan setiap keputusan yang dibuat akan didokumenkan. Pihak YAWAS juga bercadang untuk memendekkan tempoh penerimaan dokumen sokongan bagi mempercepatkan proses permohonan. Selain itu, pihak YAWAS juga akan menyediakan piagam pelanggan mengenai tempoh proses permohonan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan penetapan mengenai tempoh memproses permohonan ahli TAWAS telah menyebabkan kelulusan permohonan mengambil masa yang panjang.

b. Pengurusan Manfaat Utama Program TAWAS

- i. Objektif program TAWAS diwujudkan untuk mengagihkan manfaat berjumlah RM1,500 kepada bayi yang lahir di negeri Selangor mulai 1 Januari 2008 yang memenuhi semua syarat pendaftaran yang ditetapkan apabila mencapai umur 18 tahun. Permohonan yang berjaya akan diberi kad keahlian dan penyata TAWAS berjumlah RM1,500. Penyata tersebut akan digunakan sebagai bukti oleh ahli TAWAS semasa membuat tuntutan apabila mencapai usia 18 tahun.
- ii. Manfaat berjumlah RM1,500 kepada ahli TAWAS yang lahir mulai 1 Januari 2008 hanya dapat direalisasikan mulai 1 Januari 2026 iaitu apabila ahli mencapai usia 18 tahun. Bilangan keseluruhan ahli TAWAS dari tahun 2008 hingga 2018 adalah seramai 365,455 orang dan Kerajaan Negeri perlu menyediakan manfaat berjumlah RM548.18 juta bermula tahun 2026 hingga tahun 2036 seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
BILANGAN AHLI TAWAS SEHINGGA BULAN MAC 2019
DAN JUMLAH MANFAAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH
KERAJAAN NEGERI SELANGOR MULAI TAHUN 2026 HINGGA 2036

BIL.	TAHUN KELAHIRAN	AHLI MASIH HIDUP	JUMLAH KOMITMEN (RM Juta)	TAHUN PEMBAYARAN
1.	2008	21,316	31.97	2026
2.	2009	21,455	32.18	2027
3.	2010	22,802	34.20	2028
4.	2011	28,160	42.24	2029
5.	2012	34,049	51.07	2030
6.	2013	39,481	59.22	2031
7.	2014	44,393	66.59	2032
8.	2015	45,791	68.69	2033
9.	2016	42,584	63.88	2034
10.	2017	36,295	54.44	2035
11.	2018	29,129	43.69	2036
JUMLAH		365,455	548.18	

Sumber: Sistem YAWAS

- iii. Pihak YAWAS memaklumkan persediaan manfaat RM1,500 apabila ahli mencapai umur 18 tahun adalah diuruskan oleh Kerajaan Negeri melalui enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor yang ditubuhkan pada 2015. MMKN Bilangan 21 tahun 2015 telah meluluskan cadangan enakmen tabung tersebut antara lain menetapkan Kerajaan Negeri akan menyalurkan dana secara berperingkat kepada tabung tersebut berjumlah RM12.50 juta setahun mulai tahun 2015 hingga 2031. Berikutan pertambahan bilangan ahli TAWAS, MMKN pada 1 Februari 2017 telah meluluskan semula jumlah penyaluran geran tahunan secara berperingkat bermula tahun 2016 sehingga 2025 (sepanjang tempoh 10 tahun) seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
KELULUSAN PENYALURAN GERAN TAHUNAN KE TABUNG
AMANAH WARISAN ANAK SELANGOR MULAI TAHUN 2016 HINGGA 2025

TAHUN PENYALURAN	JUMLAH PENYALURAN TAHUNAN (RM Juta)	JUMLAH PENYALURAN TERKUMPUL (RM Juta)
2016 sehingga 2018 (3 tahun)	12.50	37.50
2019 sehingga 2025 (7 tahun)	25.00	175.00
JUMLAH		212.50

Sumber: Lejar Am Tabung Amanah Warisan Anak Selangor

- iv. Semakan Audit terhadap Lejar Am Tabung Amanah Warisan Anak Selangor dan semak silang dengan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mendapati jumlah geran yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga 30 Januari 2019 adalah seperti **Jadual 13**.

JADUAL 13
GERAN YANG DISALURKAN UNTUK TABUNG AMANAH
WARISAN ANAK SELANGOR SEHINGGA 30 JANUARI 2019

TARIKH PENYALURAN	JUMLAH GERAN DITERIMA (RM Juta)
12 Ogos 2016	12.50
28 Februari 2017	12.50
14 Mac 2018	12.50
30 Januari 2019	25.00
JUMLAH	62.50

Sumber: Lejar Am Tabung Amanah Warisan Anak Selangor

- v. Selain itu, berdasarkan keputusan MMKN Bilangan 13 Tahun 2008, Kerajaan Negeri akan menyumbang kepada YAWAS sejumlah RM100 bagi setiap keahlian secara berperingkat mengikut bilangan ahli dari semasa ke semasa. Sehingga 31 Oktober 2018, sumbangan terkumpul daripada Kerajaan Negeri yang telah disalurkan kepada YAWAS adalah berjumlah RM33.15 juta seperti yang dinyatakan di **Jadual 7**. Sumbangan ini bertujuan menampung manfaat SKK ahli TAWAS bernilai RM1,500 yang akan dibayar kepada waris sama ada ibu bapa atau penjaga sekiranya ahli meninggal sebelum mencapai umur 18 tahun.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri Selangor perlu mempunyai mekanisme seperti pelaburan untuk memastikan manfaat sejumlah RM548.51 juta dapat diagihkan kepada seramai 365,674 ahli TAWAS menjelang usia mereka mencapai 18 tahun bagi tempoh tahun 2026 hingga 2036.

c. Manfaat Lain Kepada Ahli TAWAS.

i. Program Bantuan Masuk Sekolah

Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) merupakan sebuah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk meringankan beban perbelanjaan

kelengkapan barang-barang sekolah khususnya keluarga Ahli TAWAS. Berdasarkan keputusan MMKN pada 25 November 2015, Kerajaan Negeri telah bersetuju memperuntukkan pemberian bantuan sejumlah RM50 untuk setiap anak ahli TAWAS yang bakal memasuki Tahun 1. Program ini yang diuruskan oleh Seksyen Sektor UPEN telah bermula sejak tahun 2014 bagi sesi persekolahan tahun 2015 di mana kelompok pertama yang menerima bantuan ini adalah anak-anak ahli TAWAS yang lahir pada tahun 2008. Bagaimanapun, pihak UPEN memaklumkan kepada YAWAS untuk mengambil alih pelaksanaan program bantuan tersebut mulai tahun 2018 bagi sesi persekolahan tahun 2019 memandangkan UPEN tidak lagi terlibat dalam sebarang program pemberian bantuan masuk sekolah di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Kaedah agihan bantuan tersebut dibuat adalah ibu bapa ahli TAWAS perlu datang ke pejabat PKM DUN atau pejabat YAWAS untuk menerima bantuan.

- **PBMS Tahun Kelahiran 2011**

Pada tahun 2017, YAWAS dengan kerjasama Seksyen Sektor UPEN telah melaksanakan PBMS kepada ahli TAWAS yang lahir pada tahun 2011 dalam bentuk bantuan beg sekolah. Sebanyak 15,492 unit beg sekolah (kos seunit RM45) berjumlah RM697,304 telah diperoleh melalui kaedah tender yang diuruskan oleh YAWAS. Semakan Audit mendapati kawalan dalaman seperti had kuasa berbelanja untuk perolehan bantuan bagi program ini adalah baik kecuali bagi perkara berikut:

- **Pengagihan Beg Bantuan Masuk Sekolah**

- Pelaksanaan PBMS Tahun 2011 bermula pada bulan Ogos 2017 dan penutupan program di peringkat DUN pada bulan Januari 2018. Berdasarkan kepada objektif PBMS untuk meringankan beban perbelanjaan kelengkapan barang-barang sekolah khususnya kepada keluarga ahli TAWAS, beg sekolah perlu selesai diagihkan kepada ahli TAWAS yang lahir pada tahun 2011 sebelum sesi persekolahan tahun 2018 bermula.
- Semakan Audit terhadap Laporan Ringkasan Pelaksanaan PBMS Tahun 2011 mendapati sebanyak 15,492 beg sekolah telah diperoleh oleh UPEN untuk PBMS Tahun 2011. Bagaimanapun,

sehingga 2 Januari 2019, sebanyak 2,638 buah beg sekolah untuk PBMS Tahun 2011 dengan kos berjumlah RM118,710 masih belum diagihkan oleh YAWAS kepada ahli TAWAS. Kegagalan pengagihan bantuan tersebut adalah disebabkan oleh sebahagian ibu bapa ahli TAWAS tidak mengemas kini maklumat nombor telefon dan alamat rumah untuk dihubungi.

- Pada 23 Januari 2019, mesyuarat MMKN memutuskan agar kesemua lebihan beg diserahkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) untuk diagihkan kepada sesiapa sahaja termasuk bukan ahli TAWAS. Pihak Audit mendapati beg tersebut telah diserahkan kepada EXCO.

- **Baki Beg Bantuan Masuk Sekolah**

- Jumlah fizikal baki stok bantuan hendaklah bersamaan dengan baki di rekod sistem. Pemeriksaan Audit pada 2 Januari 2019 di stor YAWAS yang menempatkan stok beg sekolah mendapati baki beg yang tinggal hanya sebanyak 2,562 beg berbanding 2,687 beg sekolah yang dilaporkan dalam sistem PBMS. Perbezaan sebanyak 125 unit beg yang tidak dapat dikesan menjadikan jumlah kerugian wang Kerajaan Negeri sejumlah RM5,625. Antara punca perbezaan tersebut adalah kerana tiada pengesahan dibuat ke atas kuantiti beg yang diterima semasa pembekalan beg dibuat. Gambar semasa pemeriksaan Audit adalah seperti **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Stor YAWAS

- Baki Stok Beg Sekolah PBMS Tahun 2011 yang Masih Belum Diagihkan (2.11.2019)

- **PBMS Tahun Kelahiran 2012**

YAWAS mengambil alih pelaksanaan PBMS mulai tahun 2018 iaitu sesi persekolahan tahun 2019 memandangkan UPEN tidak lagi terlibat dalam sebarang program pemberian bantuan masuk sekolah di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Pihak Audit mendapati pihak YAWAS telah menerima peruntukan berjumlah RM1.40 juta daripada Perbendaharaan Negeri Selangor dan sejumlah RM0.9 juta dibelanjakan bagi PBMS Tahun 2012. Bagi mengelakkan pengambilan bantuan PBMS melebihi sekali dan memudahkan proses pemantauan stok bantuan di semua Pusat Khidmat DUN, YAWAS menggunakan sistem untuk merekodkan status pengambilan bantuan beg sekolah kepada ahli TAWAS yang lahir pada tahun 2012. Bantuan masuk sekolah bagi PBMS Tahun 2012 adalah beg sekolah, set alat tulis, botol air dan *lunch box* yang mempunyai lambang logo TAWAS dan Kerajaan Negeri Selangor. Semakan Audit mendapati kawalan dalaman bagi program ini adalah baik kecuali bagi perkara berikut:

- **Pelaksanaan Agihan Bantuan**

- Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan PBMS Ahli TAWAS Kelahiran Tahun 2012 menetapkan perancangan untuk pelaksanaan PBMS Tahun 2012 bermula dengan pembekalan barangan bantuan kemasukan ke sekolah diterima pada bulan Ogos 2018. Pengagihan bantuan pula ditetapkan dibuat sebelum sesi persekolahan dibuka manakala penutupan program adalah pada 31 Januari 2019.
- Lampiran A Surat Tawaran kepada syarikat pembekal menetapkan tempoh siap pembekalan hendaklah dibuat 45 hari dari tarikh pesanan. Selain itu, Borang Perakuan dan Persetujuan yang ditandatangani oleh pembekal menyatakan pihak YAWAS akan dilindungi daripada apa-apa tuntutan, kehilangan, kerugian dan kos ganti rugi. Stok bantuan kemasukan ke sekolah sepatutnya dibekalkan ke DUN dengan segera oleh pembekal supaya pengagihan kepada ahli TAWAS dapat dibuat sebelum sesi persekolahan tahun 2019 bermula.
- Semakan Audit mendapati pesanan pembelian daripada YAWAS telah dibuat melalui *Purchase Order* (PO) bertarikh 25 Oktober

2018. Semakan Audit selanjutnya terhadap *Delivery Order* pembekalan beg sekolah PBMS Tahun 2012 mendapati pembekalan pertama ke pejabat YAWAS dibuat pada 30 November 2018. Pembekalan seterusnya dibuat ke 56 PKM DUN pada 13 hingga 28 Disember 2018. Pihak syarikat pembekal telah gagal membuat pembekalan ke kesemua 56 DUN dengan tempoh kelewatan selama empat (4) hingga 19 hari dari tarikh terakhir sepatutnya pembekalan dibuat iaitu dalam masa 45 hari dari tarikh PO. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 14**.

JADUAL 14
ANALISIS PEMBEKALAN LEWAT
DIHANTAR KE PEJABAT YAWAS/PKM DUN

BIL.	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	BILANGAN PKM DUN
1.	1 hingga 5	3
2.	6 hingga 10	25
3.	11 hingga 20	28
4.		1 (Pejabat YAWAS)

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Selanjutnya, pihak Audit mendapati pengagihan bantuan beg sekolah kepada ahli TAWAS telah dilaksanakan pada 2 Disember 2018 menerusi Majlis Perasmian PBMS Ahli TAWAS Kelahiran 2012 di Sekolah Kebangsaan (2) Taman Selayang, Batu Caves seperti **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Sekolah Kebangsaan (2) Taman Selayang, Batu Caves
Majlis Perasmian PMBS Ahli TAWAS Kelahiran 2012
(2.12.2018)

- Berdasarkan Laporan Jumlah Penerima Beg Mengikut DUN PBMS Tahun 2012 sehingga 31 Disember 2018, adalah didapati hanya 6,635 atau 33.2% daripada 20,000 beg sekolah telah diagihkan

kepada ahli TAWAS manakala sebanyak 13,365 atau 66.8% beg sekolah sedang dalam proses agihan.

- Menurut YAWAS, agihan beg sekolah yang tidak dibuat mengikut perancangan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan Pengurus Besar bagi tempoh yang lama iaitu dari 1 Januari hingga 30 September 2018. Keadaan ini menyukarkan kelancaran proses perancangan dan pelaksanaan program bantuan, PO lewat dikeluarkan dan kelewatan pembekalan oleh pembekal ke pejabat YAWAS dan PKM DUN terlibat.

- **Penetapan Peruntukan Bantuan**

- Pihak Audit mendapati YAWAS telah menerima peruntukan sejumlah RM1.40 juta daripada Perbendaharaan Negeri Selangor bagi PBMS Tahun 2012. Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan PBMS Ahli TAWAS Kelahiran Tahun 2012 mencadangkan peruntukan bantuan untuk PBMS Tahun 2012 adalah sebanyak 20,000 atau 58.7% daripada keseluruhan 34,050 ahli TAWAS kelahiran tahun 2012. Justifikasi tersebut dibuat berdasarkan kepada trend PBMS Tahun 2011 sebelum ini yang memperuntukkan sebanyak 55% sahaja daripada jumlah keseluruhan ahli TAWAS tahun 2011. Bagaimanapun, pemakluman yang dibuat kepada 24,619 ibu bapa ahli TAWAS Kelahiran Tahun 2012 melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) hanya dihantar secara rawak tanpa sebarang asas penetapan.

- Pihak Audit dimaklumkan bahawa YAWAS akan melaksanakan perolehan baru sekiranya beg yang diperolehi tidak mencukupi. Bagaimanapun, tiada ketetapan secara bertulis dibuat mengenai cadangan tersebut dan boleh menyebabkan ibu bapa ahli TAWAS akan lewat menerima beg sekolah tersebut sekiranya perolehan baru dibuat kerana proses perolehan yang mengambil masa yang agak lama.

- **Bayaran Pendahuluan Perolehan Bantuan Beg Sekolah dan Kontrak Perjanjian**

- Prosedur Pengurusan Pentadbiran menetapkan sekiranya pembekal menghendaki Bayaran Pendahuluan, invoice proforma

perlu disediakan. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3, pembayaran yang dibuat sebelum perkhidmatan atau pembekalan adalah dilarang dan di bawah kategori *Improper Payment*.

- Kontrak perjanjian dengan pembekal bantuan beg sekolah hendaklah disediakan bagi menjamin kualiti dan spesifikasi barangan yang dibekalkan selain daripada menjamin kepentingan YAWAS.
- Semakan Audit mendapati sejumlah RM450,000 iaitu 50% deposit telah dibayar kepada syarikat pembekal pada 7 November 2018 bagi perolehan sebanyak 20,000 beg sekolah dengan kos RM45 seunit berjumlah RM900,000. Pembayaran ini adalah sebelum pembekalan mula dibuat pada 30 November 2018. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada kontrak perjanjian dibuat antara pihak YAWAS dengan syarikat pembekal bagi perolehan tersebut.
- Pihak syarikat pembekal hanya menandatangani Borang Perakuan dan Persetujuan yang menyatakan pihak YAWAS akan dilindungi daripada apa-apa tuntutan, kehilangan, kerugian dan kos ganti rugi.
- Pihak YAWAS beranggapan Borang Perakuan dan Persetujuan yang ditandatangani oleh pembekal sudah mencukupi bagi melaksanakan pembekalan. Kepentingan YAWAS tidak terpelihara sekiranya syarikat pembekal tidak mematuhi spesifikasi, kualiti dan kuantiti set beg sekolah.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019 dan berbincang bagi menambah baik kawalan dalaman terhadap pengurusan PBMS pada masa akan datang. SOP terkini berkenaan pengurusan PBMS telah diluluskan oleh Mesyuarat ALPA Bilangan 2 Tahun 2019 yang telah dilaksanakan pada 31 Mei 2019.

Pada pendapat Audit, peratus pengagihan bantuan beg sekolah yang berjaya dibuat kepada ahli TAWAS sebelum sesi persekolahan tahun 2019 dibuka adalah rendah dan tidak mencapai objektif sebenar untuk membantu meringankan perbelanjaan ibu bapa ahli TAWAS. Kegagalan mengagihkan bantuan beg sekolah dan kehilangan beg bantuan sekolah telah menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor mengalami kerugian masing-masing sejumlah RM118,710 dan RM5,625.

ii. Skim Khairat Kematian

Ahli Lembaga Pemegang Amanah dalam Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2014 menyatakan pemegang amanah kepada ahli TAWAS yang meninggal dunia sebelum 1 Mac 2014 berhak menuntut khairat kematian sejumlah RM100 manakala pemegang amanah kepada ahli TAWAS yang meninggal dunia selepas 1 Mac 2014 berhak menuntut khairat kematian sejumlah RM1,500. Mesyuarat tersebut juga memutuskan supaya pihak YAWAS melaburkan sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM100 bagi setiap keahlian TAWAS dalam pelaburan Simpanan Tetap di tiga (3) bank iaitu Bank SME, Bank Rakyat dan Affin Bank. Hasil dividen daripada pelaburan tersebut digunakan untuk membayar sumbangan khairat kematian.

• Tempoh Memproses Permohonan Tuntutan Khairat Kematian Ahli TAWAS

- SOP Bahagian Akaun YAWAS menyatakan setiap pembayaran perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil/invois dan dokumen lengkap berkaitan diterima serta dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Semakan Audit mendapati SOP Tuntutan Khairat Kematian Ahli TAWAS tidak menetapkan tempoh memproses borang permohonan tuntutan khairat kematian ahli TAWAS dari tarikh borang diterima hingga ke tarikh keputusan lulus permohonan. Semakan Audit selanjutnya terhadap 65 sampel baucar bayaran bagi tuntutan khairat kematian ahli TAWAS mendapati tempoh proses permohonan khairat kematian mengambil masa antara satu (1) hingga 44 hari seperti **Jadual 15**.

JADUAL 15
ANALISIS TEMPOH MASA PERMOHONAN
TUNTUTAN KHAIRAT KEMATIAN TAHUN 2018

TEMPOH PERMOHONAN (Hari)	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
11 hingga 20	35
21 hingga 30	9
31 hingga 40	1
40 hingga 44	2
JUMLAH	47

Sumber: Jabatan Audit Negara

- SOP Tuntutan Khairat Kematian Ahli TAWAS tidak menetapkan tempoh memproses borang permohonan tuntutan khairat kematian ahli TAWAS dan juga kelewatan dalam memproses borang permohonan ahli TAWAS adalah antara sebab berlakunya kelewatan. Kelewatan ini menyebabkan Pemegang amanah ahli TAWAS lewat menerima sumbangan khairat kematian.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019

Pihak YAWAS telah membawa perkara ini ke Mesyuarat ALPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang diadakan pada 25 Mac 2019 untuk mengkaji semula dan menambah baik SOP Khairat Kematian sedia ada.

Pada pendapat Audit, kelewatan memproses borang permohonan merencatkan objektif bantuan kepada pemegang amanah ahli TAWAS yang meninggal dunia.

d. Pengurusan IPB

Program IPB telah dilancarkan pada tahun 2013 dan diuruskan oleh Seksyen Sektor, UPEN. Merujuk kepada Mesyuarat MMKN Bilangan 37 Tahun 2016 pada 16 November 2016 memutuskan pengurusan IPB adalah di bawah tanggungjawab YAWAS berkuat kuasa bulan Januari 2017. Objektif program IPB adalah untuk mengagihkan secara terus manfaat kepada Belia Negeri Selangor yang layak melalui pemberian SSP BSN berjumlah RM500 seorang. Setiap permohonan adalah secara individu dan permohonan perlu dibuat

secara berasingan bagi pasangan suami isteri yang layak dan menepati syarat yang telah ditetapkan. Program ini bagaimanapun telah ditamatkan berkuat kuasa mulai 1 September 2018 atas arahan Seksyen Sektor UPEN. Bagi tempoh tahun 2017 hingga bulan Disember 2018, seramai 32,362 pemohon telah diluluskan dan menerima insentif sejumlah RM500 seorang dengan jumlah keseluruhan sejumlah RM16.18 juta. Semakan Audit mendapati kawalan dalaman bagi program ini adalah baik kecuali bagi perkara berikut:

i. Tempoh Memproses Permohonan IPB

- SOP Bahagian Akaun YAWAS menetapkan setiap pembayaran perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil/invois dan dokumen lengkap berkaitan serta dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Buku Panduan Jabatan Pendaftaran Proses Pengurusan Program IPB berkenaan proses penerimaan borang permohonan hingga kepada penyerahan SSP kepada pemohon tidak menyatakan mengenai tempoh proses permohonan mulai daripada tarikh borang permohonan diterima sehingga kelulusan permohonan sama ada permohonan diluluskan, tidak diluluskan atau dokumen sokongan tidak lengkap.
- Semakan Audit terhadap data kelulusan permohonan IPB bagi tahun 2017 dan 2018 yang dikemukakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat, YAWAS mendapati sebanyak 23,766 data lengkap dengan maklumat tarikh penerimaan borang. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh proses permohonan iaitu daripada tarikh penerimaan borang hingga ke tarikh kelulusan mengambil masa antara satu (1) hingga 342 hari.
- Sehingga 30 Januari 2019, semakan Audit terhadap 60 sampel permohonan IPB bagi tahun 2017 hingga 2018 mendapati perkara seperti berikut:
 - Terdapat 17 permohonan mengambil masa antara 160 hingga 332 hari dari tarikh penerimaan borang IPB oleh Kaunter Pejabat YAWAS/Jabatan Pemasaran YAWAS/PKM DUN hingga tarikh kelulusan.

- Terdapat 30 permohonan yang telah diluluskan dalam tempoh satu (1) hingga 332 hari tetapi masih belum dibayar.
- Tempoh permohonan IPB daripada borang permohonan diterima sehingga permohonan diluluskan mengambil masa yang agak panjang adalah disebabkan oleh SOP IPB yang tidak menetapkan tempoh proses permohonan. Perkara ini menyebabkan pemohon IPB yang layak lambat menerima manfaat IPB.

ii. Pembayaran Insentif

- Buku Panduan Jabatan Pendaftaran Proses Pengurusan IPB berkaitan Proses Pembayaran ke Bank (Pembukaan SSP BSN) menetapkan pembayaran dana program IPB dibuat ke bank pada minggu pertama atau kedua setiap bulan.
- Semakan Audit terhadap baucar bayaran kepada BSN mendapati pembayaran dana Program IPB ke bank BSN lewat dibuat bagi penerima yang disahkan pada bulan April hingga September 2018. Pembayaran berjumlah RM555,000 kepada seramai 1,110 orang penerima yang disahkan pada bulan April 2018 hanya dibuat pada bulan November 2018 iaitu mengambil masa sehingga tujuh (7) bulan. Selain itu, pembayaran berjumlah RM4.13 juta kepada seramai 8,261 orang penerima yang disahkan pada bulan April hingga September 2018 pula hanya dibuat pada bulan Disember 2018 iaitu mengambil masa antara tiga (3) hingga lapan (8) bulan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN IPB LEWAT DIBUAT

BIL.	PENGESAHAN YAWAS (Bulan)	PEMBAYARAN DIBUAT PADA BULAN	JUMLAH PENERIMA	AMAUN BAYARAN KEPADA BSN (RM Juta)	TARIKH BAUCAR BAYARAN	CATATAN
1.	April 2018	November 2018	1,110	0.55	16.11.2018	Mengambil masa sehingga tujuh (7) bulan untuk pembayaran
2.	April hingga September 2018	Disember 2018	8,261	4.13	20.12.2018	Mengambil masa antara tiga (3) hingga lapan (8) bulan
JUMLAH			9,371	4.68		

Sumber: Baucar Bayaran IPB, TAWAS

- Kelewatan pembayaran IPB adalah disebabkan oleh peruntukan lewat diterima daripada UPEN dan kesan daripada kelewatan ini boleh menimbulkan ketidakpuasan hati oleh pemohon.

Maklum Balas YAWAS yang Diterima pada 26 Mac 2019 dan 21 Jun 2019

Program IPB di bawah program IPR ini telah ditangguhkan mulai 1 September 2018 berdasarkan keputusan MMKN Bilangan 29 Tahun 2018. Bagaimanapun, pembayaran kepada semua pemohon IPB telah diselesaikan pada 11 Januari 2019.

Pada pendapat Audit, kelewatan memproses borang permohonan merencatkan objektif bantuan kepada penerima IPB dalam membantu pasangan yang baru mendirikan rumah tangga.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, kedudukan kewangan dan aktiviti utama yang telah diaudit, objektif penubuhan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah dicapai. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat YAWAS adalah kurang memuaskan dan beberapa penambahbaikan diperlukan selaras dengan amalan terbaik korporat. Kedudukan kewangan YAWAS pula berada pada tahap stabil dengan merekodkan lebih sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut. Berdasarkan aktiviti utama yang dipilih pula, pencapaian output dari segi bilangan pendaftaran baru ahli TAWAS dan Insentif Perkahwinan Belia (IPB) telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam Keberhasilan Utama YAWAS. Pencapaian *outcome* bagi PBMS di bawah TAWAS didapati masih belum tercapai memandangkan agihan bantuan PBMS tidak diagihkan keseluruhannya sebelum sesi persekolahan bermula. Selain itu, bagi program IPB terdapat kelemahan dalam pengurusan IPB melibatkan tempoh bayaran insentif kepada pemohon yang berjaya.

8. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan YAWAS dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah YAWAS perlu

mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. menambah baik amalan tadbir urus korporat antaranya menjelaskan tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Lembaga Pemegang Amanah melalui piagam Lembaga Pemegang Amanah, mengadakan mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah mengikut ketetapan Artikel Penubuhan Syarikat, menyediakan SOP syarikat yang menyeluruh dan pelan strategik yang berkesan bagi membolehkan operasi syarikat berjalan lancar;
- 8.2. agihan bantuan PBMS hendaklah dilaksanakan sepertimana perancangan agar pengagihan dapat dibuat dengan segera sebelum sesi persekolahan bermula;
- 8.3. memastikan kontrak perjanjian perolehan PBMS disediakan bagi memastikan kepentingan YAWAS terpelihara sekiranya bayaran pendahuluan dibuat sebelum pembekalan diterima;
- 8.4. mewujudkan mekanisma pemantauan berterusan terhadap stok beg sekolah yang masih belum diagihkan bagi memastikan tidak berlaku kehilangan;
- 8.5. menambah baik prosedur SOP Tuntutan Khairat Kematian Ahli TAWAS dengan menetapkan secara jelas tempoh memproses permohonan; dan
- 8.6. memastikan pembayaran insentif IPB kepada pemohon yang berkelayakan dan telah diluluskan dibuat dengan segera.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

1 | PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakili kuasa.

1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Seksyen 5 dan Seksyen 6 Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang **Cemerlang** boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

1.4.1. Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan.

1.4.2. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti **Jadual 2**.

**JADUAL 2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO**

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2018 melibatkan 10 Jabatan.

3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dilaksanakan di lima (5) Agensi dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2018 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

4.2. Semakan rekod dan dokumen kewangan serta pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Prestasi Keseluruhan

5.1.1. Bagi tahun 2018, pengauditan telah dilaksanakan terhadap 15 Jabatan/Agensi Negeri seperti **Jadual 3**.


JADUAL 3
SENARAI JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
3.	Jabatan Mufti Negeri Selangor
4.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
10.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor
11.	Majlis Perbandaran Selayang
12.	Perbadanan Wakaf Selangor
13.	Majlis Perbandaran Klang
14.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
15.	Majlis Daerah Hulu Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.2. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 15 Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2018 menunjukkan lima (5) Jabatan/Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, sembilan (9) Jabatan/Agensi tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan/Agensi tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 1**.


**CARTA 1
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.3. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 15 Jabatan/ Agensi yang dinilai pada tahun 2018 adalah seperti **Carta 2**.

CARTA 2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Mengikut Kawalan

5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi 10 Jabatan Negeri mendapati enam (6) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap **Cemerlang**, satu (1) kawalan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) kawalan berada pada tahap **Memuaskan** seperti **Carta 3**.

CARTA 3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara


■ Cemerlang

■ Baik

■ Memuaskan

5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2018 mengikut elemen kawalan bagi lima (5) Agensi Negeri pula mendapati tujuh (7) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap **Cemerlang** dan masing-masing satu (1) kawalan berada pada tahap **Baik** dan **Memuaskan** seperti **Carta 4**.

CARTA 4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

a. Kawalan Pengurusan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan enam (6) Jabatan berada pada tahap **Baik** dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 5**.

**CARTA 5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 6**.


CARTA 6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 24 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 7**.

CARTA 7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 51 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 4**.

**JADUAL 4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Mesyuarat JPKA, JKA, dan JTPK tidak/lewat diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan.	i. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	Majlis Perbandaran Selayang
2.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan sekali. (AP309).	i. Jabatan Mufti Negeri Selangor ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
3.	Pemeriksaan Dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. (AP308).	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor iii. Jabatan Mufti Negeri Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	
4.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	
5.	Pegawai tidak menghadiri kursus/latihan atau kursus/latihan diberi tidak berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	i. Perbadanan Wakaf Negeri Selangor ii. Majlis Perbandaran Selayang

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Mengikut AP309, Ketua Jabatan hendaklah mengadakan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan, tidak kira bulan apa yang dipilih dan seterusnya sekali lagi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan, ke atas tiap-tiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam jabatannya yang diamanahkan dengan penyimpanan wang awam, setem atau barang-barang lain yang berharga.
- Sebanyak dua (2) Jabatan melaksanakan Pemeriksaan Mengejut tidak mengikut tempoh, manakala dua (2) Agensi pula tidak melaksanakan pemeriksaan ke atas peti besi dan bilik kebal serta Pemeriksaan Mengejut bagi satu (1) Jabatan dilaksanakan oleh bukan Ketua Jabatan.

b. Kawalan Bajet

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik**. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 8**.

**CARTA 8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang

■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 21 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 9**.


CARTA 9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 21 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 10**.

CARTA 10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP SEMBILAN (9) KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 5**.

**JADUAL 5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018 lewat dikemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	
2.	Pindah peruntukan dibuat sebelum mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus.		Perbadanan Wakaf Negeri Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Baik**. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 11**.

**CARTA 11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 32 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 12**.


CARTA 12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 32 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 13**.

CARTA 13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 39 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 6**.

JADUAL 6
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Resit tidak disediakan pada hari yang sama dan dihantar selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Daftar Mel/Laporan Mel tidak diselenggarakan oleh pegawai yang diberi kuasa dan selain daripada juruwang/pegawai yang menyediakan resit.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	
3.	Daftar Mel/Laporan Mel tidak disemak setiap hari dengan Buku Tunai/Buku Tunai Elektronik (TK100) oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
4.	Borang hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan nombor yang betul.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	
5.	Resit Rasmi tidak dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis.	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:


- Mengikut AP62(b) menetapkan Resit Rasmi hanya boleh dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Manakala Perenggan 7.2, Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 13 Tahun 2014 menyatakan mengenai pengasingan tugas di mana pegawai yang diberi kuasa untuk membatalkan Resit Rasmi hendaklah pegawai selain daripada pegawai yang menulis atau pegawai yang mengeluarkan Resit Rasmi. Resit Rasmi telah dibatalkan oleh pegawai yang sama yang mengeluarkan resit di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

d. Pengurusan Perolehan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, tiga (3)

Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 14**.

CARTA 14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang ■ Baik ■ Memuaskan ■ Kurang memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 15**.


CARTA 15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 39 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 47 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 16**.

CARTA 16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 47 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.	Semua jabatan yang diaudit kecuali Jabatan Mufti Negeri Selangor	i. Majlis Perbandaran Selayang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dipatuhi.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor iii. Jabatan Mufti Negeri Selangor iv. Jabatan Pertanian Negeri Selangor v. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor vi. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang vii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	i. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
3.	Pembayaran melebihi 3 kali/ melebihi tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya Surat Setuju Terima dan sebelum kontrak formal ditandatangani.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang iv. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	
4.	Kontrak/Surat Setuju Terima tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973).	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iv. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	
5.	Pembelian Terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun.	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	i. Majlis Daerah Hulu Selangor ii. Majlis Perbandaran Klang

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Mengikut PPP PK 4 Perenggan 1(v)(a) dan Jadual 1 menetapkan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding, bayaran berkala adalah dibenarkan sehingga tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani. Bayaran berkala yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangani. Mengikut PPP PK 4.2 Perenggan 5.1 dan 5.2 (berkuat kuasa 1 September 2017)


menetapkan semua kontrak Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Kontrak Kerajaan 1949.

- Sebanyak empat (4) Jabatan telah membuat bayaran kali ke empat kepada pembekal sebelum kontrak formal ditandatangani. Manakala empat (4) Jabatan lagi, kontrak formal telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.

e. Kawalan Perbelanjaan

- i. Secara keseluruhannya bagi Jabatan Negeri, sembilan (9) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Manakala bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Baik**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 17**.

**CARTA 17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara


■ Cemerlang

■ Baik

■ Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 18**.


CARTA 18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 19**.

CARTA 19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP 18 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 8**.

JADUAL 8
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor iii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iv. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	i. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ii. Majlis Perbandaran Klang iii. Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Laporan Pukul (BP21) tidak disemak dengan bil asal.	i. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor	
3.	Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara.	i. Jabatan Pertanian Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	
4.	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	
5.	Pembayaran kepada pembekal melebihi 14 hari dari tarikh kelulusan diterima daripada Perbendaharaan.		i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor


Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:
- Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 17 Tahun 2014, Lampiran A Tatacara Perakaunan Bayaran Perenggan 3.9 menetapkan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam penyediaan baucar bayaran secara elektronik seperti tahap capaian hendaklah berdasarkan kepada kuasa diberikan secara bertulis dan perlu dikemas kini dari semasa ke semasa terutamanya apabila berlaku pertukaran pegawai atau persaraan pegawai. Lampiran B Tatacara Perakaunan Bayaran Pukul pula menetapkan PTJ hendaklah menyemak semua invoice/bil yang diterima daripada Agensi Pukul dan mengesahkan bahawa urus niaga yang dikenakan adalah betul.
 - Sebanyak dua (2) Jabatan telah tidak menyemak Laporan Pukul dengan bil asal, manakala dua (2) Jabatan lagi tidak membatalkan capaian dalam sistem bagi pegawai yang telah bertukar, berhenti atau bersara.

f. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan dua (2) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dan dua (2) Agensi berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Agensi pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Deposit bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 20**.

**CARTA 20
PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN
WANG AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 17 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Deposit bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti **Carta 21**.


CARTA 21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 17 KRITERIA BAGI
JABATAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 20 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 22**.

CARTA 22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 20 KRITERIA BAGI
AGENSI DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG PINJAMAN DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 9**.

JADUAL 9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh Deposit boleh dikembalikan tidak diwartakan.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	i. Perbadanan Wakaf Negeri Selangor ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Deposit tidak diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	
3.	Daftar /Rekod Kecil Deposit bagi Deposit yang sama jenis dan banyak bilangan tidak diselenggara.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	
4.	Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggarakan dengan lengkap.		Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik** dan satu (1) Jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Memuaskan**, satu (1) Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan** dan satu (1) Agensi berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 23**.

**CARTA 23
PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2018**




Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang
 ■ Baik
 ■ Memuaskan
 ■ Kurang Memuaskan
 ■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 56 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 24**.


CARTA 24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 56 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 96 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 25**.

CARTA 25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 96 KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 10**.

JADUAL 10
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	
		JABATAN	AGENSI
1.	Semua Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah tidak didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iv. Jabatan Pertanian Negeri Selangor v. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor
2.	Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor	i. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ii. Majlis Perbandaran Klang iii. Majlis Daerah Hulu Selangor
3.	Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman sementara tidak direkod pada Daftar Pergerakan Harta Modal/Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-6).	i. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
4.	Semua aset tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iii. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	i. Majlis Perbandaran Klang ii. Majlis Daerah Hulu Selangor
5.	Pemeriksaan teknikal aset tidak dijalankan oleh pegawai yang bertauliah.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	Majlis Perbandaran Klang

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:


- Mengikut PPP AM 2.4 Perenggan 6.4, menetapkan pemeriksaan ke atas semua Aset Alih hendaklah dilaksanakan seratus peratus (100%) dan pemeriksaan boleh dilaksanakan sepanjang tahun pada tahun semasa secara berperingkat.
- Sebanyak tiga (3) Jabatan dan satu (1) Agensi tidak menjalankan pemeriksaan aset secara seratus peratus. Manakala satu (1) Agensi tidak menyediakan Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah dengan lengkap.

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga (3) Jabatan berada pada tahap **Baik**, satu (1)

Jabatan berada pada tahap **Memuaskan** dan lima (5) Jabatan berada pada tahap **Tidak Memuaskan**. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 26**.

CARTA 26
PENCAPAIAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN JABATAN BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Audit Negara

■ Cemerlang


■ Baik

■ Memuaskan

■ Tidak Memuaskan

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 32 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi 10 Jabatan adalah seperti **Carta 27**.

CARTA 27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP 32 KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 11**.

JADUAL 11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN JABATAN
1.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Jabatan Mufti Negeri Selangor ii. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat v. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor vi. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang vii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam viii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor
2.	Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan jabatan tidak diselenggarakan oleh pegawai kenderaan dan pemandu dengan lengkap.	i. Jabatan Mufti Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat iii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang v. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam vi. Jabatan Pertanian Negeri Selangor
3.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Mufti Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat iii. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang v. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam vi. Jabatan Pertanian Negeri Selangor
4.	Penyata penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan tidak diterima/dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR dan tiada semakan dilaksanakan oleh pegawai kenderaan.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat iv. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang v. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
5.	Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama.	i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor iv. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat v. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang


Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

- Mengikut PPP WP 4.1 Perenggan 12 menetapkan Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit hendaklah dikemas kini dan disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan. Manakala Lampiran A Perenggan 7.5 pula menetapkan Pegawai Kenderaan mestilah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Kenderaan. Buku rekod ini hendaklah dikemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
- Sebanyak enam (6) Jabatan tidak menyediakan Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini.

i. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman


i. Secara keseluruhannya bagi Agensi Negeri, semua lima (5) Agensi mencapai tahap **Cemerlang**. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2018 adalah seperti **Carta 28**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
■ Cemerlang

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi lima (5) Agensi adalah seperti **Carta 29**.

CARTA 29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP 23 KRITERIA BAGI
AGENSI DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti **Jadual 12**.

JADUAL 12
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN AGENSI
1.	Pelaburan tidak dibuat oleh pegawai atau pengurus portfolio yang diberi kuasa.	Perbadanan Wakaf Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2018 berada pada tahap **Baik** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta

mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian dan menjejaskan imej Kerajaan;
- 6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;
- 6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- 6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.

Pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap

penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya perlu diberikan kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

2 | PENGAUDITAN MENGEJUT

1. PENDAHULUAN

1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menetapkan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menetapkan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop Pengauditan Mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan terhadap barang berharga, kawalan umum dan pengurusan kenderaan Kerajaan. Pengauditan Mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga. Pengauditan bagi tahun 2018 telah dilaksanakan di 15 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di bawah sembilan (9) Jabatan Negeri adalah seperti **Jadual 1**. Manakala lima (5) Pejabat Agensi Negeri adalah seperti **Jadual 2**.

JADUAL 1
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN NEGERI PADA TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN NEGERI	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	1
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	1
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	2
4.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	1
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	2
6.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	3
7.	Pejabat Agama Islam Daerah Petaling	1
8.	Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang	1
9.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	3
JUMLAH		15

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 2
PENGAUDITAN MENGEJUT DI AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
1.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1
2.	Majlis Perbandaran Klang	1
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	1
4.	Perbadanan Wakaf Selangor	1
5.	Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang	1
JUMLAH		5

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI

Metodologi Pengauditan Mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan dijalankan terhadap semua rekod kewangan yang berkaitan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi. Lawatan dan tinjauan mengejut juga dilaksanakan di lokasi operasi/penyimpanan/stor.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos/Pejabat dinilai berdasarkan 41 kriteria melibatkan 19 kriteria bagi kawalan

terimaan, empat (4) bagi kawalan perbelanjaan, 10 kriteria bagi kawalan terhadap barang berharga, tiga (3) kriteria bagi kawalan umum dan lima (5) kriteria bagi kawalan kenderaan. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK DAN PEJABAT YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PEJABAT
1.	Terimaan	19	7	5
2.	Perbelanjaan	4	0	0
3.	Barang Berharga	10	6	2
4.	Umum	3	2	1
5.	Kenderaan	5	4	0
JUMLAH		41	19	8


Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit Mengikut Kawalan

5.2.1. Kawalan Terimaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak tujuh (7) PTJ/PK tidak mematuhi tujuh (7) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan sebanyak tiga (3) PTJ/PK melibatkan Borang Hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul dan direkodkan di Kew. 68, baki fizikal stok Borang Hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil dan Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan;
 - ii. dua (2) PTJ/PK tidak mengeluarkan resit rasmi dan resit rasmi tidak direkodkan dalam buku tunai;
 - iii. ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak satu (1) PTJ/PK melibatkan stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat, resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri, jumlah terimaan secara fizikal berbeza dengan rekod di sistem; dan
 - iv. butiran lanjut adalah seperti **Carta 1**.

CARTA 1
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Borang Hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan nombor yang betul dan tidak direkodkan di Kew. 68 melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Pertanian Daerah Sepang, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- b. Baki fizikal stok Borang Hasil berbeza dengan rekod dalam Daftar Borang Hasil melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Pejabat Pertanian Daerah Sepang, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- c. Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor serta Pejabat Pertanian Daerah Gombak
- d. Resit rasmi tidak dikeluarkan pada masa urusan dibuat dan tidak direkodkan dalam buku tunai melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu Pejabat Pertanian Daerah Sepang dan Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang
- e. Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat berkunci dan selamat melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Pejabat Pertanian Daerah Gombak
- f. Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- g. Jumlah terimaan secara fizikal berbeza dengan rekod di sistem melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Pejabat Agama Islam Daerah Petaling


v. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Semua kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil Kerajaan kerana perkhidmatan/bekalan yang diberikan adalah tanpa bayaran.

vi. Analisis Audit mendapati sebanyak dua (2) Pejabat tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:

- sebanyak masing-masing satu (1) Pejabat tidak mematuhi peraturan iaitu Peranan dan capaian dalam sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa, Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan, resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa, jumlah terimaan secara fizikal berbeza dengan rekod dalam sistem dan

kutipan wang tunai kurang daripada RM500 tidak disimpan selamat di dalam peti besi adalah seperti **Carta 2**.

CARTA 2
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Peranan dan capaian dalam sistem e-terimaan tidak selaras dengan penurunan kuasa di Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang
- b. Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan di Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang
- c. Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa di Majlis Perbandaran Klang
- d. Jumlah terimaan secara fizikal berbeza dengan rekod dalam sistem di Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang
- e. Kutipan wang tunai kurang daripada RM500 tidak disimpan selamat di dalam peti besi di Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang

b. Kawalan terimaan yang tidak dipatuhi ini memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil Kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

5.2.2. Kawalan Perbelanjaan


Analisis Audit mendapati semua PTJ/PK dan Pejabat mematuhi kesemua empat (4) kriteria dalam kawalan perbelanjaan.

5.2.3. Kawalan Terhadap Barang Berharga

a. Analisis Audit mendapati sebanyak lapan (8) PTJ/PK tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga. Hasil analisis mendapati:

- i. ketidakpatuhan yang signifikan terhadap kawalan barang berharga adalah sebanyak lima (5) PTJ/PK melibatkan maklumat penerimaan barangan daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak dilengkapkan dalam KEW.PS-1 atau tiada perakuan oleh Pegawai Pengesah dan baki fizikal barangan stor berharga berbeza dengan baki terakhir di kad petak tersebut;
- ii. ketidakpatuhan yang seterusnya melibatkan masing-masing tiga (3) PTJ/PK adalah stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput dan aset tidak diberi tanda pengenalan 'Hak Kerajaan Malaysia' serta Nombor Siri Pendaftaran;
- iii. ketidakpatuhan paling rendah terhadap kawalan barang berharga melibatkan masing-masing dua (2) PTJ/PK adalah berkenaan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah yang tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan dan dokumen berharga tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal; dan
- iv. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 3**.

CARTA 3
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN TERHADAP BARANG BERHARGA



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Maklumat penerimaan barangan daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak dilengkapkan dalam KEW.PS-1 atau tiada perakuan oleh Pegawai Pengesah melibatkan lima (5) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling, Pejabat Pertanian Daerah Gombak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling serta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
- b. Baki fizikal barangan stor barang berharga berbeza dengan baki terakhir di kad petak kerana tidak dikemas kini melibatkan lima (5) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Jabatan Kerja Raya Sepang, Pejabat Pertanian Daerah Gombak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
- c. Aset tidak diberi tanda pengenalan 'Hak Kerajaan Malaysia' dan tidak ditandakan dengan Nombor Siri Pendaftaran melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Sepang, Pejabat Pertanian Daerah Gombak serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
- d. Stok bertarikh luput tidak dilabel tarikh luput melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Sepang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
- e. Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Sepang dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
- f. Dokumen berharga tidak disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Petaling dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor

v. Semua kelemahan dalam kawalan terhadap barang berharga yang ditemui semasa Pengauditan Mengejut di PTJ/PK adalah berpunca daripada kawalan dalaman yang lemah yang meningkatkan risiko kepada berlakunya kehilangan atau kecurian barang berharga.


vi. Analisis Audit mendapati sebanyak dua (2) Pejabat yang tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan terhadap barang berharga. Hasil analisis mendapati:

- ketidakpatuhan yang signifikan terhadap kawalan barang berharga adalah mengenai maklumat penerimaan barangan daripada pembekal

Stor Pusat/Utama tidak dilengkapkan dalam KEW.PS-1 atau tiada perakuan oleh Pegawai Pengesah iaitu melibatkan dua (2) Pejabat;

- sebanyak satu (1) Pejabat tidak mendaftarkan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan; dan
- butiran lanjut adalah seperti di **Carta 4**.

CARTA 4
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN TERHADAP BARANG BERTERANGA



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. Maklumat penerimaan barangan daripada pembekal Stor Pusat/Utama tidak dilengkapkan dalam KEW.PS-1 atau tiada perakuan oleh Pegawai Pengesah melibatkan dua (2) Pejabat iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Klang
- b. Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan melibatkan satu (1) Pejabat iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor

b. Kawalan terhadap barang berharga yang tidak dipatuhi ini memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat dan kehilangan aset. Semua kelemahan ini memberi kesan kepada pegawai di Pejabat yang terlibat.


5.2.4. Kawalan Umum

- a. Analisis Audit mendapati sembilan (9) PTJ/PK tidak mematuhi dua (2) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:
 - i. ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah melibatkan sebanyak lapan (8) PTJ/PK iaitu Ketua Jabatan tidak melakukan

Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga;

- ii. ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan tiga (3) PTJ/PK adalah kod kombinasi dan anak kunci peti besi dipegang oleh pegawai yang sama atau dua (2) orang pegawai berlainan yang tidak diberi penurunan kuasa; dan
- iii. butiran lanjut adalah seperti di **Carta 5**.

CARTA 5
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM




Nota:

- a. **Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan melibatkan lapan (8) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Klang, Pejabat Pertanian Daerah Gombak, Pejabat Agama Islam Daerah Petaling, Pejabat Hutan Daerah Pantai Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling serta Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor**
- b. **Kod kombinasi dan anak kunci peti besi dipegang oleh pegawai yang sama atau dua (2) orang pegawai berlainan yang tidak diberi penurunan kuasa melibatkan tiga (3) PTJ/PK iaitu Jabatan Kerja Raya Sepang, Jabatan Pengairan dan Saliran Klang dan Pejabat Pertanian Daerah Gombak**

- iv. Penemuan Audit di PTJ/PK menunjukkan kelemahan dalam kawalan umum melibatkan ketidakpatuhan terhadap AP 309 dan penggunaan peti besi yang memberi implikasi kepada kehilangan wang awam atau barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai di PTJ/PK terlibat.
- v. Analisis Audit mendapati sebanyak dua (2) Pejabat tidak mematuhi satu (1) kriteria dalam kawalan umum iaitu ketidakpatuhan dalam Pemeriksaan

Mengejut di mana Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga adalah seperti **Carta 6**.

CARTA 6
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a. **Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam (6) bulan melibatkan dua (2) Pejabat iaitu Perbadanan Wakaf Selangor dan Perpustakaan Awam Selangor Daerah Klang**

- b. Ketidakpatuhan dalam kawalan umum bagi Pejabat yang diaudit juga melibatkan keselamatan wang tunai atau barang berharga serta ketidakpatuhan terhadap AP 309. Kelemahan ini memberi implikasi kehilangan wang awam atau barang berharga dan berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di Pejabat berkaitan.


5.2.5. Kawalan Kenderaan

- a. Analisis Audit mendapati sebanyak satu (1) PTJ/PK tidak mematuhi empat (4) kriteria dalam kawalan kenderaan. Hasil analisis mendapati:
 - i. Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan kenderaan melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Pegawai Kenderaan tidak mengemas kini Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden apabila ada keperluan untuk mengisi minyak oleh pemandu serta Kad Inden dan KSBTTR atau

SmartTAG yang tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan apabila tiada keperluan untuk digunakan; dan

ii. butiran lanjut adalah seperti **Carta 7**.

CARTA 7
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN KENDERAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- Pegawai Kenderaan tidak mengemas kini Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor
- Pegawai Kenderaan tidak mengemas kini Buku Rekod Pergerakan Kad Inden apabila ada keperluan untuk mengisi minyak oleh pemandu melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor
- Kad Inden tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor
- KSBTTR dan *SmartTAG* bagi kenderaan Jabatan tidak disimpan selamat oleh Pegawai Kenderaan pada setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya melibatkan satu (1) PTJ/PK iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor

b. Kawalan kenderaan yang tidak dipatuhi ini memberi risiko kepada penyalahgunaan atau kehilangan Kad Inden dan KSBTTR. Kelemahan-kelemahan ini boleh memberi implikasi kepada pegawai di PTJ/PK yang berkenaan.

6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi lima (5) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK/pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkat dan memantapkan kawalan pengurusan

keuangan di PTJ/PK dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 6.1. memastikan semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 6.3. Surat Penurunan Kuasa disediakan kepada semua pegawai kewangan yang terlibat dalam kawalan terimaan;
- 6.4. mempertingkatkan penyeliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 6.5. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 6.6. mempertingkatkan kawalan seliaan terhadap barang berharga, aset dan wang awam;
- 6.7. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125;
- 6.8. Pemeriksaan Mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan selaras dengan AP 309;
- 6.9. kawalan kenderaan perlu diseliasa sepenuhnya oleh Pegawai Kenderaan selaras dengan Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP) WP 4.1; dan
- 6.10. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.



• PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program/aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek/program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan penambahbaikan yang segera akan menjejaskan pencapaian objektif projek/program secara keseluruhan. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal perlu memastikan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku di projek/program yang lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
24 Jun 2019**



• AKRONIM

AKRONIM

ALPA	Ahli Lembaga Pemegang Amanah
APK	Arahan Perubahan Kerja
BQ	Senarai Kuantiti
CLBG	Syarikat Berhad Menurut Jaminan
DCR	Resolusi Lembaga Pemegang Amanah
DLP	Tempoh Tanggungan Kecacatan
DO	Nota Serahan/ <i>Delivery Order</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
EOT	Lanjutan Masa
EXCO	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
EXCOM	<i>Executive Committee</i>
INTOSAI	<i>International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
IPB	Insentif Perkahwinan Belia
IPR	Inisiatif Peduli Rakyat
ISP	<i>Internet Service Provider</i>
ISSAI	<i>Standards of Supreme Audit Institutions</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
JP	Jabatan Pendaftaran
JPP	Jawatankuasa Penilaian Perunding
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KRA	Keberhasilan Utama
KSBTTR	Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit
LPA	Lembaga Pemegang Amanah
MBI	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MES	Merakyatkan Ekonomi Selangor
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat
PBMS	Program Bantuan Masuk Sekolah
PD	Perpustakaan Daerah
PK	Pusat Kos
PKM	Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat
PO	Borang Pesanan/ <i>Purchase Order</i>
PP	Perpustakaan Pekan
PPAS	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
PPP	Portal Pekeliling Perbendaharaan
PTJ	Pusat Tanggungjawab
SKK	Skim Khairat Kematian
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPP	Surat Pekeliling Perbendaharaan
SSP	Sijil Simpanan Premium
SST	Surat Setuju Terima
TAWAS	Tabung Warisan Anak Selangor
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YAWAS	Yayasan Warisan Anak Selangor



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
PNMB Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1- 5

PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my